

MENJANA  
TRANSFORMASI  
INSPIRING TRANSFORMATION



LAPORAN  
TAHUNAN  
**2014** ANNUAL REPORT



SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
COMPANIES COMMISSION OF MALAYSIA  
( Agensi di bawah KPDKKK )

Menara SSM@Sentral  
No 7, Jalan Stesen Sentral 5  
Kuala Lumpur Sentral  
50623 Kuala Lumpur.

Tel: 03-2299 4400  
Fax: 03-2299 4411  
E-mail : [enquiry@ssm.com.my](mailto:enquiry@ssm.com.my)





“ Laporan Indeks Kemudahan Menjalankan Perniagaan yang dikeluarkan oleh Bank Dunia juga, telah meletakkan Malaysia di kedudukan ke-18, berbanding pada kedudukan ke-20 tempoh yang lepas. Selain itu, dalam laporan IMD “World Competitiveness Yearbook 2014”, kedudukan Malaysia telah meningkat ke kedudukan 12 daripada tangga 15. ”

**YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak  
Perdana Menteri Malaysia**

(Sumber : Ucapan YAB Dato' Sri Mohd Najib bin Tun Abdul Razak di dalam laporan Program Transformasi Kerajaan Dan Program Transformasi Ekonomi 2014)

## **PERNYATAAN WAWASAN SSM**

“ Menjadi Pendaftar Dan Organisasi Kawal Selia Korporat Bertaraf Dunia Yang Memenuhi Keperluan Perniagaan Menerusi Pendaftaran, Maklumat, Kawal Selia Dan Khidmat Nasihat Yang Berkesan. ”



## KONSEP **KULIT**

### Menjana Transformasi

Gagasan segi tiga yang dipaparkan pada reka bentuk kulit hadapan laporan tahunan ini menggambarkan kekuatan hakiki SSM. Elemen bentuk segi tiga tersebut diilhamkan daripada bentuk piramid yang melambangkan kegigihan, kekuatan, kekukuhkan, keazaman, keceriaan dan kesepaduan dalam membangunkan sebuah organisasi yang cemerlang.

Unsur segi tiga ini juga digambarkan sebagai pergerakan yang sentiasa mengorak langkah ke hadapan demi mencapai kecemerlangan dan menjana transformasi ke arah kemajuan dan perkembangan ekonomi Malaysia pada peringkat tempatan dan antarabangsa.

Rona dan warna yang diadunkan dalam reka bentuk mencerminkan pelanggan SSM daripada pelbagai peringkat dan kaum. Tampakan yang digunakan pula menggambarkan peranan serta kejayaan usahawan yang berdaftar di bawah SSM.

## TERAS **STRATEGIK**

1. Menggalakkan dan mendorong tadbir urus yang baik untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang lebih kondusif.
2. Menyampaikan produk dan perkhidmatan yang inovatif untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan.
3. Menyediakan perkhidmatan yang bermutu tinggi menerusi kecemerlangan operasi.
4. Menjana sinergi menerusi kerjasama strategik.
5. Berkembang menjadi organisasi berdasarkan pengetahuan untuk membentuk pemikiran yang kompetitif.
6. Memupuk budaya berprestasi tinggi menerusi pembangunan keupayaan dan kemampuan.
7. Mengoptimumkan ICT untuk meningkatkan kecekapan, keberkesan dan ketangkas perusahaan.

# KANDUNGAN

01 Perutusan YB Menteri

05 Prakata Pengerusi

09 Ulasan Tahunan Ketua Pegawai Eksekutif

17 Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

24 Pengurusan Eksekutif

31 Tinjauan Ekonomi 2014 Dan Analisa Statistik Utama SSM

42 Laporan Pengurusan:-

43 • Penyampaian Perkhidmatan

59 • Inisiatif Penguatkuasaan

77 • Inisiatif Pembaharuan Undang-undang

80 • Penglibatan dan Kerjasama Pihak Berkepentingan

90 • Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC)

100 Cabaran dan Hala Tuju 2015

105 Penyata Kawalan Dalaman

110 Penyata Kewangan

# PERUTUSAN YB MENTERI



1

2

“SSM telah memperkenalkan pelbagai inisiatif baru untuk meningkatkan tahap kecekapan dan daya saing dalam konteks persekitaran korporat domestik dan antarabangsa untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi perniagaan yang terpilih di rantau ini.”

Pertumbuhan ekonomi 6% yang telah dicapai oleh Malaysia bagi tahun 2014 menunjukkan negara berada pada keadaan baik sungguhpun berlaku kelembapan ekonomi global. Pertumbuhan ini didorong oleh permintaan domestik terutamanya aktiviti sektor swasta. Dalam pada itu, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan pelbagai inisiatif baru untuk meningkatkan tahap kecekapan dan daya saing dalam konteks persekitaran korporat domestik dan antarabangsa untuk menjadikan Malaysia sebagai destinasi perniagaan yang terpilih di rantau ini.

Inisiatif baru telah diperkenalkan untuk memastikan persekitaran korporat mampu bersaing di samping memiliki keupayaan untuk memacu agenda pertumbuhan negara. SSM harus memastikan persekitaran pelaburan yang cekap, berkesan dan mudah melalui program penyelaras kawal selia dan proses pengurusan korporat. Proses berterusan ini adalah seiring dengan persekitaran global yang sentiasa berubah.

Hasil pelbagai inisiatif berterusan yang telah dilaksanakan pada 2014, *International Finance Corporation of the World Bank Doing Business Report 2015* (DB2015) yang merangkumi kajian terhadap 189 negara, melaporkan bahawa Malaysia berada pada kedudukan ke-18 berbanding tangga ke-20 pada tahun sebelumnya. Ini menunjukkan Malaysia sentiasa menambah baik prestasinya dalam persaingan global. SSM merupakan penyumbang utama terhadap kaji selidik *Ease of Doing Business* Bank Dunia dalam beberapa indikator seperti “Starting a Business”, “Getting Credit” dan “Protecting Minority Investors”, yang kesemuanya telah menunjukkan pencapaian memberangsangkan dalam DB2015 yang telah diumumkan pada Oktober 2014.

Dalam kajian lain oleh *World Competitive Yearbook (WYC)* 2014 yang dikeluarkan oleh *Institute of Management Development (IMD)* yang berpangkalan di Switzerland, kedudukan Malaysia telah melonjak tiga tempat ke tempat ke-12 di kalangan 60 buah negara dalam aspek berdaya saing. Pada tahun 2013, Malaysia berada pada kedudukan ke-15.

Perspektif global yang positif terhadap Malaysia adalah selari dengan statistik yang direkodkan oleh SSM bagi tahun 2014 yang memamerkan pertumbuhan mampan dalam pendaftaran entiti syarikat baru. Tahun 2014 memperlihatkan peningkatan sebanyak 6.2% bagi jumlah syarikat yang didaftarkan berbanding dengan jumlah dalam tempoh masa yang sama pada tahun 2013. Manakala, jumlah pendaftaran baru bagi perkongsian liabiliti terhad (PLT) mencatatkan pertambahan sebanyak 60% berbanding dengan tahun lepas. Bagi perniagaan pula, terdapat peningkatan 0.9% untuk pendaftaran baru yang merangkumi milik tunjang dan perkongsian berbanding dengan tahun 2013. Secara keseluruhan, sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 5.6 juta perniagaan, 1.1 juta syarikat dan 3,744 perkongsian liabiliti terhad telah didaftarkan. Sungguhpun keadaan ekonomi global tidak menentu, ekonomi Malaysia kekal aktif dengan pertumbuhan dalam pendaftaran perniagaan baru yang mencerminkan daya tahan ekonomi negara terhadap ketidaktentuan ekonomi global.

SSM terus memastikan bahawa ia melaksanakan fungsi-fungsinya secara berkesan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Pada 2014, SSM telah berjaya membentangkan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) 2015, Akta Pendaftaran Perniagaan (Pindaan) 2015 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) 2015 di Parlimen. Pindaan-pindaan terhadap Akta SSM 2001 akan membolehkan SSM menjalankan kuasa dan

melaksanakan fungsinya dengan lebih berkesan. Melalui pindaan-pindaan tersebut, SSM diberikan kuasa kawal selia baharu bagi aktiviti penguatkuasaan kesemua Akta yang ditadbirnya.

SSM telah melakukan perubahan yang nyata dalam menjana transformasi terhadap cara menjalankan perniagaan di Malaysia dengan penutupan kaunter perkhidmatan seluruh negara selari dengan amalan global. Komitmen SSM dalam memudahkan proses pendaftaran melalui perkhidmatan atas talian (*online services*) boleh dilihat melalui pencapaian pelaksanaan pemerbadanan atas talian secara mandatori melalui portal MyCoID di seluruh Malaysia. Pelaksanaan ini bermula pada 16 Mei 2013 dan telah diteruskan untuk diperluaskan ke seluruh negara melalui beberapa fasa yang meliputi Labuan, Melaka dan Perlis pada 28 Ogos 2014, diikuti oleh Kelantan, Pahang dan Terengganu pada 3 November 2014 dan seterusnya di Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak berkuat kuasa pada 11 Disember 2014.

Oleh itu, terdapat peningkatan mendadak dalam penggunaan perkhidmatan dalam talian bagi permohonan carian nama dan pemerbadanan syarikat. Sebanyak 33,728 syarikat telah berjaya didaftarkan melalui portal MyCoID yang telah diperkenalkan sebagai sebahagian daripada transformasi SSM dalam penyampaian perkhidmatan daripada perkhidmatan kaunter kepada perkhidmatan atas talian.

Saya juga mendapati SSM terus komited dalam melaksanakan peranan sebagai pemangkin tanggungjawab korporat dan saya amat bangga untuk melancarkan Set Panduan bertajuk "Dari Ikrar Kepada Amalan: Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia" yang telah dilancarkan pada 22 April 2014. Penerbitan Set Panduan ini bertujuan menggalakkan komuniti korporat dan perniagaan untuk menjalankan perniagaan dengan lebih berintegriti, lebih telus, beretika dan yang paling penting, menyokong agenda kerajaan dalam mewujudkan masyarakat yang menolak dan mengamalkan budaya toleransi sifir terhadap rasuah. Set Panduan ini menyokong penandatanganan Ikrar Integriti Korporat (CIP) dan memberikan panduan bagi prosedur terhadap Peringkat Rantaian Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) dan juga menggalakkan syarikat dan perniagaan untuk melaksanakan program-program integriti selepas menandatangani CIP.

Bagi memastikan wujudnya kesedaran terhadap CISM, SSM telah menganjurkan satu sesi Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat (CRSS) yang bertemakan "*Achieving Corporate Integrity*" di Kuala Terengganu pada 26 Jun 2014. Tujuan utama seminar ini ialah bagi menggembung minat komuniti korporat dan perniagaan di Pantai Timur serta mendapatkan sokongan dan pemahaman tentang integriti dan amalan tadbir urus. Ini diharapkan dapat mengubah dan mewujudkan budaya operasi yang mampan dalam perniagaan. Perkembangan yang dijana adalah konsisten dengan objektif utama seminar iaitu mewujudkan kesedaran di kalangan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Selain itu, amalan integriti dan pembudayaan rangka kerja tanggungjawab korporat dapat digalakkan demi membina model transformasi yang menyeluruh dan merangkumi pelbagai pihak berkepentingan.

Dalam konteks menyokong pengenalan cukai barang dan perkhidmatan (CBP) oleh kerajaan pada 1 April 2015, SSM telah mengambil inisiatif untuk menganjurkan latihan kesedaran percuma kepada kumpulan penjaja dan peniaga kecil dan sederhana (PKS) serta orang ramai tentang CBP. Pendedahan dan pemahaman terhadap kepentingan CBP membolehkan orang ramai dan peniaga bersedia untuk menghadapi CBP, manakala kumpulan penjaja dan peniaga-peniaga juga boleh memainkan peranan utama untuk membantu kerajaan menyebarkan maklumat CBP kepada masyarakat. Program ini yang telah dianjurkan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC) Kota Bharu, Kelantan telah berjaya menarik penyertaan seramai 405 peserta. Disamping itu SSM juga telah mengadakan program kesedaran CBP di Kuala Lumpur, Terengganu, Johor Bahru dan Alor Setar dengan penyertaan seramai 1,136 peserta. Pengetahuan yang diperoleh melalui program ini membolehkan peserta-peserta bersedia menghadapi perubahan arus perdana dalam menjalankan perniagaan di Malaysia pada masa hadapan.

Saya percaya SSM mampu mengorak langkah yang lebih jauh dan mencipta lebih banyak pencapaian pada tahun 2015. Langkah proaktif yang diambil oleh SSM seperti penganjuran latihan korporat kepada pihak berkepentingan di bawah seliaan Bahagian Akademi Latihan SSM (COMTRAC), Program Hari Bertemu Pelanggan dan Program SSM Bersama Rakyat yang dijadikan sebagai wadah SSM untuk

mendekati dan memahami isu dan permasalahan berkaitan pihak berkepentingan dilihat dapat memberikan perkhidmatan dan maklum balas segera dan sistematik.

Akhir kata, di bawah seliaan dan bimbingan Anggota-anggota Suruhanjaya dan pasukan Pengurusan Eksekutif yang gigih serta disokong oleh seluruh warga kerja SSM yang komited di samping pihak berkepentingan, saya percaya SSM berupaya mencapai kejayaan yang lebih cemerlang pada tahun 2015.

#### **YB DATO' SRI HASAN BIN MALEK**

Menteri Perdagangan Dalam Negeri,  
Koperasi dan Kepenggunaan

9 Jun 2015



# PRAKATA PENGURUSI



**“**Kita melihat transformasi yang dimulakan oleh SSM sebagai ciptaan peluang perniagaan untuk berkembang dengan pengurangan karenah birokrasi dan prosedur-prosedur rasmi yang lama di samping memperkenalkan proses yang lebih cekap serta pada masa yang sama menyelaraskan undang-undang sedia ada sesuai dengan amalan perniagaan global.”

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) yang telah ditubuhkan pada 16 April 2002 kini telah memasuki fasa yang menarik. Pada tahun 2014, apabila Bank Dunia *International Finance Corporation (IFC)* dalam Laporan *Doing Business 2015* (DB2015) yang telah menjalankan kajian terhadap lebih 189 buah negara telah menempatkan Malaysia pada kedudukan ke-18 berbanding dengan kedudukan terdahulu iaitu ke-20. Ini merupakan satu pencapaian yang mencerminkan keyakinan antarabangsa terhadap Malaysia. Sebagai salah seorang anggota PEMUDAH yang telah diberi mandat untuk mempertingkatkan penyampaian perkhidmatan awam bagi menyokong perniagaan dan memantau kedudukan Malaysia dalam pelbagai kajian penarafan antarabangsa, SSM telah dilihat sebagai sebuah agensi yang memainkan peranan besar dalam merealisasikan peningkatan penarafan Malaysia di dalam pelaporan Bank Dunia. SSM adalah penyumbang utama dalam indikator-indikator memulakan perniagaan, pelindungan pemegang saham minoriti, mendapatkan pinjaman dan penyelesaian insolvensi dalam kajian Bank Dunia tersebut.

Peningkatan kedudukan yang dilaporkan dalam Laporan *Doing Business* Bank Dunia menggambarkan pengiktirafan komuniti perniagaan global bahawa Malaysia mempunyai persekitaran perniagaan yang kondusif bagi perniagaan dan persekitaran pelaburan yang mesra peniaga dan pelabur. Hasrat untuk mencapai kecemerlangan akan menjadi pemangkin bagi SSM untuk menjadi pendaftar korporat dan pihak berkuasa kawal selia bertaraf dunia.

Sejak penubuhannya, SSM telah melaksanakan dimensi baru dalam aktiviti memastikan pematuhan korporat melalui pendekatan penguatkuasaan seimbang yang kini menjadi contoh pendekatan terbaik bagi memastikan pematuhan berterusan secara sukarela. SSM sentiasa percaya pada visi untuk “Menjadi Pendaftar Dan Organisasi Kawal Selia Korporat Bertaraf Dunia Yang Memenuhi Keperluan Perniagaan Menerusi Pendaftaran, Maklumat, Kawal Selia Dan Khidmat Nasihat Yang Berkesan.”

Daya gerak utama terletak pada Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK) dan Anggota Suruhanjaya SSM yang telah memberikan kepercayaan penuh kepada SSM bagi membentuk persekitaran korporat Malaysia melalui cadangan-cadangan untuk memperkenalkan perundungan syarikat baharu dan

juga melaksanakan pindaan-pindaan kepada Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Sebagai sebuah negara maju dalam abad ke 21, model perniagaan telah dibentuk semula berdasarkan keadaan perubahan persekitaran ekonomi. Syarikat-syarikat yang tidak bertindak balas terhadap perubahan ini menghadapi risiko terdedah kepada ancaman yang akan menjaskan prospek perniagaan jangka panjang.

Sebagai sebahagian daripada inisiatif SSM untuk mempromosikan tadbir urus korporat dan mengurangkan kos pematuhan oleh syarikat dan pengarah-pengarah syarikat, SSM telah menawarkan pengurangan kompaun sebanyak 80% kepada notis-notis kompaun yang telah dikeluarkan sebelum 2013 di bawah Akta Syarikat 1965. Tawaran pengurangan kompaun ini adalah sah dari tempoh 1 November 2014 sehingga 31 Disember 2014. Kompaun akan dikurangkan secara automatik tanpa perlu membuat rayuan dan untuk menikmati tawaran pengurangan ini, pengarah-pengarah syarikat boleh hadir di mana-mana kaunter SSM bersama dengan notis kompaun mereka.

Kita melihat transformasi yang dimulakan oleh SSM sebagai mencipta peluang baharu bagi perniagaan untuk berkembang dengan pengurangan karenah birokrasi dan prosedur-prosedur rasmi yang lama di samping memperkenalkan proses yang lebih cekap serta pada masa yang sama menyelaraskan undang-undang sedia ada sesuai dengan amalan perniagaan global. Justeru, Anggota-anggota Suruhanjaya telah memberi sokongan penuh pada SSM dalam proses transformasinya untuk menjadi pendaftar korporat global dalam mewujudkan nilai secara mampan kepada semua pihak berkepentingan.

Tahun 2014 merupakan tahun yang mencabar bagi SSM. Sungguhpun berdepan dengan keadaan ekonomi yang suram, jumlah pendaftaran syarikat baharu berkembang sebanyak 6.2% manakala perkongsian liabiliti terhad meningkat sebanyak 60% manakala perniagaan baharu pula meningkat sebanyak 0.9%.

Selari dengan komitmen SSM terhadap perkhidmatan yang cekap dan berkualiti serta usaha kearah pengurangan penggunaan kertas, pada 1 April 2014,



Persidangan Kebangsaan SSM ke-4 telah diadakan pada 3 dan 4 Jun 2014

SSM telah memperkenalkan borang pendaftaran baharu yang lebih mudah diisi dengan jumlah dua muka surat berbanding dengan borang terdahulu yang mempunyai lapan muka surat bagi pendaftaran baharu atau perubahan maklumat perniagaan. Penggunaan borang pendaftaran baharu dilihat sebagai memudahkan dan mempercepatkan proses pendaftaran perniagaan dan borang ini boleh dimuat turun dari laman rasmi SSM.

SSM telah mengorak langkah ke arah pelaksanaan dan pensijilan MS ISO 9001:2008 yang berteraskan Dasar Kualiti SSM. Dengan pelaksanaan standard ISO ini, SSM komited dalam memberikan perkhidmatan berkualiti menerusi penambahbaikan yang berterusan bagi memenuhi Piagam Pelanggan dan kepuasan pelanggan. Oleh yang demikian, SSM telah bekerjasama dengan pihak SIRIM Berhad bagi menyediakan dokumen pengurusan yang mengandungi Manual Kualiti, Prosedur Kualiti dan dokumen sokongan yang berkaitan seperti Pekeliling, Arahan, Peraturan dan panduan borang pendaftaran dan lain-lain dokumen. Justeru saya dengan bangganya menyatakan bahawa pada 26 September 2014, SSM telah menerima pensijilan berprestij MS ISO 9001:2008 daripada pihak SIRIM Berhad bagi proses utama pendaftaran perniagaan di Ibu Pejabat SSM.

Pelaksanaan program *outreach* secara berterusan

untuk memaklumkan kepada pihak berkepentingan tentang peranan dan fungsi SSM telah menjadi satu komitmen dalam memberi pemahaman tentang keperluan pendaftaran perniagaan dan memformalkan perniagaan untuk memastikan pertumbuhan keusahawanan. Antara pengisian program *outreach* yang telah dijalankan termasuk kepentingan mendaftarkan perniagaan, mengadakan kaunter pameran dan kaunter e-perkhidmatan untuk membolehkan usahawan mendapatkan maklumat terperinci tentang cara menjalankan perniagaan secara formal melalui pendaftaran perniagaan dengan SSM.

Di samping itu, dalam tahun 2014, SSM juga telah mengadakan program bersama masyarakat di mana pihak Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi Dan Kepenggunaan (KPDKKK) dan agensi-agensi di bawah KPDKKK seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Bank Rakyat, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) juga turut dijemput untuk mengadakan pameran. Penyertaan agensi-agensi ini juga memudahkan masyarakat sekitar yang ingin mendapatkan maklumat daripada agensi berkenaan dan pameran ini berfungsi sebagai sebuah pusat maklumat. Sebahagian daripada program ini turut melibatkan penyertaan agensi-agensi lain seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Tabung Ekonomi

Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang memberikan maklumat berkaitan pinjaman, permohonan permit, lesen dan kemudahan-kemudahan lain.

Untuk menggalakkan penyertaan penjaja dan peniaga kecil secara lebih inklusif, SSM telah melaksanakan program latihan dengan kerjasama KPDKKK, MARA, Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), TEKUN, Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Bank Rakyat, SME Corp, Dewan-Dewan Perniagaan & Perindustrian Melayu, Cina dan India, Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu, Cina dan India dan lain-lain agensi berkaitan dengan perniagaan. Objektif utama program latihan ini adalah untuk memberikan kesedaran, perkongsian ilmu dan mempromosikan tadbir urus perniagaan selaras dengan peruntukan undang-undang dan persekitaran perniagaan di Malaysia dan yang lebih penting untuk memastikan semua komuniti korporat dan perniagaan di Malaysia akan dapat berkongsi peluang ekonomi.

Dalam mempromosi pembelajaran berterusan untuk meningkatkan pengetahuan bagi komuniti korporat dan perniagaan yang kreatif dan inovatif, Persidangan Kebangsaan SSM ke 4 telah dianjurkan pada 3 dan 4 Jun 2014 yang bertemakan "Modernizing the Companies Act: Impetus for Business Transformation." Persidangan ini yang telah dirasmikan oleh Y.B. Dato' Sri Hasan bin Malek, Menteri PDNKK dan telah dihadiri oleh delegasi dari seluruh dunia dengan 31 orang penceramah, ahli panel dan moderator membentangkan kertas kerja mereka. Persidangan ini

membincangkan tentang perubahan utama di bawah Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan dan implikasinya. Selain itu, SSM turut memperkenalkan Persidangan Serantau yang julung kalinya diadakan di Sabah bertemakan "Taking the Great Leap. Revamping The Companies Act" dengan lapan orang ahli panel telah menyampaikan kertas kerja masing-masing.

Selain itu, SSM telah menganjurkan Seminar Tahunan Non-Profit Organisation (NPO) dengan kerjasama pelbagai agensi kerajaan pada 30 September 2014 di Hotel Le Meridien Kuala Lumpur dengan jayanya di samping pelancaran risalah "Panduan Amalan Terbaik Menguruskan NPO."

Dengan mengambil kira semua inisiatif yang telah dijalankan, saya amat yakin bahawa segala sokongan, kerja keras dan komitmen yang ditunjukkan oleh kesemua warga kerja SSM dapat membantu SSM mencapai kejayaan yang bakal diraih pada peringkat seterusnya. Sungguhpun dalam keadaan yang mencabar, saya juga mahu merakamkan setinggi-tinggi penghargaan kepada Anggota Suruhanjaya, Pengurusan Eksekutif dan kesemua warga kerja di atas dedikasi dan usaha dalam menjadikan 2014 sebagai tahun yang amat bermakna bagi SSM.

#### **DATO' SRI ALIAS BIN HJ. AHMAD**

Pengerusi  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia  
17 Jun 2015

# ULASAN TAHUNAN ▶ KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF



**“** Terdapat peningkatan yang tinggi dalam transaksi permohonan dalam talian berkaitan carian nama dan pemerbadanan syarikat selepas pelaksanaan MyCoID. Pada tahun 2014, terdapat 33,728 buah syarikat yang telah berjaya didaftarkan dengan SSM melalui MyCoID. **”**

Dalam keadaan ekonomi global yang tidak menentu dan persekitaran korporat yang mencabar, SSM berterusan melaksanakan pelbagai usaha bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang mampan bagi negara. Melalui program inovasi dan transformasi organisasi yang sedang berlangsung, SSM telah memainkan peranannya sejajar dengan mandat yang telah diberikan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta SSM 2001) dalam membentuk sebuah landskap perniagaan yang maju bagi Malaysia. Tahun 2014 menyaksikan beberapa pencapaian utama yang telah menjadi perangsang pertumbuhan ekonomi yang dapat digambarkan dengan peningkatan yang selari dalam pemerbadanan syarikat baharu, pendaftaran perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad (PLT).

Sepanjang tahun ini, jumlah syarikat yang diperbadankan meningkat kepada 6.2% berjumlah 49,203 buah syarikat [2013: 46,321] manakala 332,723 buah perniagaan baharu [2013: 329,895] telah didaftarkan dengan SSM, dengan peningkatan sebanyak 0.9%. Sejumlah 1,113,465 buah syarikat [2013: 1,064,262] dan 5,634,101 buah perniagaan [2013: 5,301,378] yang berdaftar dengan SSM sepenuhnya pada akhir tahun 2014. Terdapatnya juga peningkatan sebanyak 4.6% dan 6.3% daripada jumlah pendaftaran syarikat dan perniagaan pada tahun 2013. Di samping itu, terdapat 2,304 PLT [2013: 1,440] telah mendaftar dengan jumlah PLT yang didaftarkan setakat 31 Disember 2014 ialah 3,744 yang mewakili peningkatan 60% untuk pendaftaran baharu PLT berbanding dengan 2013. Sungguhpun peningkatan ini rendah daripada pertumbuhan global yang dijangkakan iaitu 2.6%, namun jumlah pendaftaran syarikat dan perniagaan didapati telah meningkat. Tambahan pula ekonomi Malaysia yang berkembang pada kadar 6% pada tahun 2014 [2013: 4.7%], menunjukkan tahap keyakinan komuniti perniagaan dalam menjalankan perniagaan di Malaysia.

Walaupun SSM menghadapi pelbagai rintangan pada tahun ini, SSM telah berjaya mengatasinya dengan gigih. SSM harus bergerak selari dengan penuh komitmen untuk memenuhi keperluan pihak berkepentingan dan mengembalikan keyakinan para pelabur dalam keadaan ekonomi global yang merudum. Tambahan pula, semua yang dilakukan oleh SSM adalah berdasarkan komitmen yang jelas dan pada hari ini SSM boleh berbangga dengan banyak kejayaan yang telah dicapai semenjak ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun pada 16 April 2002.

Antara pencapaian SSM ialah memperkenalkan perubahan dalam proses pemerbadanan syarikat di Malaysia. Pada 16 Mei 2013, SSM telah mewajibkan pendaftaran pemerbadanan syarikat melalui *Malaysia Corporate Identity (MyCoID)* portal dengan penutupan perkhidmatan kaunter secara berperingkat di seluruh Malaysia. Inisiatif ini membolehkan proses memulakan perniagaan dilaksanakan dalam tempoh satu (1) hari dan pendaftaran dengan agensi-agensi yang mengambil bahagian dengan satu (1) *touch point* telah dilaksanakan untuk menyelaraskan perkhidmatan SSM manakala pada masa yang sama, bertujuan untuk memudah dan menggabungkan proses pemerbadanan secara automatik melalui portal MyCoID. Proses pemerbadanan dalam talian ini telah dilaksanakan secara berperingkat bermula dari Kuala Lumpur, Selangor dan Negeri Sembilan dalam Fasa 1 yang telah disempurnakan pada 16 Mei 2013. Kemudian, pada tahun 2014 di bawah Program Fasa 2, kaunter pemerbadanan di Melaka, Perlis dan Labuan telah ditutup bermula pada 28 Ogos 2014. Pada 3 November 2014, MyCoID telah diperluaskan ke Pahang, Terengganu dan Kelantan, sementara bagi negeri Perak dan Kedah, ia telah dilaksanakan pada 13 November 2014. Fasa terakhir untuk negeri-negeri Johor, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak pula telah dilaksanakan bermula pada 11 Disember 2014.

Hasilnya, terdapat peningkatan yang tinggi dalam transaksi permohonan dalam talian berkaitan carian nama dan pemerbadanan syarikat selepas pelaksanaan MyCoID. Pada tahun 2014, terdapat 33,728 buah syarikat yang telah berjaya didaftarkan dengan SSM melalui MyCoID.

Selari dengan undang-undang korporat global dan aspirasi SSM untuk memastikan proses penambahbaikan yang berterusan berdasarkan amalan tadbir urus korporat terbaik antarabangsa dan sistem pengurusan mesra pelanggan, SSM mengesyorkan untuk meminda Akta SSM 2001 terutamanya bagi meningkatkan keberkesanan dan menyelaraskan aktiviti penguatkuasaannya dan kuasa kawal selia di bawah semua akta yang ditadbir oleh SSM. Pindaan tersebut memberi kuasa baharu untuk melaksanakan penguatkuasaan yang lebih berkesan dan bagi membolehkan pengawasan pemantauan menyeluruh berserta kuasa khusus untuk menjalankan program latihan yang bukan sahaja dapat mempromosikan etika perniagaan dan amalan tadbir urus korporat yang baik, tetapi juga menyemai penerapan budaya tanggungjawab korporat yang menggalakkan syarikat-

syarikat berusaha untuk mewujudkan keseimbangan dan berusaha untuk menjana keuntungan dengan mengekalkan persekitaran hidup yang mampan untuk negara.

Pindaan yang dicadangkan adalah juga bagi menjelaskan fungsi SSM di samping pengenalan peruntukan baharu untuk menjelaskan kuasa Menteri berkaitan dengan pelantikan jawatan eksekutif utama untuk menambah komposisi pengurusan eksekutif SSM dan berkaitan kadar sumbangan SSM kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan. Perubahan ini akan menggerakkan SSM ke arah peningkatan sistem penyampaian perkhidmatan dan meneroka pendekatan baharu untuk mewujudkan penguatkuasaan dan sistem pemantauan yang efektif. Ini akan digabungkan dengan program pendidikan dan kesedaran bagi mencapai tahap pematuhan dalam mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif bagi keseluruhan Malaysia.

Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2014 (Pindaan) bersama dengan Rang Undang-undang Pendaftaran Perniagaan 2014 (Pindaan) serta Perkongsian Liabiliti Terhad (Pindaan) telah diluluskan oleh Parlimen pada 1 Disember 2014 dan secara rasmi telah diwartakan pada 5 Januari 2015.

Sepanjang tempoh empat (4) tahun semenjak bermulanya pelaksanaan agenda Tanggungjawab Korporat, SSM telah menunjukkan pencapaian yang mantap dalam memupuk kesedaran tanggungjawab korporat melalui penerbitan set panduan Pekeliling Perniagaan Amalan Terbaik (BBPC). Pekeliling ini memperihalkan tentang pelbagai aspek amalan tanggungjawab korporat dan juga aktiviti dan pendidikan berterusan dengan pelaksanaan Siri Seminar Tanggungjawab Korporat (CRSS) untuk memupuk amalan dan pembudayaan tanggungjawab korporat terutamanya oleh komuniti perniagaan kecil dan sederhana (PKS).

Pada tahun 2014, sebagai sebahagian daripada perikatan strategik SSM yang berterusan dengan UNICEF yang telah ditubuhkan semenjak tahun 2010, kaji selidik telah dijalankan untuk menentukan tahap keberkesanan dan impak kerjasama SSM-UNICEF, melalui pembangunan dan penyebaran Pekeliling Perniagaan Amalan Terbaik (BBPC) dan set panduan organisasi dalam mencapai objektif SSM dan UNICEF. Sebanyak 122 buah syarikat telah ditemui duga yang meliputi 68% daripada sektor perkhidmatan, 24% daripada industri pembuatan dan masing-masing 6% dan 2% daripada sektor pembinaan

dan perlادangan. Kajian ini dijalankan terhadap penerbitan yang berikut:

- (a) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 1/2010 bertajuk "Penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja oleh Majikan Sektor Korporat dan Perniagaan";
- (b) Set Panduan bertajuk "Bagaimana untuk Menubuhkan Taman Asuhan Kanak-Kanak di Tempat Kerja";
- (c) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 bertajuk "Mewujudkan Persekitaran Kerja yang Kondusif bagi Wanita: Program Penyusuan Susu Ibu di Tempat Kerja"; dan
- (d) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 4/2013 bertajuk "Pendidikan untuk Pembangunan Mampan: Menggalakkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT)".

Sejak pelancaran BBPC dan set panduan didapati jumlah pusat jagaan kanak-kanak telah meningkat daripada tujuh (7) buah pada tahun 2009 kepada 26 buah pada tahun 2014. Ini bermakna penubuhan pusat jagaan kanak-kanak di Malaysia mencatatkan pertumbuhan sebanyak 24% dari tahun 2009 sehingga 2014. Hasil kajian utama menunjukkan dua (2) BBPC yang pertama dan set panduan telah menghasilkan inisiatif untuk meningkatkan pembabitan wanita dalam kerjaya. Hampir 31% syarikat yang terlibat dalam kajian menunjukkan peningkatan wanita dalam bidang kerjaya sebagai isu utama. Secara tepatnya, 86% syarikat yang telah menubuhkan pusat jagaan kanak-kanak dan 52% syarikat yang mempunyai bilik susuan ibu telah bercadang untuk meningkatkan pembabitan wanita dalam kerjaya sebagai kepentingan utama.

Berdasarkan hasil kajian tentang kesedaran BBPC dan set panduan dalam kalangan pihak berkepentingan utama, mereka telah menunjukkan minat positif untuk bekerjasama dalam menyokong polisi penyusuan ibu di tempat kerja, mengenal pasti isu utama berkaitan dengan aktiviti sokongan bagi program pendidikan teknikal dan vokasional (TEVT) oleh sektor swasta. SSM dan UNICEF akan merancang dan merangka projek bagi tahun-tahun 2015 dan berikutnya berdasarkan hasil kajian yang akan menjadi wadah untuk mewujudkan pelan strategik masa hadapan.

Dalam konteks memupuk amalan integriti dan penghayatan budaya anti rasuah dalam syarikat dan perniagaan, pada bulan April 2014, SSM telah menerbitkan set panduan bertajuk "Dari Ikrar



Seminar Kebangsaan 2014 Mengenai Pencegahan Pengubahan Wang Haram & Pencegahan Pembiayaan Keganasan yang diadakan pada 30 September 2014

kepada Amalan: Panduan Melaksanakan Sistem Integriti Korporat Malaysia" untuk menggalakkan syarikat dan perniagaan melaksanakan program integriti, setelah menandatangi Ikrar Integriti Korporat (CIP). Penerbitan ini telah dilancarkan oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan, YB Dato' Sri Hasan Malek pada 22 April 2014. Usaha ini adalah hasil kerjasama antara SSM dengan ahli meja bulat integriti korporat yang terdiri daripada SSM, Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU) NKRA Menentang Rasuah (Bahagian Penyelaras dan Pemantauan), Transparency International Malaysia (TI-M), Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC) dan Bursa Malaysia Berhad (Bursa). Objektif utama penerbitan set panduan ini adalah untuk memudahkan cara, menyokong dan memberi bantuan teknikal kepada syarikat dan perniagaan untuk melaksanakan sistem integriti korporat sebagai langkah pencegahan yang berkesan menentang amalan rasuah.

Berikut pelancaran set panduan itu, pada bulan Jun 2014, SSM telah menganjurkan Siri Seminar Tanggungjawab Korporat SSM (CRSS) di Kuala Terengganu dengan tema "Mencapai Integriti Korporat" dengan tujuan untuk menyebar dan memperkenalkan set panduan yang baru dilancarkan untuk diterima pakai secara khusus oleh PKS.

Seperi tahun-tahun yang lalu, Persidangan Kebangsaan SSM (SSMNC) yang dikenali di kalangan komuniti korporat sebagai persidangan yang tinggi nilai kandungannya tentang dinamik undang-undang korporat dan amalan terbaik korporat telah diadakan pada 3 dan 4 Jun 2014. Persidangan ini telah menyediakan wadah perbincangan untuk tema "Modernizing the Companies Act. Impetus for Business Transformation". SSMNC 2014 telah diadakan di Connexion@Nexus, Bangsar South, Kuala Lumpur dan telah dirasmikan oleh YB Dato' Sri Hasan Bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan dengan penyertaan seramai 351 delegasi. Sejumlah 31 penceramah, ahli

panel dan moderator yang terdiri daripada pegawai-pegawai kanan SSM, profesional dan pakar dalam undang-undang korporat, perakaunan dan kewangan telah membentangkan kertas kerja dan berkongsi pandangan mereka mengenai cadangan rang undang-undang syarikat baharu dan bertukar pandangan tentang bagaimana perniagaan akan dijalankan di bawah perundangan yang baharu tersebut. Selain itu, perbincangan juga meliputi perkara-perkara berkenaan mengenai pasti tindakan yang perlu diambil di bawah pematuhan, menentukan bagaimana untuk mewujudkan kelebihan daya saing yang mampan agar menjadi pemangkin dan dorongan sebagai tindak balas daripada keseluruhan pmodenan dan transformasi untuk menjalankan perniagaan di Malaysia di bawah rejim perundangan syarikat yang baharu.

Selain menganjurkan SSMNC 2014, SSM juga memperkenalkan Persidangan Serantau SSM yang pertama di Sabah pada 27 Ogos 2014. Tujuan persidangan ini adalah untuk mendekati komuniti korporat dan perniagaan di Malaysia Timur. Tema persidangan itu ialah “*Taking the Great Leap. Revamping The Companies Act*” telah dihadiri oleh 188 orang perwakilan dan lapan (8) orang ahli panel dan penceramah yang terdiri daripada pegawai-pegawai

**“SSM terus komited dalam melaksanakan teras strategiknya yang berkaitan menggalakkan tadbir urus yang baik bagi meningkatkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan melindungi para pelabur dan pihak berkepentingan, mempromosikan keadilan, teratur dan persekitaran perniagaan yang berkesan di samping memudahkan aliran modal daripada industri global.”**

kanan SSM yang telah membentangkan kertas kerja mereka bagi memberi kefahaman mengenai Rang Undang-undang syarikat baharu.

SSM terus komited dalam melaksanakan teras strategiknya yang berkaitan menggalakkan tadbir urus yang baik bagi meningkatkan persekitaran perniagaan yang kondusif dengan melindungi para pelabur dan pihak berkepentingan, mempromosikan persekitaran perniagaan yang saksama, teratur dan telus di samping memudahkan aliran modal daripada industri global.

Peraturan perniagaan yang baik dan prosedur yang ringkas, cepat dan murah adalah penting bagi para peniaga untuk memulakan perniagaan. SSM terus memainkan peranan aktif dalam mempromosikan persekitaran perniagaan kondusif yang telah mengajakkan Malaysia kedua (2) tangga ke atas kepada kedudukan ke-18 berbanding kedudukan ke-20 pada tahun lepas dalam kalangan 189 buah negara dalam kajian Laporan *Doing Business 2015* (DB2015) yang diterbitkan oleh *International Finance Corporation World Bank*. Berdasarkan kedudukan ini, Malaysia berada pada kedudukan mengatasi Taiwan (19), Switzerland (20), Thailand (26), Belanda (27) dan Jepun (29). Secara amnya, dalam kalangan negara ASEAN, Malaysia menduduki tempat kedua manakala di rantau Asia, Malaysia berada pada kedudukan keempat (4) selepas Singapura, Hong Kong dan Republik Korea.

Sungguhpun terdapat kaedah yang lebih baik bagi menganalisa prestasi sesebuah negara yang diguna pakai dalam proses penyelidikan Laporan DB2015, sumbangan SSM terus-menerus mempunyai kesan positif yang ketara untuk indikator “Starting a Business”, “Getting Credit”, “Protecting Minority Investors” dan “Resolving Insolvency” yang menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan masing-masing ke-13, ke-23, ke-5 dan ke-36. Salah satu peningkatan ketara ialah peningkatan kedudukan bagi indikator “Resolving Insolvency” yang menunjukkan Malaysia berada pada kedudukan ke-36 berbanding dengan kedudukan ke-65 seperti dalam DB2014. Ini satu pencapaian luar biasa dengan peningkatan 29 kedudukan dalam tempoh setahun.

Pada masa yang sama, SSM secara konsisten telah menanda aras aktiviti kawal selianya berdasarkan amalan dan piawaian pengawalseliaan antarabangsa.

SSM berterusan mengadaptasi amalan korporat yang diamalkan oleh pendaftar kelas dunia bagi mengurangkan risiko sistemik dalam persekitaran perniagaan domestik dan menggunakan polisi bagi merangsang aliran modal ke Malaysia di samping mengekalkan keselamatan para pelabur domestik, antarabangsa dan keseluruhan pihak berkepentingan.

Dalam mewujudkan kesedaran berkaitan risiko *Non-Profit Organisation (NPO)* daripada disalahgunakan bagi tujuan aktiviti kepentingan persendirian, pengubahan wang haram dan kewangan bagi kegiatan penggalas, SSM telah dengan jayanya menganjurkan Seminar Tahunan NPO dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) pada 30 September 2014 di Hotel Le Meridien Kuala Lumpur. Dalam majlis yang sama, risalah “Panduan Amalan Terbaik menguruskan NPO” juga telah berjaya dilancarkan. Risalah ini merupakan salah satu inisiatif dari agensi-agensi yang terlibat untuk melaksanakan amalan terbaik dalam pengurusan organisasi masing-masing.

Pada tahun 2014, komitmen pekerja SSM dalam melaksanakan Amalan Persekitaran Berkualiti 5S bagi mempertingkatkan kualiti perkhidmatan dengan berkesan, menjimatkan kos dan memudahkan proses kerja telah mendapat pengiktirafan. Pensijilan semula 5S telah dijalankan serentak di Ibu pejabat dan Pejabat Negeri/Cawangan pada bulan November dan Disember 2014 oleh pegawai audit dari Jawatankuasa Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC) dengan dibantu oleh pegawai audit dalam SSM. Lima (5) elemen sebagai pengukur tahap keberkesanan Amalan 5S ialah produktiviti kerja, kualiti kerja, kos dan penjimatkan, sistem penyampaian, keselamatan dan moral. SSM telah dengan cemerlangnya berjaya mencapai pensijilan semula dan MPC telah meluluskan Pensijilan Semula 5S bagi kesemua pejabat SSM seluruh Malaysia untuk tempoh 2014-2015 pada 3 Disember 2014 selepas tamat sesi pengauditan. Amalan Persekitaran berkualiti 5S ialah satu pendekatan pengurusan yang dipelopori oleh industri di Jepun bagi mewujudkan persekitaran tempat kerja yang selesa, kemas dan selamat.

Sepanjang tahun 2014, SSM dengan agresif dan jayanya telah mengambil ribuan tindakan penguatkuasaan yang meliputi salah laku dan



kesalahan undang-undang di bawah perundangan yang ditadbir oleh SSM dengan disokong oleh teknologi terkini untuk meningkatkan keyakinan peniaga dalam menjalankan perniagaan di Malaysia.

Hasil tindakan penguatkuasaan ini dapat dilihat dengan pengekalan kadar pematuhan untuk tahun 2014 pada 92%. Walaupun jika dibandingkan dengan 93% pada tahun 2013, kadar pematuhan tahun terdahulu diperoleh daripada pengiraan yang sedikit berbeza. Pada tahun 2013, kadar pematuhan adalah berdasarkan pernyataan kewangan dan pernyataan tahunan yang diserah simpan oleh syarikat di SSM dalam tempoh masa dan juga yang di luar tempoh yang ditetapkan di bawah Akta Syarikat 1965. Adalah penting untuk dijelaskan bahawa kadar pematuhan terkini sehingga tahun 2014 yang berterusan merekodkan trend peningkatan mencerminkan persekitaran korporat yang sihat apabila syarikat berusaha dengan tekun untuk memastikan pematuhan. Secara ringkasnya, pematuhan korporat bermakna syarikat perlu memastikan mereka mengamalkan dasar kawalan dalam dan prosedur untuk mencegah dan mengesan pelanggaran undang-undang melalui pematuhan perundangan, peraturan-peraturan dan standard etika oleh pegawai syarikat. Ia melibatkan pengurusan risiko undang-undang dan kawalan dalam. Pada masa yang sama, syarikat perlu meletakkan komitmen yang tinggi dalam memastikan pematuhan korporat bagi mengelak dari didenda dan mengawal kos pematuhan dengan mengamalkan prinsip pematuhan korporat yang tinggi.

Menyedari aspirasi untuk menjadi Pendaftar bertaraf dunia, SSM telah berusaha untuk meraih piawaian ISO 9001:2008 bagi memastikan peningkatan standard perkhidmatan dan produknya secara berterusan. ISO 9001:2008 ialah piawaian antarabangsa yang diguna

sebagai rujukan oleh sesebuah organisasi bagi membangunkan satu sistem pengurusan kualiti (QMS) dengan sasaran untuk memberi hasil secara konsisten yang memenuhi keperluan para pelanggan serta meningkatkan tahap kepuasan. Pada 26 September 2014, SSM telah secara rasmi menerima persijilan ISO 9001:2008 daripada SIRIM bagi skop pendaftaran perniagaan di Ibu Pejabat SSM bagi tempoh tiga (3) tahun.

Selain itu, Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan Cawangan Wilayah Persekutuan telah melawat SSM pada 9 Disember 2014 dengan tujuan menjalankan pemeriksaan tahap pematuhan SSM berkaitan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja. Ahli delegasi berpuas hati dengan tahap pematuhan di Ibu Pejabat SSM terhadap Akta Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan 1994 dan SSM telah layak untuk dicalonkan bagi Anugerah Cemerlang dalam kategori sektor awam/agensi bagi tahun 2015.

Dua (2) program promosi dan inisiatif kesedaran dan mendekati pelanggan telah dijalankan pada sepanjang tahun. Program-program seperti Hari Pelanggan dan Komuniti Program SSM telah dijalankan dengan objektif untuk berinteraksi dan merapatkan hubungan dengan komuniti perniagaan bagi memperkenalkan perkhidmatan dan produk SSM kepada orang awam secara amnya.

SSM juga telah terus menjalinkan hubungan kerja yang baik dengan pihak media dan sebagai sebahagian daripada pelan media, SSM telah mendekati stesen radio tempatan seperti Nasional FM, Radio Bernama 24 dan lain-lain untuk memastikan liputan media yang baik terhadap inisiatif SSM seperti MyCoID dan meningkatkan kesedaran awam terhadap produk dan perkhidmatan SSM.

SSM juga turut mengambil bahagian dalam pameran tempatan dan antarabangsa, ekspos dan misi penggalakan français antarabangsa di Australia, Indonesia, Vietnam dan Emiriah Arab Bersatu demi menjana faedah untuk Malaysia melalui peranan yang dimainkan oleh SSM dalam pertumbuhan ekonomi. Pada tahun tersebut, SSM kerap menerima kunjungan dari pihak tempatan mahupun antarabangsa serta beberapa siri lawatan sambil belajar pelajar universiti. Kesemua mereka diberi taklimat tentang latar belakang SSM dan produk serta perkhidmatannya.

Tahun 2014 bukanlah tahun yang mudah bagi SSM kerana SSM terpaksa menghadapi cabaran besar dengan tindakan tegas, kesungguhan dan fokus tetapi saya percaya SSM berpotensi untuk terus menunjukkan kemajuan yang baik ke arah pencapaian visinya untuk memenuhi keperluan perniagaan melalui kawal selia pendaftaran maklumat, dan khidmat nasihat yang berkaitan sehingga menjadikan Malaysia tempat yang menjadi pilihan untuk menjalankan perniagaan.

Akhir sekali, saya ingin mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri, Pengerusi dan Anggota Suruhanjaya SSM di atas nasihat dan bimbingan serta kepada pasukan Pengurusan Eksekutif atas daya usaha dan sokongan mereka yang berterusan. Penghargaan saya juga kepada semua warga kerja SSM atas komitmen anda untuk mencapai visi SSM. Saya yakin SSM dengan sokongan pekerja yang berdedikasi dan berbakat, akan terus mencapai kemajuan yang besar pada tahun akan datang.

#### **ZAHRAH ABD WAHAB FENNER**

Ketua Pegawai Eksekutif  
Suruhanjaya Syarikat Malaysia.  
1 Jun 2015



# ANGGOTA

## Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)

**ANGGOTA**  
Suruhanjaya  
Syarikat Malaysia  
(SSM)



Anggota Suruhanjaya dilantik oleh Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan sebagaimana yang diperuntukkan oleh seksyen 6 Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001. Anggota Suruhanjaya terdiri daripada pengamal undang-undang, pegawai kanan kerajaan, golongan profesional dan tokoh korporat yang memiliki rekod pencapaian cemerlang. Anggota Suruhanjaya yang mempunyai pengalaman luas dalam pelbagai bidang ini diamanahkan untuk memimpin dan memacu hala tuju SSM. Pada tahun-tahun yang lepas, panduan dan bimbingan yang amat berguna daripada Anggota Suruhanjaya telah membolehkan SSM mencapai kejayaan cemerlang dan menjadi penanda aras dalam sektor korporat.

Anggota Suruhanjaya telah bermesyuarat sebanyak tujuh (7) kali sepanjang tahun 2014 bagi membincangkan pelbagai perkara penting termasuk pelan jangka panjang, inisiatif strategik dan analisis petunjuk prestasi utama (KPI) yang ditetapkan. Anggota Suruhanjaya berpendapat tadbir urus dan amalan terbaik adalah penting untuk dimasukkan ke dalam pelbagai fungsi serta tugas yang dilaksanakan dalam mengawal selia operasi yang dilaksanakan oleh Pengurusan SSM.

Butiran mesyuarat yang diadakan pada tahun 2014 ialah seperti berikut:

Anggota	Mesyuarat Anggota ke-73 19 Mac 2014	Mesyuarat Khas 1/2014 8 April 2014	Mesyuarat Anggota ke-74 3 Julai 2014	Mesyuarat Anggota ke-75 8 September 2014	Mesyuarat Anggota ke-76 28 Oktober 2014	Mesyuarat Anggota ke-77 8 Disember 2014	Mesyuarat Khas 2/2014 18 Disember 2014	Jumlah Kehadiran
YBhg. Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad								7/7
YBhg. Tan Sri Idrus bin Harun								4/4
YBhg. Prof. Dato' Dr. Aishah binti Bidin								6/7
YBhg. Datuk Seri Syed Ali bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee								7/7
YBhg. Datuk Idris bin Abdullah								2/2
YBrs. Puan Laila Wathiqah binti Judin								3/4
YB Datuk Datu Nasrun bin Datu Mansur	■	■	■	■	■	■		4/7
YBhg. Dato' Sri Robin Tan Yeong Ching	■	■					■	5/7
YBhg. Dato' Zaidon bin Haji Asmuni								3/3
YBhg. Dato' Mohd Naim Daruwish								4/4

■ Hadir ■ Tidak Hadir

# ANGGOTA

## Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM)



1. **Dato' Seri Alias Bin Hj. Ahmad**  
(bermula 5 Februari 2014)
2. **Dato' Zaidon Bin Hj. Asmuni**  
(bermula 15 Oktober 2014)
3. **Datuk Datu Nasrun Bin Datu Mansur**



4. **Datuk Seri Syed Ali Bin Tan Sri Syed Abbas Alhabshee**
5. **Datuk Idris Bin Abdullah**  
(sehingga 1 Julai 2014)



6. **Dato' Sri Robin Tan Yeong Ching**  
(bermula 16 Januari 2014)
7. **Prof. Dato' Dr. Aishah Binti Bidin**
8. **Puan Laila Wathiqah Binti Judin**  
(sehingga 18 Oktober 2014)
9. **Tan Sri Idrus Bin Harun**  
(sehingga 11 September 2014)
10. **Dato' Mohd Naim Daruwish**  
(sehingga 16 September 2014)

### **YBHG. DATO' SRI ALIAS BIN HJ. AHMAD (Pengerusi)**

Dato' Sri Alias bin Hj. Ahmad telah dilantik sebagai Pengerusi Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) bermula pada 5 Februari 2014. Beliau memegang ijazah Sarjana Pengajian Strategik dan Pertahanan serta Sarjana Muda Sastera (Kepujian) dari Fakulti Sastera dan Sains Sosial, kedua-duanya dari Universiti Malaya. Beliau juga pemegang Diploma Perisikan dan Keselamatan dari Taiwan (Kolej Ketenteraan).

Dato' Sri Alias memulakan kerjaya pada tahun 1982 sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik. Beliau pernah menyandang pelbagai jawatan di beberapa buah kementerian dan badan kerajaan seperti Dewan Bandaraya Kuala Lumpur, Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia dan Jabatan Perdana Menteri. Beliau pernah berkhidmat dalam beberapa jabatan di bawah Kementerian Dalam Negeri bermula pada tahun 2003, sebelum dilantik sebagai Ketua Pengarah Imigresen Malaysia pada 15 Oktober 2010. Dato' Sri Alias mula menjalankan tugas sebagai Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pada Februari 2014. Beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah Bank Rakyat.

### **YBHG. TAN SRI IDRUS BIN HARUN**

Tan Sri Idrus bin Harun telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada April 2002 sehingga 11 September 2014.

Beliau merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Malaya. Tan Sri Idrus memulakan kerjayanya sebagai Pegawai Undang-undang pada tahun 1980 dan selepas itu telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan penting termasuk Penolong Kanan Pendaftar di Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur, Hakim Mahkamah Sesyen di Kota Kinabalu, Timbalan Pendakwaraya di Jabatan Peguam Negara, Penasihat Undang-undang Kerajaan Negeri Terengganu, Peguam Kanan Persekutuan di Badan Pencegah Rasuah dan Penasihat Undang-undang Suruhanjaya Pilihanraya. Beliau merupakan Pendaftar Syarikat pada tahun 1998 sehingga 2002. Beliau meneruskan perkhidmatannya di Jabatan Peguam Negara sebagai Ketua Bahagian Penasihat dan Antarabangsa serta sebagai Penggubal Undang-undang Parlimen sebelum memegang jawatan terkini sebagai Peguamcara Negara.

Tan Sri Idrus juga pernah berkhidmat sebagai Ahli Lembaga Pengarah *Labuan Financial Services Authority* (Labuan FSA), Suruhanjaya Sekuriti, Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC), *Malaysia – Thailand Joint Authority* (MTJA), Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) dan Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN). Tan Sri Idrus kini berkhidmat sebagai salah seorang Hakim Mahkamah Rayuan Malaysia.

### **YBHG. PROF. DATO' DR. AISHAH BIDIN**

Prof. Dato' Dr. Aishah Bidin telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Januari 2011. Prof. Dato' Dr. Aishah menerima ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya, ijazah Sarjana Undang-undang dari University of Kent dan ijazah Doktor Falsafah Undang-undang dari University of London. Beliau merupakan Profesor Undang-undang Korporat dan Insolvensi di Fakulti Undang-undang, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Bidang pengkhususan beliau ialah undang-undang syarikat dan kewangan korporat, pengawalseliaan sekuriti, kemuflisan dan insolvensi. Beliau mula mengajar undang-undang syarikat dan perkongsian pada tahun 1989, dan antara bidang kepakaran beliau ialah undang-undang tenaga dan pengawalseliaan korporat. Prof. Dato' Dr. Aishah banyak menghasilkan penulisan untuk pelbagai jurnal akademik terbitan Malaysia dan Britain tentang undang-undang syarikat, sekuriti dan insolvensi.

Prof. Dato' Dr. Aishah merupakan Pengerusi Panel Penasihat COMTRAC (Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia), Ahli Majlis Eksekutif, Pusat Undang-undang Antarabangsa dan Kajian Undang Undang (I-Cells), Jabatan Peguam Negara Malaysia dan Ahli Lembaga Penasihat Harta Intelek UKM. Prof. Dato' Dr. Aishah juga berkhidmat sebagai Pesuruhjaya Suruhanjaya Hak Asasi Manusia Malaysia (SUHAKAM). Beliau juga merupakan mantan Ahli Lembaga Pengarah Yayasan Bantuan Guaman Kebangsaan (YBGK) dan ahli Jawatankuasa Pemandu Pembaharuan Undang-undang Korporat Malaysia (CLRC). Beliau juga pernah dilantik sebagai Penasihat Undang-undang UKM Holdings, iaitu sebuah wahana korporat Universiti Kebangsaan Malaysia.

### **YBHG. DATUK SERI SYED ALI BIN SYED ABBAS ALHABSHEE**

Datuk Seri Syed Ali bin Syed Abbas Alhabshee telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 16 Januari 2012. Beliau memiliki Diploma Kepimpinan dan Pengurusan dari New Zealand Institute of Management, New Zealand. Datuk Seri Syed Ali adalah Pengerusi, Yayasan Pendidikan Cheras dan Pengarah Eksekutif, Yayasan Wilayah Persekutuan. Di samping itu, beliau juga merupakan Ahli Lembaga Pengarah, Tourism Malaysia.

### **YBHG. DATUK IDRIS BIN ABDULLAH**

Datuk Idris bin Abdullah telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) berkuat kuasa pada 2 Julai 2012. Beliau pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) daripada Universiti Malaya.

Datuk Idris ialah rakan kongsi kanan di Tetuan Idris and Company Advocates di Kuching, Sarawak. Beliau turut memegang beberapa jawatan penting di Malaysia dan Singapura termasuk Pengarah/Pengarah Magnus Energy Group Ltd (tersenarai di SESDAQ Singapura), Pengarah/Pengarah Xian Leng Holdings Berhad (tersenarai di Bursa Malaysia) dan Pengarah Konsortium Rangkaian Serantau (Regional Network Consortium) Sdn. Bhd. Beliau juga merupakan Anggota Suruhanjaya Komunikasi dan Multimedia Malaysia (SKMM) dan Pengarah Bebas Bukan Eksekutif di Malakoff Corporation Berhad.

### **PUAN LAILA WATHIQAH JUDIN**

Puan Laila Wathiqah Judin, berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi (Hons) telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 19 Oktober 2012. Beliau memulakan kerjaya di dalam perkhidmatan awam pada 1978 sebagai Pegawai Tadbir Am dan seterusnya dilantik ke dalam perkhidmatan Pegawai Tadbir Diplomatik pada 1981. Kerjaya beliau bermula di Jabatan Perkhidmatan Awam diikuti dengan Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan. Kemudian beliau ditempatkan di Kementerian Perusahaan Utama di mana beliau bertanggungjawab untuk mengetuai dua (2) delegasi.

Delegasi pertama adalah untuk menghadiri *9th Conference of The Parties to The United Nation Framework Convention on Climate Change* di Milan, Italy (Disember 2003) dan yang kedua adalah ASEAN Senior Officials Meeting (ASOM) di Vietnam bagi membincangkan kerjasama pembangunan hutan bagi negara-negara ASEAN.

Seterusnya beliau bertugas di Unit Perancang Ekonomi, Jabatan Perdana Menteri dan di Unit Pengurusan Projek (PMU) Kementerian Kewangan. Ketika bertugas di PMU, beliau bertanggungjawab memantau semua projek penting dan berimpak tinggi di bawah dua (2) Paket Rangsangan Ekonomi dalam Rancangan Malaysia ke-9 (2009-2012). Puan Laila Wathiqah kini mengetuai Seksyen (Pentadbiran) di Bahagian Dasar Saraan dan Pengurusan, Kementerian Kewangan.

Di samping itu, beliau pernah menjadi anggota Lembaga Balai Seni Lukis Negara dan Malaysian Explosives Company. Kini, selain SSM, beliau juga menganggotai Lembaga Pemegang Amanah Yayasan Tun Razak.

### **YBHG. DATO' SRI ROBIN TAN YEONG CHING**

Dato' Sri Robin Tan Yeong Ching telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 16 Januari 2014. Beliau berkelulusan ijazah Sarjana Muda Sains Sosial dalam jurusan Perakaunan/Undang-undang dari University of Southampton, United Kingdom pada tahun 1995.

Beliau menyertai Berjaya Group Berhad pada tahun 1995 sebagai seorang Eksekutif sebelum dilantik sebagai Pengurus Besar, Hal Ehwal Korporat pada tahun 1997. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Eksekutif, Lembaga Pengarah, Berjaya Corporation Berhad (BCorporation) pada 21 Disember 2006. Beliau kemudian dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif BCorporation pada 1 Januari 2011 dan seterusnya sebagai Pengarusi/Ketua Pengarah Eksekutif BCorporation pada 23 Februari 2012.

Dato' Sri Robin Tan ialah Pengarusi Berjaya Media Berhad, Sun Media Corporation Sdn. Bhd. dan Informatics Education Ltd, Singapura serta Pengarusi Eksekutif Berjaya Food Berhad. Beliau juga memegang

jawatan Pengarah Atlan Holdings Bhd., Berjaya Sompo Insurance Berhad, KDE Recreation Berhad dan Berjaya Golf Resort Berhad dan juga dalam beberapa buah syarikat sendirian berhad lain di bawah kumpulan anak syarikat BCorporation.

#### **YB DATUK DATU NASRUN BIN DATU MANSUR**

Datuk Datu Nasrun telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya pada 1 Disember 2013. Beliau merupakan pemegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Beliau merupakan Pengurus Palm Oil Industrial Cluster (POIC) Sabah Sdn. Bhd. dan Naib Yang Dipertua Pertubuhan Islam Seluruh Sabah (USIA). Datuk Datu Nasrun ialah Ahli Parlimen Silam.

#### **YBHG. DATO' ZAIDON BIN HJ. ASMUNI**

Dato' Zaidon bin Hj. Asmuni berkelulusan ijazah Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian) dari Universiti Sains Malaysia. Beliau telah dilantik sebagai Anggota Suruhanjaya bermula 15 Oktober 2014. Beliau memulakan kerjaya pada tahun 1981 sebagai Pegawai Tadbir Diplomatik di Kementerian Dalam Negeri. Beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jabatan di Kementerian tersebut. Dato' Zaidon pernah berkhidmat sebagai Pengarah Bahagian Pentadbiran, Jabatan Imigresen Malaysia, dan sebagai Ketua Pengarah, Jabatan Sukarelawan Malaysia (RELA). Beliau seterusnya dilantik sebagai Timbalan Ketua Setiausaha (Strategik), Kementerian Belia dan Sukan. Dato' Zaidon kini memegang jawatan Timbalan Ketua Setiausaha (Pengurusan), Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan.

#### **YBHG. DATO' MOHD NAIM DARUWISH**

Dato' Mohd Naim Daruwish dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM berkuatkuasa pada 1 Disember 2011. Beliau yang berkelulusan ijazah Sarjana Muda Undang-undang (Kepujian) dari Universiti Malaya telah memulakan kerjaya sebagai Pegawai Undang-undang di Bank Pertanian Malaysia pada bulan April 1984 sebelum dilantik sebagai Majistret pada tahun 1985 dan seterusnya sebagai Majistret Kanan.

Dato' Mohd Naim mula bertugas di Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) sebagai Pengurus dan kemudian sebagai Pengurus Kanan Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Jabatan Undang-undang, Kuala Lumpur. Antara jawatan yang pernah disandang beliau di KWSP ialah Pengurus Besar di Jabatan Penguatkuasaan, Pengurus Besar Kanan di Jabatan Undang-undang dan Pengurus Besar Kanan di Jabatan Caruman.

Dato' Mohd Naim juga adalah ahli lembaga pengarah Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), Yayasan Laporan Kewangan (FRF), Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah dan Lembaga Pemantau Audit (AOB), Suruhanjaya Sekuriti.



## **PENGURUSAN EKSEKUTIF**

# PENGURUSAN EKSEKUTIF

**ZAHRAH ABD WAHAB FENNER****Ketua Pegawai Eksekutif**

(Bermula 1 Januari 2015)

(Memangku bermula 17 September 2014 sehingga 31 Disember 2014)

(Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) sehingga 31 Disember 2014)

Zahrah Abd Wahab Fenner memiliki Ijazah Perakaunan (Kepujian) dari Universiti Kebangsaan Malaysia dan adalah seorang Aktauntan Bertauliah.

Beliau dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM pada 1 Januari 2015. Sebelum ini, beliau menyandang jawatan Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) [TKPE (Perkhidmatan)] dari 16 April 2002 hingga 31 Disember 2014. Sebagai TKPE (Perkhidmatan), beliau mengetuai Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Akademi Latihan (COMTRAC) dan Seksyen Perhubungan Awam. Beliau juga merupakan ahli Jawatankuasa Kelulusan dan Pelaksanaan, Pihak Berkuasa Wilayah Pembangunan Iskandar Malaysia (IRDA) serta Ahli Majlis Institut Aktauntan Malaysia semenjak 16 Julai 2011.

Beliau memulakan kerjayanya sebagai Penasihat Aktauntan di Jabatan Kastam dan Eksais Diraja antara bulan Ogos 1984 dan April 1992 selaku penasihat hal-ehwal berkaitan penilaian dan piawaian amalan antarabangsa di pasaran terbuka. Beliau menyertai Kementerian Luar Negeri antara bulan Mei 1992 dan Julai 1995, dan bertanggungjawab menyelia akaun kewangan dan audit untuk Kedutaan dan Suruhanjaya Tinggi Malaysia di seluruh dunia.

**Y.BHG. DATO' MOHD NAIM DARUWISH****Ketua Pegawai Eksekutif**

(Sehingga 16 September 2014)

Dato' Mohd Naim Daruwish berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Undang-Undang (Kepujian) dari Universiti Malaya. Kerjaya beliau bermula pada bulan April 1984 sebagai Pegawai Undang-undang di Bank Pertanian Malaysia sebelum dilantik sebagai Majistret pada tahun 1985 dan seterusnya sebagai Majistret Kanan.

Beliau kemudian telah dilantik sebagai Pengurus dan seterusnya sebagai Pengurus Kanan Bahagian Pendakwaan/Litigasi, Jabatan Undang-undang Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP), Kuala Lumpur. Antara jawatan yang pernah disandang beliau di KWSP ialah sebagai Pengurus Besar, Jabatan Pengurusan, Pengurus Besar Kanan, Jabatan Undang-undang dan Pengurus Besar Kanan, Jabatan Caruman.

Dato' Mohd Naim dilantik sebagai Ketua Pegawai Eksekutif SSM berkuat kuasa pada 1 Disember 2011. Beliau juga ahli Lembaga Pengarah, Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA), ahli Yayasan Laporan Kewangan (FRF), ahli Lembaga Pengiktirafan Pegawai Integriti Bertauliah dan Lembaga Pemantau Audit (AOB).

**KHUZAIRI YAHAYA****Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)**

(Bermula 15 Mac 2015)

(Memangku bermula 8 Oktober 2014 sehingga 14 Mac 2015) (Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi sehingga 14 Mac 2015)

Khuzairi Yahaya memangku tugas selaku Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) bermula pada 8 Oktober 2014. Beliau bertanggungjawab mengetuai Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, Bahagian Pembangunan Korporat dan Polisi dan Seksyen Operasi Cawangan yang bertanggungjawab menyelia dan memantau 14 buah pejabat negeri, 4 buah pejabat cawangan dan kaunter-kaunter perkhidmatan di bawah inisiatif Pusat Transformasi Bandar (UTC). Pada masa yang sama, beliau juga memegang portfolio Pengarah, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi SSM semenjak tahun 2010. Khuzairi Yahaya yang berkelulusan Sarjana Muda Sains Pengurusan (Minor dalam MIS), Purdue University, Amerika Syarikat, memulakan kerjayanya di Bahagian Teknologi Maklumat, Suruhanjaya Sekuriti selama 9 tahun, kemudiannya dilantik sebagai Pengurus Besar, Jabatan Teknologi Maklumat dan Komunikasi, SSM pada tahun 2003 dan kemudian Pengarah Audit Dalaman pada tahun 2007.

**ROSLI HAJI AHMAD****Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan)**

(Bermula 15 Mac 2015)

(Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran sehingga 14 Mac 2015)

Rosli Haji Ahmad telah dilantik sebagai Timbalan ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan) [TKPE (Perkhidmatan)] berkuat kuasa 15 Mac 2015. Beliau bertanggungjawab mengetuai Bahagian Sumber Korporat, Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi, Bahagian Akademi Latihan SSM (COMTRAC) dan Seksyen Perhubungan Awam. Rosli Haji Ahmad yang berkelulusan Ijazah Sarjana Muda Ekonomi dari Universiti Kebangsaan Malaysia telah memulakan kerjaya sebagai Penolong Pendaftar Syarikat pada tahun 1985; Pengurus Cawangan ROC Labuan; Ketua ROC Cawangan Pahang dan Melaka; ahli jawatankuasa pelaksana penubuhan SSM antara tahun 1999 dan 2002. Kemudiannya beliau dilantik sebagai Pengarah Negeri SSM Melaka pada tahun 2004; Pengarah Negeri Johor pada tahun 2006 dan seterusnya Pengarah Bahagian Pematuhan pada tahun 2008. Pada Februari 2014 sehingga 14 Mac 2015, beliau memegang jawatan Pengarah Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran.

**MOHAMED ZANYUIN ISMAIL**

**Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi)**  
(Sehingga 3 September 2014)

Mohamed Zanyuin Ismail telah dilantik sebagai Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Operasi) pada 1 Julai 2013. Beliau bertanggungjawab mengetuai Bahagian Perkhidmatan Pendaftaran, Bahagian Pembangunan Korporat dan Polisi dan Seksyen Operasi Cawangan yang bertanggungjawab menyelia dan memantau 14 buah pejabat negeri, 4 buah pejabat cawangan dan kaunter-kaunter perkhidmatan di bawah inisiatif Pusat Transformasi Bandar (UTC). Mohamed Zanyuin yang berkelulusan Sarjana Muda Sains Sosial (Kepujian), Universiti Sains Malaysia telah dilantik sebagai Pegawai Pendaftar/ Penolong Pendaftar Syarikat di bawah Kementerian Perdagangan dan Perindustrian pada tahun 1980, Timbalan Pendaftar di Pendaftar Perniagaan pada tahun 1995; Pengurus Kanan, Seksyen Pendaftaran Perniagaan pada tahun 1995 dan seterusnya selepas penubuhan SSM, beliau telah dilantik sebagai Pengarah Perkhidmatan Pendaftaran pada tahun 2003.

**ABDUL RASID BIN SUDIN**

**Pengarah Kanan Penguatkuasaan**  
(Bermula pada 15 April 2014)

Abdul Rasid bin Sudin memperoleh Ijazah Sarjana Muda Undang-undang dengan Kepujian (LLB)(Hons) pada tahun 1986 dari Universiti Malaya. Beliau telah dilantik sebagai Pengarah Kanan Penguatkuasaan di Pejabat Penguatkuasaan SSM pada 15 April 2014. Beliau bertanggungjawab dalam portfolio aduan, pematuhan, siasatan, litigasi awam dan penasihat undang-undang di SSM. Sebelum pelantikan ini, beliau telah berkhidmat dalam pelbagai jawatan sebagai Timbalan Pendakwa Raya di Ibu Pejabat Badan Pencegah Rasuah, Malaysia dari 1986 hingga 1989, Timbalan Pendakwa Raya Sabah di Jabatan Peguam Negara Cawangan Sabah dari tahun 1989 hingga 1991, Timbalan Pendakwa Raya Pahang di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Pahang dari tahun 1991 hingga 1992, Peguam Persekutuan di Jabatan Hasil Dalam Negeri di Johor Bahru, Johor dari tahun 1992 hingga 1993, Penolong Penasihat Undang-undang Negeri Johor di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor dari tahun 1993 hingga 2000, Peguam Kanan Persekutuan di Kementerian Dalam Negeri, Putrajaya dari tahun 2000 hingga 2001, Peguam Kanan Persekutuan/Timbalan Pendakwa Raya Sabah di Jabatan Peguam Negara Cawangan Sabah dari tahun 2001 hingga 2004, Ketua Unit Pendakwaan/Timbalan Pendakwa Raya Johor di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Johor dari tahun 2004 hingga 2007 dan Penasihat Undang-undang Negeri Perlis di Pejabat Penasihat Undang-undang Negeri Perlis dari tahun 2007 hingga 2013. Seterusnya, dari 1 November 2013 hingga 14 April 2014 beliau bertukar ke Ibu Pejabat Jabatan Bantuan Guaman, Putrajaya sebagai Timbalan Ketua Pengarah (Sivil).

**NOR AZIMAH ABDUL AZIZ**

**Pengarah, Bahagian Pembangunan Korporat dan Polisi**

- **Portfolio:** Pembaharuan undang-undang, polisi, jaringan domestik dan antarabangsa, statistik dan laporan berkala, penyelidikan ekonomi dan pelaporan kewangan, perancangan strategik, pemantauan dan pengurusan projek, pengurusan risiko dan tanggungjawab korporat.
- **Kelayakan Akademik:** Memegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang, Institut Teknologi MARA dan Sarjana Undang-undang Perniagaan (LLM in Business Law), University of Wales, Aberystwyth, UK.

**AMIR AHMAD**

**Pengarah, Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC)** (Bermula pada 16 Jun 2014)

- **Portfolio:** Pengurusan modal insan, pengurusan bakat, pentadbiran organisasi, integriti dan disiplin, pentadbiran, pengurusan prasarana dan kewangan.
- **Kelayakan Akademik:** Memegang ijazah Sarjana Muda Sains Pentadbiran Perniagaan, Bowling Green State University dan Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA), Western Michigan University, AS.

**AZNORASHIQ MOHAMED ZIN**

**Pengarah, Bahagian Siasatan**

- **Portfolio:** Siasatan.
- **Kelayakan Akademik:** Memegang ijazah Sarjana Muda Profesional Perakaunan (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; Certified Fraud Examiner (CFE); Sarjana Pentadbiran Perniagaan (MBA) dalam Kewangan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia; memiliki kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia (MIA) dan Certified Fraud Examiner (CFE) dari Association of Certified Fraud Examiner di Austin, Texas, Amerika Syarikat.

**MUHAMAD FARIS OTHMAN**

**Pengarah, Bahagian Pembangunan Perniagaan dan Pemasaran**

- **Portfolio:** Produk dan pembangunan perniagaan, pemasaran, perkhidmatan maklumat, pengimbasan dokumen, pengurusan dokumen dan pengurusan pelanggan.
- **Kelayakan Akademik:** Memegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang, (LLB) (Kepujian), Universiti Kebangsaan Malaysia dan Sarjana Undang-undang (LLM), Universiti Malaya.



**KU HAYATI BINTI KU HARON****Pengarah, Bahagian Perkhidmatan Perundangan**

- Portfolio:** Memberi nasihat undang-undang kepada SSM dan bertanggungjawab untuk menguruskan hal-hal berkaitan kes-kes pendakwaan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 dan Akta Kutu 1971 serta kes-kes sivil oleh dan terhadap SSM; mengendalikan rayuan kes-kes jenayah oleh dan terhadap SSM di Mahkamah Tinggi dan Mahkamah Rayuan.
- Kelayakan Akademik:** Memegang ijazah Sarjana Undang-undang (LLM) dan Sarjana Muda Undang-undang (LLB) (Kepujian), Universiti Islam Antarabangsa Malaysia.

**REZY IZWAN RAMLY****Pengarah, Bahagian Pematuhan**

(Bermula pada 1 Februari 2014)

- Portfolio:** Pengurusan aktiviti pematuhan dan pemeriksaan korporat SSM terhadap setiausaha syarikat, juruaudit dan ahli lembaga pengarah syarikat.
- Kelayakan Akademik:** Memegang ijazah Sarjana Muda Undang-undang (LLB)(Hons) dari University of Warwick, United Kingdom dan memperoleh Sijil Amalan Guaman (CLP) pada tahun 2000; juga memiliki kelayakan Certified Financial Investigator (CFI).

**ZARINA ABDUL SAMAD****Pengarah, Bahagian Sumber Korporat**

(Bermula pada 15 April 2015)

(Memangku bermula 1 Ogos 2014 sehingga 14 April 2015)

- Portfolio:** Pengurusan modal insan, pengurusan bakat, pentadbiran organisasi, pengurusan prasarana dan kewangan.
- Kelayakan Akademik:** Diploma Lanjutan Perakaunan, Universiti Teknologi MARA (UiTM) dan memiliki kelayakan sebagai Akauntan Bertauliah, Institut Akauntan Malaysia (MIA)

# CARTA ORGANISASI

► **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI,  
KOPERASI DAN KEPENGUNAAN**

► **ANGGOTA SURUHANJAYA**

► **KETUA PEGAWAI EKSEKUTIF (KPE)**

► **TIMBALAN KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF  
(OPERASI)**

► **TIMBALAN KETUA  
PEGAWAI EKSEKUTIF  
(PERKHIDMATAN)**

► **PENGARAH KANAN  
(PENGUATKUASAAN)**

SEKSYEN  
INTEGRITI

SEKSYEN  
PENGURUSAN  
TRANSFORMASI

SETIAUSAHA  
SURUHANJAYA

BAHAGIAN POLISI  
DAN PEMBANGUNAN  
KORPORAT

BAHAGIAN  
PERKHIDMATAN  
PENDAFTARAN

BAHAGIAN  
PEMBANGUNAN  
PERNIAGAAN DAN  
PEMASARAN

SEKSYEN OPERASI /  
PEJABAT NEGERI

BAHAGIAN  
SUMBER KORPORAT

BAHAGIAN  
TEKNOLOGI  
MAKLUMAT DAN  
KOMUNIKASI

AKADEMI  
LATIHAN  
SSM (COMTRAC)

SEKSYEN  
PERHUBUNGAN  
AWAM

BAHAGIAN  
PERKHIDMATAN  
PERUNDANGAN

BAHAGIAN  
PEMATUHAN

BAHAGIAN  
SIASATAN

SEKSYEN  
ADUAN

SEKSYEN  
AUDIT DALAM



# TINJAUAN EKONOMI 2014 DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM

## TINJAUAN EKONOMI 2014 DAN ANALISA STATISTIK UTAMA SSM

Pada tahun 2014, ekonomi dunia mengalami kadar pertumbuhan yang lebih rendah daripada yang dijangkakan akibat dibebani oleh ketidaktentuan perdagangan semenjak beberapa tahun kebelakangan ini. Pertumbuhan hanya mencapai peningkatan yang kecil sebanyak 0.1% kepada 2.6% berbanding dengan pertumbuhan tahun lepas iaitu sebanyak 2.5%. Ekonomi global masih bergelut untuk mendapatkan momentum kerana kebanyakan negara maju masih menghadapi kesan kewangan global dan ditambah pula dengan ekonomi yang masih tidak pulih di samping ekonomi negara-negara membangun yang tidak berkembang pesat sebagaimana yang dijangka.

Faktor-faktor ekonomi seperti kadar faedah yang rendah, harga komoditi yang lemah dengan dasar kewangan yang berlainan di antara negara-negara maju dan kelemahan perdagangan dunia telah mempengaruhi prospek ekonomi global. Walau bagaimanapun, penurunan mendadak harga minyak pada tahun 2014 telah membantu mengurangkan kesan negatif ekonomi dalam kalangan pengimpor minyak negara-negara membangun dan pada masa yang sama, merangsang aktiviti ekonomi global di negara-negara ini. Namun, harga minyak yang rendah akan menjelaskan potensi pertumbuhan di negara-negara pengeksport minyak dengan kesan yang ketara di rantau ini. Pertumbuhan ekonomi sedunia pula diramalkan untuk mencapai peningkatan yang sederhana dengan kadar pertumbuhan kira-kira 3% pada tahun 2015, manakala, negara-negara berpendapatan tinggi melihat pertumbuhan di rantau ini sebanyak 2.2%, kesan daripada pemulihan pasaran buruh secara beransur-ansur, penurunan penyatuhan fiskal dan kos pembiayaan rendah yang munasabah. Sebaliknya, harga minyak yang lebih rendah terus menyumbang kepada penyimpangan unjuran bagi negara-negara pengeksport dan pengimpor minyak, terutamanya pada tahun 2015.

Pada tahun 2014, walaupun dalam keadaan prospek ekonomi global suram, Malaysia telah mencatatkan

pertumbuhan sebanyak 6% berbanding dengan pertumbuhan sebanyak 4.7% pada tahun 2013. Pertumbuhan yang lebih kukuh adalah hasil daripada permintaan domestik yang kukuh dan disokong oleh peningkatan prestasi perdagangan luar. Ia digerakkan oleh eksport bersih yang menyumbang secara positif kepada pertumbuhan dalam tahun semasa berbanding dengan sumbangan negatif pada tahun-tahun yang lalu. Dengan kata lain, Malaysia mendapat manfaat daripada pemulihan ekonomi yang dialami di negara-negara maju dan permintaan berterusan dari negara serantau.

Pertumbuhan sebenar eksport barang dan perkhidmatan adalah lebih pesat jika dibandingkan dengan pertumbuhan import barang dan perkhidmatan. Ini mencatatkan pertumbuhan sebanyak 19.7% (2013: -12.6%) dengan permintaan dalam negeri yang terus menjadi pemacu utama pertumbuhan. Walaupun permintaan dalam negeri berkembang pada kadar yang lebih sederhana, pengembangan ini dijana oleh aktiviti sektor swasta yang disokong oleh faktor seperti pertumbuhan pendapatan yang menggalakkan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil.

Sektor pembuatan dan perkhidmatan terus memacu pelaburan swasta pada kadar pertumbuhan sebanyak 11% (2013: 13.1%). Sektor-sektor ini mendapat manfaat daripada peningkatan dalam persekitaran luaran serta penggunaan domestik yang berterusan. Langkah pengurangan kos yang diterajui oleh komitmen Kerajaan bagi penyatuan fiskal telah mengurangkan perbelanjaan sektor awam. Keadaan ini telah menyumbang kepada pertumbuhan keseluruhan pada tahun 2014. Langkah-langkah yang diambil untuk mengurangkan perbelanjaan secara budi bicara sebahagiannya telah membawa kepada pertumbuhan yang lebih sederhana dalam penggunaan awam pada tahun ini terutamanya perbelanjaan perjalanan, sewaan, makanan dan minuman.

Sementara itu, kadar pelaburan awam adalah lebih rendah daripada yang dijangka dengan pertumbuhan

negatif sebanyak 4.9% (2013: 2.2%) yang disebabkan oleh perbelanjaan modal yang ketat oleh Kerajaan serta projek-projek utama pada tahun ini. Di samping itu, pengurangan dalam perbelanjaan jentera dan peralatan pada tahun ini, terutamanya dalam subsektor utiliti dan pengangkutan udara, menyumbang kepada kadar pertumbuhan yang lebih rendah. Namun demikian, pelaburan dalam sektor minyak dan gas serta subsektor pengangkutan lain terus kukuh serta membantu mengurangkan kesan pertumbuhan yang negatif. Perbelanjaan pembangunan yang lebih rendah oleh Kerajaan menyebabkan perbelanjaan modal dikurangkan dalam subsektor perdagangan dan industri, pendidikan dan pengangkutan. Bagi perusahaan awam, sebahagian besar daripada perbelanjaan mengalir ke dalam industri pembinaan, penaiktarafan infrastruktur pengangkutan, khususnya kawasan luar bandar, pembangunan pertanian dan juga pembinaan sekolah baharu serta penaiktarafan kemudahan di institusi pengajian tinggi.

Oleh sebab Malaysia mengamalkan konsep ekonomi terbuka, prospek ekonomi Malaysia akan dipengaruhi oleh perkembangan ekonomi di rantau ini dan rakan dagangan utamanya. Pertumbuhan eksport dijangka lebih rendah kerana harga komoditi yang lebih rendah. Pada masa yang sama, ketidaktentuan yang berkaitan dengan daya tahan ekonomi global serta penurunan harga minyak global pada separuh tahun kedua 2014 telah menimbulkan kebimbangan tentang kedudukan imbalan pembayaran dan fiskal Malaysia. Faktor-

faktor ini mempengaruhi sentimen pasaran dengan ketidakstabilan pasaran modal yang lebih besar pada 2015.

Namun, eksport Malaysia dijangka berkembang pada tahun 2015 sejajar dengan jangkaan pertumbuhan ekonomi Amerika Syarikat dan pertumbuhan berterusan ekonomi serantau. Kos bahan api yang lebih rendah dijangka meningkatkan perbelanjaan penggunaan dan pelaburan dalam ekonomi negara-negara pengimport minyak bersih seperti Amerika Syarikat, China dan negara-negara di rantau ini, yang merupakan rakan dagangan utama Malaysia. Permintaan yang kukuh terhadap peranti komunikasi, bahagian automotif serta komponen elektronik dan elektrik akan menjadi daya penggerak bagi eksport Malaysia dan dengan itu kedudukan imbalan pembayaran akan berdaya tahan dan kekal positif.

Unjur an pertumbuhan ekonomi Malaysia pada bulan-bulan berikut dijangka menunjukkan pertumbuhan yang kukuh serta disokong oleh pertumbuhan permintaan domestik secara berterusan yang didorong oleh asas-asas domestik yang kukuh serta sektor eksport yang berdaya saing. Permintaan dalam negeri dan perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pendorong utama bagi pertumbuhan pada tahun 2015 dengan penggunaan swasta diramal terus mencatat kadar pertumbuhan yang melebihi purata selama lima (5) tahun semenjak berlakunya krisis kewangan di negara maju.



Di sebalik angka-angka ini, ekonomi global dijangka terus kukuh pada kadar sederhana dengan peningkatan yang berbeza dalam momentum pertumbuhan yang dilihat di negara-negara maju. Malaysia akan memasuki sistem percukaian baharu dengan pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan Malaysia (CBP) pada bulan April 2015 dan oleh itu, pengurangan kuasa beli pengguna dijangka berlaku. Namun, unjur an pertumbuhan ekonomi Malaysia pada tahun 2015 kekal positif dan dijangka mencatat purata pertumbuhan sebanyak 5%.

## PENDAFTARAN PERNIAGAAN

Untuk mencapai pertumbuhan ekonomi, usaha bagi memastikan pertumbuhan memberikan manfaat sejagat dan berterusan dalam jangka masa yang panjang adalah penting. Melalui Program Transformasi Ekonomi (ETP), Kerajaan komited memastikan pertumbuhan ekonomi dicapai secara mampan. Oleh sebab Malaysia berusaha membangunkan ekonomi ke arah mencapai pendapatan negara kasar (PNK) yang lebih tinggi, Kerajaan kini menumpukan kepada pertumbuhan ekonomi rakyat yang berkaitan dengan pendapatan isi rumah, kos sara hidup dan indeks kesejahteraan. Dalam konteks ini, usaha untuk menggalakkan penjaja dan peniaga kecil untuk mendaftarkan perniagaan mereka dengan SSM telah dilaksanakan pada tahun 2014 dengan pelbagai insentif diperkenalkan untuk mereka. Insentif seperti Pelan Insurans 1Malaysia Penjaja, Peniaga Kecil Nasional (P1MPIN) dan Program Penjaja 1Malaysia (PP1M) telah diperkenalkan untuk merangsang pertumbuhan, serta memastikan bahawa majoriti usahawan Malaysia mendapat manfaat daripada dasar negara yang berteraskan pertumbuhan inklusif dan menyeluruh. PP1M adalah inisiatif Kerajaan melalui *National Blue Ocean Strategy 7* yang bertujuan untuk memastikan kebersihan fizikal untuk menjalankan perniagaan dan menekankan penyediaan makanan yang sihat dan persekitaran kerja yang lebih selamat. P1MPIN adalah skim perlindungan insurans berkelompok yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK) melalui Bank Rakyat (agensi Kerajaan) untuk memberi perlindungan percuma untuk semua peniaga di seluruh negara. Selain itu,

Skim Pembiayaan Mikro Penjaja dan Peniaga Kecil (Pembiayaan Mikro-i MPPK) diperkenalkan oleh Kerajaan melalui Bank Rakyat untuk membantu penjaja dan peniaga kecil menaik taraf perniagaan mereka melalui pembiayaan tanpa faedah. Pembiayaan tanpa faedah disalurkan melalui Koperasi Simpanan Dan Kredit Bersatu Malaysia Berhad (Koperasi Simpanan) bagi pembiayaan konvensional.


Selain itu, pihak Kerajaan juga telah melancarkan Inisiatif Strategik Pembangunan Penjaja dan Peniaga Kecil 2015-2020 yang bertujuan untuk menyediakan landasan bagi membimbing lebih satu (1) juta penjaja dan peniaga kecil seluruh negara melalui empat (4) strategi utama iaitu memperkuatkhan ekosistem, meningkatkan daya saing, membangunkan modal insan serta kemampaman kewangan. Pihak Kerajaan akan menyediakan model pembiayaan yang lebih menarik bagi memastikan edaran bantuan kewangan yang lebih berkesan kepada penjaja dan peniaga kecil. Inisiatif ini akan mendorong pemodenan dan pembangunan sektor ini pada masa hadapan.

Pada 2014, jumlah pendaftaran baharu dan pembaharuan perniagaan masing-masing meningkat sebanyak 0.9% dan 2.8%, dengan bilangan pendaftaran perniagaan baharu sebanyak 332,723 berbanding dengan 329,895 pada tahun 2013 manakala pembaharuan perniagaan telah meningkat daripada 327,288 pada tahun 2013 kepada 336,497 pada tahun 2014. Peningkatan dalam pendaftaran perniagaan baharu dan pembaharuan perniagaan disokong oleh keadaan ekonomi Malaysia yang stabil ditambah dengan pelbagai inisiatif galakan daripada Kerajaan. Pada akhir 2014, jumlah perniagaan yang berdaftar berjumlah 5,634,101 (2013: 5,301,378).

## Jumlah Pendaftaran dan Pembaharuan Perniagaan pada tahun 2013 dan 2014

Aktiviti	2014	2013	Peningkatan (%)
Pendaftaran Baharu	332,723	329,895	0.9%
Pembaharuan	336,497	327,288	2.8%





## PEMBERADANAN SYARIKAT

Ekonomi global berkembang pada kadar yang sederhana sebanyak 2.6% dengan peningkatan 0.1% berbanding dengan pertumbuhan pada tahun sebelumnya. Walaupun terdapat kejutan luaran yang buruk dan berpanjangan terhadap krisis kewangan global dan ditambah dengan penurunan mendadak harga minyak pada tahun 2014,

ekonomi Malaysia mencatat prestasi yang sangat baik pada tahun lepas dengan catatan pertumbuhan sebanyak 6% pada tahun 2014 (2013: 4.7%).

Pertumbuhan kukuh ini disokong oleh permintaan domestik yang mantap dan diperkuatkan oleh pemuliharaan yang memberangsangkan dalam eksport. Pencapaian ekonomi yang positif diperkuatkan oleh asas-asas makroekonomi yang kukuh, struktur ekonomi yang pelbagai dan sistem kewangan yang kukuh. Rangsangan ekonomi telah diambil kira dalam memastikan bahawa ekonomi terus mengekalkan momentum pertumbuhan yang kukuh, pengukuhan kewangan awam, menggiatkan modal insan dan meningkatkan pembangunan bandar dan luar bandar. Beberapa strategi, program dan projek telah dilaksanakan dan antara tumpuan termasuk merancakkan semula aktiviti ekonomi dalam sektor perkhidmatan, menarik pelaburan ke koridor pertumbuhan wilayah seperti Iskandar Malaysia, Projek Pembangunan Koridor Utara di bawah Wilayah Ekonomi Koridor Utara (NCER), Projek Pembangunan Pantai Timur di bawah Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER), Projek Pembangunan Sabah di bawah Koridor Pembangunan Sabah (SDC) dan Pembangunan Projek Tengah Sarawak di bawah Koridor Tenaga Boleh Diperbaharui Sarawak (SCORE) dan juga pembangunan perusahaan kecil dan sederhana (PKS). Bagi menggalakkan PKS untuk maju ke kelas atas dalam rantaian nilai melalui langkah-langkah peningkatan produktiviti, RM110 juta telah diperuntukkan di bawah Pinjaman Mudah untuk program PKS dan *Lean Transformation Programme*. Program ini adalah untuk membantu PKS dengan teknik dan pendekatan praktikal kepada pengurangan kos dan meningkatkan produktiviti. Selain inisiatif pembangunan, dana latihan untuk industri khusus seperti multimedia kreatif, pelancongan, robotik, jentera dan pembuatan juga telah diperuntukkan.

Di samping itu, pelbagai inisiatif berterusan seperti pelaksanaan program dan projek di bawah Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK-10) dipadukan dengan Program Transformasi Ekonomi (ETP) dan Program Transformasi Kerajaan (GTP) telah menghasilkan keuntungan ekonomi yang ketara yang memberi kesan peningkatan bilangan syarikat yang diperbadankan pada tahun 2014.


Jumlah syarikat yang didaftarkan pada tahun 2014 ialah sebanyak 49,203 (2013: 46,321), iaitu yang terdiri daripada 49,144 (2013: 46,249) buah syarikat tempatan

dan 59 (2013: 72) buah syarikat asing. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 6.2% berbanding dengan tahun 2013.

Bagaimanapun didapati terdapatnya pengurangan sebanyak 18.1% bagi perbadanan syarikat asing pada tahun 2014 dengan pendaftaran sebanyak 59 buah syarikat asing berbanding 72 buah syarikat pada tahun 2013.


## Jumlah Syarikat yang Diperbadankan (Tempatan dan Asing) dari tahun 2012 sehingga 2014

Tahun	2014	2013	2012
Syarikat Tempatan Diperbadankan	49,144	46,249	45,366
Syarikat Asing Didafarkan	59	72	75



## PEMERBADANAN SYARIKAT BAHRU MENGIKUT SEKTOR

**Syarikat yang diperbadankan Menurut Kategori Sektor berdasarkan Pengelasan Industri Standard Malaysia 2008 (MSIC 2008) untuk tahun 2014.**



### Sektor Perkhidmatan

Sektor perkhidmatan kekal menjadi penyumbang utama kepada ekonomi negara pada tahun 2014 dengan pertumbuhan sebanyak 6.3% berbanding dengan 5.9% pada tahun 2013. Walau bagaimanapun, jumlah bilangan syarikat dalam sektor ini kekal tidak berubah dengan penurunan sebanyak 0.4% kepada 27,514 (2013: 27,609).

Sektor perkhidmatan terdiri daripada pendidikan (579), aktiviti harta tanah (3,284), aktiviti kewangan dan insurans/takaful (2,014), maklumat dan komunikasi (1,942), penginapan dan aktiviti perkhidmatan makanan (2,671), perdagangan borong dan runcit, pembaikan kenderaan motor dan motosikal (16,089) dan aktiviti perkhidmatan lain (935).

Tahun Melawat Malaysia 2014 diunjurkan untuk menarik kedatangan 28 juta orang pelancong. Beberapa program tempatan dan antarabangsa telah dijalankan seperti Petronas Formula 1 Grand Prix, Rainforest World Music Festival, Kejohanan Dunia Red Bull Air Race 2014, KL International Tattoo 2014, World Kite Festival, 2014 FIA Formula E Race dan Jualan Akhir Tahun Malaysia. Walaupun semua aktiviti-aktiviti ini dilaksanakan, berlaku defisit pendapatan dalam perkhidmatan dengan akaun semasa yang melebar dan mengakibatkan pendapatan pelancongan bersih yang lebih rendah dan pembayaran pengangkutan bersih yang lebih tinggi. Tiga insiden kemalangan udara berprofil tinggi telah mengakibatkan penerimaan pelancong yang lebih rendah pada tahun ini, manakala pelancongan keluar yang lebih tinggi diperhatikan dalam tempoh yang sama, sekali gus menyumbang kepada penurunan dalam pendapatan pelancongan bersih. Oleh itu pertumbuhan dalam sektor ini kekal tidak berubah pada 2014.

Pada tahun 2015, sektor perkhidmatan dijangka kekal sebagai salah satu penyumbang terbesar kepada pertumbuhan. Ia dijangka untuk mencapai sekurang-kurangnya 58% daripada Keluaran Dalam Negeri Kasar (KDNK) pada tahun 2020 yang akan dipacu oleh Pelan Sektor Perkhidmatan. Pertumbuhan dalam aktiviti berkaitan kepenggunaan seperti perdagangan runcit, penginapan dan restoran akan disokong oleh perbelanjaan isi rumah. Ketibaan pelancong yang lebih tinggi dijangka bersempena promosi pelancongan *Malaysia - Year of Festivals 2015* yang akan menyokong pertumbuhan. Subsektor komunikasi akan terus mencatatkan pertumbuhan mantap yang didorong oleh permintaan yang kukuh untuk perkhidmatan data di

tengah-tengah peningkatan penggunaan peranti mudah alih, terutamanya telefon pintar.

Perkhidmatan dan defisit pendapatan utama dijangka bertambah baik disebabkan oleh pendapatan pelancongan bersih yang lebih tinggi dan peningkatan pendapatan syarikat-syarikat Malaysia yang melabur di luar negara. Pengembangan yang berterusan dalam aktiviti berkaitan perdagangan akan menyokong pertumbuhan dalam perkhidmatan berkaitan pengeluaran seperti borong, pengangkutan dan penyimpanan. Dalam subsektor kewangan dan insurans, pertumbuhan dijangka mampan, disokong oleh permintaan yang stabil untuk pembiayaan, terutamanya daripada perniagaan, dan pendapatan fi yang lebih tinggi daripada aktiviti pasaran modal.

### Sektor Pertanian

Secara keseluruhan, pada tahun 2014 Sektor Pertanian di Malaysia mencatatkan pertumbuhan yang lebih kukuh sebanyak 2.6% (2013: 2.1%). Oleh itu, bilangan syarikat yang diperbadankan di sektor ini meningkat kepada 1,424 pada tahun ini (2013: 1,331). Ini membawa kepada peningkatan sebanyak 6.9% disebabkan oleh pengeluaran minyak sawit mentah yang lebih tinggi. Sebaliknya, pengeluaran getah adalah lebih rendah. Ternakan dan pertanian lain, iaitu hasil buah-buahan dan sayur-sayuran, turut mencatatkan pertumbuhan positif berikutan langkah-langkah Kerajaan untuk meningkatkan pengeluaran makanan, menambah baik keselamatan makanan dan mengurangkan bil import makanan. Inisiatif seperti penubuhan Majlis Makanan dan Industri Asas Tani untuk Eksport (FACE) dijangka meningkatkan eksport dan pengeluaran buah-buahan. Di samping itu, penubuhan pasaran nelayan dan Agrobazaar Kedai Rakyat telah menyumbang kepada peningkatan pengeluaran makanan. Selain itu, pengeluaran sektor ini dijangka meningkat, disokong oleh peningkatan permintaan dalam dan luar, serta keadaan cuaca yang baik.

### Sektor Perlombongan

Bilangan syarikat yang diperbadankan dalam sektor ini meningkat kepada 1,133 pada tahun 2014 (2013: 1,070). Terdapat peningkatan sebanyak 5.8% bagi pemerbadanan syarikat baharu dalam sektor ini sejajar dengan pertumbuhan ekonomi Malaysia sebanyak 3.1% pada tahun 2014 (2013: 7%). Penambahan ini didorong oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli, terutamanya pada separuh kedua tahun ini dan juga pengeluaran dari lapangan minyak baharu di Sabah.

Sektor perlombongan berkembang pada tahun 2014 yang disokong oleh peningkatan pengeluaran gas asli di tengah-tengah pengeluaran minyak mentah yang sederhana. Pengeluaran minyak mentah meningkat sebanyak 4% pada suku kedua yang didorong oleh usaha peningkatan pengeluaran dan permulaan pengeluaran dari telaga minyak baharu. Bagi tahun 2015, pengeluaran minyak mentah dijangka meningkat berikutan selesainya pembangunan lapangan *Gumusut-Kakap Deepwater*. Dengan pengeluaran minyak kini dijalankan sejak suku keempat tahun 2014, kerja-kerja berterusan membangunkan lapangan *Gas Injection Facilities* dijangka bermula pada tahun 2015. Sementara itu, Lapangan Kebabangan, yang terletak di luar pantai Kota Kinabalu, Sabah, dijangka mula beroperasi pada penghujung tahun 2014. Pada masa yang sama, permulaan operasi *Sabah O&G Terminal* akan mempercepatkan pengeluaran dan eksport O&G di jangka membuka jalan bagi pertumbuhan dalam sektor ini pada tahun 2015.

### Sektor Pembinaan

Sektor pembinaan mencatatkan kadar pertumbuhan yang menggalakkan iaitu sebanyak 11.6% pada tahun ini (2013: 10.9%) disebabkan oleh pertumbuhan yang lebih kukuh dalam kedua-dua subsektor kediaman dan bukan kediaman, dengan sokongan daripada projek-projek infrastruktur di bawah subsektor kejuruteraan awam.

Pertumbuhan pesat dalam subsektor kediaman adalah disebabkan oleh kemajuan yang berterusan dalam projek-projek perumahan mewah di Johor, Lembah Klang dan Pulau Pinang, manakala aktiviti pembinaan dalam subsektor bukan kediaman disokong oleh projek-projek komersial dan industri.

Sektor swasta menyumbang 71.4% kepada jumlah nilai keseluruhan kerja-kerja pembinaan. Sementara itu, aktiviti pembinaan yang lebih tinggi diterajui oleh subsektor kediaman dan bukan kediaman. Pertumbuhan dalam subsektor kejuruteraan awam adalah perlahan berikutnya penyiapan beberapa projek besar, seperti Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) 2, Jambatan Kedua Pulau Pinang dan loji tenaga arang batu Manjung.

Projek-projek kejuruteraan awam yang berterusan, terutamanya aktiviti berkaitan O&G dan pengembangan stesen kuasa elektrik dan talian penghantaran akan memberi sumbangan ketara kepada subsektor kejuruteraan awam. Ini termasuk pembangunan (FLNG 1) projek Terapung Cecair Gas Asli 1 dan projek Ammonia Sabah - Urea (SAMUR) dan loji kuasa elektrik



di Manjung dan Seberang Prai. Selain itu, projek-projek berterusan seperti projek *MY Rapid Transit (MRT) Line 1* dan transit aliran ringan (LRT), projek bekalan air bersih dan pemanjangan bekalan elektrik ke kawasan luar bandar terutamanya di Sabah dan Sarawak serta pembesaran pelabuhan Kuantan, sambungan lebuh raya Damansara ke Ulu Klang (DUKE) dan pembinaan Lebuh Raya Pantai Barat dan *Central Spine Road* dari Bentong ke Kuala Krai akan merangsang pertumbuhan ekonomi. Oleh yang demikian, terdapat peningkatan sebanyak 4,025 buah syarikat (2013: 3,137) yang mencerminkan peningkatan 28.3% dalam bilangan syarikat-syarikat yang diperbadankan.

#### Sektor Pembuatan

Pada tahun 2014, sektor perkilangan berkembang dengan ketara, dengan mencatatkan pertumbuhan yang tertinggi dalam tempoh tiga (3) tahun dengan pertumbuhan 6.2% yang didorong oleh jualan semikonduktor global yang lebih tinggi. Sektor pembuatan dijangka terus berkembang pada kadar yang lebih cepat pada kenaikan eksport barang elektrik dan elektronik (E&E) kerana permintaan luaran yang semakin meningkat. Jualan dan eksport komputer peribadi (PC) dan bahagian-bahagian yang berkaitan telah kembali pulih, disokong oleh permintaan global yang bertambah baik dan penurunan kos pegangan inventori. Bilangan syarikat yang diperbadankan di sektor perkilangan meningkat sebanyak 19.9% pada tahun 2014. Sejumlah 5,967 buah syarikat di bawah sektor ini telah diperbadankan (2013 : 4,974 syarikat).

Prestasi kukuh dalam sektor ini disokong oleh pengeluaran yang lebih tinggi daripada kedua-dua eksport dan industri penggunaan domestik. Industri perkhidmatan pasaran domestik adalah termasuk peralatan pengangkutan dan makanan dan minuman. Industri eksport pula termasuk produk elektrik dan elektronik, tekstil, pakaian, barang kulit dan kasut.

#### PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 mula dikuat kuasakan pada bulan Februari 2013 dan sehingga 31 Disember 2014, jumlah perkongsian liabiliti terhad (PLT) yang berdaftar ialah sebanyak 3,744. Daripada jumlah tersebut, 90 buah PLT ialah pendaftaran baharu hasil daripada pertukaran perniagaan perkongsian di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956)

sementara 29 buah PLT ialah pertukaran daripada syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965). Pendaftaran PLT dijangka meningkat kerana ciri-ciri PLT yang menarik dengan unsur-unsur perkongsian konvensional dan syarikat liabiliti terhad yang digabungkan.

#### KADAR PEMATUHAN


Sejak beberapa tahun ini, konsep ‘Penguatkuasaan Seimbang’ telah dilaksanakan dengan berkesan dan dapat dibuktikan oleh kenaikan berterusan kadar pematuhan pada setiap tahun. Kadar pematuhan telah beransur-ansur meningkat dalam tempoh lima (5) tahun yang lalu daripada 84% pada tahun 2009 hingga 93% pada tahun 2013. Bagi 2014, kadar pematuhan berjumlah 92% yang diukur berdasarkan serahan penyata tahunan bersama-sama dengan akaun yang telah diaudit pada tahun ini, manakala kadar pematuhan bagi 2013 telah dikira berdasarkan serah simpan dengan SSM pada tahun tersebut serta serah simpan yang dikemukakan di luar masa yang ditetapkan bagi mematuhi seksyen 165 AS 1965. Secara ringkas, 92% daripada syarikat-syarikat di Malaysia telah mematuhi seksyen 143 dan 169 AS 1965, serahan penyata tahunan bersama dengan akaun yang diaudit dalam tahun 2014. Seksyen 143 memerlukan sesebuah syarikat itu untuk mengadakan mesyuarat agung tahunan sekali dalam setiap tahun kalender dan seksyen 169 menghendaki pengarah untuk membentangkan di hadapan syarikat penyata kewangan yang telah diaudit, laporan pengarah berserta dengan dokumen-dokumen lain yang diperlukan di dalam mesyuarat agung tahunan.

Peningkatan dalam kadar pematuhan mencerminkan kesan daripada pelbagai inisiatif yang dijalankan oleh SSM selama ini iaitu pengeluaran pelbagai nota amalan berserta aktiviti yang dilaksanakan untuk meningkatkan kesedaran dalam kalangan pengarah syarikat tentang amalan tanggungjawab korporat dan tadbir urus korporat untuk kebertanggungjawapan dan ketelusan. Serahan penyata tahunan bersama-sama penyata kewangan yang tepat pada masanya adalah penting bagi SSM untuk menyediakan maklumat terkini untuk agensi-agensi Kerajaan dan pihak-pihak berkepentingan bagi melaksanakan dasar-dasar dan strategi ekonomi yang berkesan. Perkara ini juga penting untuk pemegang kepentingan syarikat seperti pemegang saham, pelabur, bank-bank dan institusi kewangan untuk memiliki maklumat kewangan dan

korporat terkini dalam konteks membuat keputusan perniagaan yang bijak, menarik pelaburan, pinjaman dan perancangan strategik. Sesuai dengan peranan SSM sebagai salah satu sumber maklumat korporat yang utama di Malaysia bagi pelabur tempatan dan luar negara, pencapaian ini menjadi petanda baik bagi SSM sebagai pendaftar korporat.

**Kategori Skim Kepentingan yang Berdaftar dengan SSM dari tahun 2012 sehingga 2014:**

No.	Kategori	2014	2013	2012
1	Kelab Golf & Rekreasi	71	71	71
2	Kelab Golf & Rekreasi (ahli ialah pemegang saham)	19	19	19
3	Kelab Rekreasi	34	34	34
4	Kelab Rekreasi (ahli ialah pemegang saham)	3	3	3
5	Kongsi Masa	27	27	27
6	Marina	9	9	9
7	Taman Peringatan	9	8	5
8	Skim Kongsi Tani	10	10	9
9	Skim Peralatan	3	2	2
10	Skim Hartanah	10	10	8
<b>Jumlah</b>		<b>195</b>	<b>193</b>	<b>187</b>



#### SKIM KEPENTINGAN

Pada tahun 2014, sebanyak tujuh (7) permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut, empat (4) permohonan telah dipertimbangkan dan hanya tiga (3) skim telah diluluskan, iaitu yang terdiri daripada Skim Peralatan, Skim Taman Peringatan dan Skim Kelab Golf dan Rekreasi. Bagi skim kelab golf dan rekreasi yang diluluskan, pihak syarikat masih dalam proses mematuhi terma dan syarat kelulusan SSM.

Dalam tahun 2014, SSM telah menolak tiga (3) permohonan, iaitu dua (2) skim Taman Peringatan dan satu (1) skim Kongsi Masa kerana tidak memenuhi terma dan syarat untuk didaftarkan dan/atau berdasarkan kepentingan awam.

Setakat 31 Disember 2014, jumlah skim kepentingan berdaftar telah meningkat kepada 195 skim.

#### PEMBEKALAN MAKLUMAT KORPORAT

Pembekalan maklumat yang tepat dan menepati masa adalah penting kepada pihak-pihak berkepentingan SSM sejajar dengan persekitaran korporat yang semakin kompleks. Penyerahan simpanan penyata tahunan dan maklumat korporat yang tepat pada masanya akan menjadikan maklumat korporat sentiasa terkini dan boleh dipercayai. Pada tahun ini, pendapatan meningkat 9% kepada RM24 juta bagi tahun 2014 (2013: RM22 juta), iaitu pendapatan daripada pembekalan maklumat melalui *Company & Business Information Data* (CBID), e-Info dan sistem Idaman. Peningkatan hasil adalah petunjuk jelas bahawa komuniti perniagaan semakin bergantung kepada SSM untuk maklumat korporat yang boleh dipercayai, relevan dan terkini.

#### PEGGULUNGAN DAN PEMBATALAN NAMA PADA DAFTAR SYARIKAT

Tahun 2014 telah mencatatkan penurunan jumlah syarikat yang digulung sebanyak 32.4% iaitu 1,744 buah syarikat berbanding dengan 2,581 buah syarikat pada tahun 2013. Daripada jumlah tersebut, sebanyak 1,607 buah syarikat melalui penggulungan sukarela oleh ahli-



ahli dan pemutang, manakala selebihnya penggulungan oleh perintah mahkamah.

Manakala, jumlah syarikat yang dibubarkan melalui proses pembatalan nama syarikat meningkat daripada 23,849 buah pada tahun 2013 kepada 29,180 buah pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 22.4%. Sejumlah 9,522 pembatalan nama yang diproses ialah permohonan daripada syarikat dan selebihnya ialah usaha pendaftar syarikat untuk membatalkan nama syarikat yang dorman pada daftar SSM. SSM meneruskan usahanya untuk mewujudkan kesedaran di kalangan pengarah korporat untuk membatalkan nama syarikat telah meningkatkan jumlah syarikat yang membatalkan nama. Ini secara tidak langsung meningkatkan kadar pematuhan.

Tahun	2014	2013	2012
Penggulungan Syarikat	1,744	2,581	2,419
Pembatalan Nama Syarikat (Seksyen 308)	29,180	23,849	14,673

## PENAMATAN PERNIAGAAN

Jumlah perniagaan yang ditamatkan pada tahun 2014 meningkat sebanyak 48.5% kepada 26,966 berbanding dengan 18,161 pada tahun sebelumnya. Namun, data statistik menunjukkan purata perniagaan yang ditamatkan setiap tahun untuk tempoh tiga (3) tahun terakhir ialah sebanyak 21,800 (2013: 19,554) dan hal ini menunjukkan peningkatan yang lebih kecil bagi penamatan perniagaan.

Peningkatan bilangan perniagaan yang ditamatkan dipengaruhi oleh banyak faktor. Kadar pengangguran pada tahun 2013 ialah 3.1%, manakala pada tahun 2014, kadar yang diunjurkan ialah 2.7%. Ramai pekerja mungkin membuka perniagaan kecil untuk sementara waktu dan apabila ekonomi bertambah baik pada tahun 2014, mereka menghentikan perniagaan mereka apabila mendapat pekerjaan baharu. Sesetengah usahawan mengubah bentuk perniagaan kepada aktiviti perniagaan lain untuk merebut peluang perniagaan baharu apabila kadar pertumbuhan meningkat pada tahun 2014. Selain itu, beberapa langkah telah dilaksanakan oleh Kerajaan pada tahun lepas seperti yang berikut: (i) meningkatkan akses kepada kewangan, latihan kemahiran dan khidmat nasihat; (ii) menganjurkan *Global Entrepreneurship Summit* (GES) ke-4 yang mengumpulkan pemimpin dunia, usahawan global dan tokoh terkemuka untuk berkongsi pengalaman dan pengetahuan tentang keusahawanan; (iii) menujuhkan *Malaysian Global Innovation & Creativity*

Centre (MaGIC); dan (iv) melaksanakan program *1Malaysia Entrepreneur* (1MeT) dan Keusahawanan Graduan untuk menggalakkan penyertaan usahawan dalam perniagaan secara besar-besaran.

Tambahan pula, pelbagai program pendidikan dan kesedaran yang dianjurkan oleh SSM di seluruh negara telah menghasilkan lebih ramai pemilik perniagaan yang memaklumkan penamatan perniagaan mereka menurut keperluan APP 1956.



# LAPORAN PENGURUSAN

# PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Keadaan politik, sosial dan ekonomi yang tidak menentu memberi kesan pada cara pengurusan pertumbuhan ekonomi yang dilaksanakan oleh kerajaan di serata dunia. Sungguhpun berhadapan cabaran ini, SSM telah mencerminkan keupayaannya dalam mencapai jangkaan dan sasaran untuk menjadi pendaftar bertaraf dunia, terutamanya dalam mewujudkan persekitaran ekonomi yang sesuai, undang-undang korporat yang komprehensif, penguatkuasaan seimbang bagi membina daya tahan ekonomi negara. Ini merupakan visi perkhidmatan awam pada masa hadapan dan gabungan kesemua ini bagi manfaat pihak berkepentingan ialah sebahagian daripada penyampaian perkhidmatan SSM. Walaupun terdapat halangan dalam mengharungi cabaran, SSM terus melangkah ke hadapan dengan menggunakan kesemua sistem yang sedia ada untuk merealisasi proses transformasi dan yang berinovatif.

SSM harus menguruskanimbangan antara keinginan untuk menyediakan perkhidmatan awam yang lebih baik dengan realiti kekangan kos mengurus organisasi yang semakin meningkat. Transformasi dan inovasi akan melonjakkan SSM ke peringkat seterusnya dan mendorong pencapaian keberhasilan bagi pihak berkepentingan. Transformasi dan inovasi juga mampu merubah pendekatan penyampaian untuk mencapai penyediaan perkhidmatan awam melalui peningkatan produktiviti perkhidmatan awam. Ini adalah masanya untuk berfikir secara radikal dengan menggerakkan sistem, proses menerusi peralatan generasi baharu demi membina perkhidmatan awam serta memanfaatkan pencapaian sedia ada dalam acuan baharu dan lebih baik.

Walau bagaimanapun, pelbagai perubahan ini mengundang isu praktikal. Pendekatan penyampaian perkhidmatan awam yang positif hanya boleh dicapai dengan mengubah cara bekerja yang lama dan mengenengahkan perubahan struktur terhadap cara keberhasilan melalui proses operasi dalaman yang lebih cekap. Transformasi dan perubahan struktur kemudiannya akan dihasilkan melalui model perkhidmatan baru dan perubahan kos menjalankan perniagaan yang ketara.

## PENCAPAIAN PIAGAM PELANGGAN

Piagam Pelanggan Pendaftaran mengukur proses transaksi dan memberi jaminan kepada pelanggan selepas dokumen diserah simpan terlebih dahulu dengan bayaran diterima di kaunter. Ia merangkumi semua proses Pendaftaran Perniagaan Baru, Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan, Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan, Pendaftaran Penamatan Perniagaan dan proses-proses yang melibatkan kelulusan dan pengeluaran sijil berkaitan syarikat. SSM telah menetapkan sasaran pencapaian piagam pelanggan 99% bagi semua piagam pelanggannya.

Pengukuran Piagam Pelanggan SSM diukur berdasarkan dua (2) kategori iaitu, Piagam Pelanggan Perniagaan yang merangkumi Pendaftaran Perniagaan Baharu, Pendaftaran Pembaharuan Perniagaan, Pendaftaran Perubahan Maklumat Perniagaan dan Penamatan Perniagaan dan Piagam Pelanggan Syarikat iaitu dengan mengukur proses Permohonan Carian Nama Syarikat, Pemerbadanan Syarikat, Pendaftaran Gadaian, Pendaftaran Pertukaran Nama dan Pertukaran Taraf Syarikat.

Berikut ialah pencapaian Piagam Pelanggan SSM bagi tahun 2014.

### Pencapaian Piagam Pelanggan Pendaftaran Perniagaan 2014

Jenis Borang	Piagam Pelanggan	Peratusan
1 Pendaftaran Perniagaan Baharu (Borang A)	1 Jam	99.14%
2 Pembaharuan Pendaftaran Perniagaan (Borang A1)	15 Minit	99.74%
3 Pendaftaran Perubahan Perniagaan (Borang B)	1 Jam	98.57%
4 Pendaftaran Penamatan Perniagaan (Borang C)	15 Minit	98.74%

Nota : Piagam Pelanggan diambil kira bermula dari dokumen di 'prelodge' dan bayaran dibuat di kaunter sehingga sijil/keputusan dikeluarkan.

Pada tahun 2014, sebanyak 332,723 perniagaan baharu dan 338,141 pembaharuan pendaftaran perniagaan telah direkodkan. Bagi pendaftaran perubahan perniagaan, terdapat sebanyak 196,209 transaksi direkodkan manakala sejumlah 26,966 transaksi adalah untuk penamatan perniagaan.

SSM melaksanakan pemantauan berterusan terhadap Piagam Pelanggan ke arah memendekkan lagi tempoh masa menunggu pelanggan dengan Program Transformasi Organisasi (OTP) yang akan dilaksanakan oleh SSM dalam masa terdekat. Objektif OTP adalah untuk meningkatkan perkhidmatan operasi SSM ke tahap yang cemerlang untuk pelanggan. Ini termasuk masa respon yang lebih cepat dan kepelbagaian kemudahan akses perkhidmatan SSM yang lebih baik pada masa hadapan. Sehingga bulan Disember 2014, SSM telah mencapai Piagam Pelanggan yang telah ditetapkan kecuali bagi Kelulusan Permohonan Nama Syarikat (Borang 13A), Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam (Borang 18) dan Pertukaran Status Syarikat Borang 11.

### Pencapaian Piagam Pelanggan Pendaftaran Syarikat 2014

Jenis Perkhidmatan	Piagam Pelanggan	Peratusan (%)
1. Pemerbadanan Syarikat Baharu (Borang 6)	1 Hari	99.65%
2. Kelulusan Permohonan Nama (Borang 13A)	1 Hari	99.00%
3. Sijil Memulakan Perniagaan bagi Syarikat Awam (Borang 18)	1 Hari	98.33%
4. Perubahan/Pertukaran Nama Syarikat	1 Hari	99.70%
5. Pertukaran Status Syarikat (Borang 11)	1 Hari	97.92%
6. Pendaftaran Gadaian (Borang 34)	2 Hari	99.64%
7. Kelulusan Surat Ikatan Amanah	5 Hari	100.00%
8. Pendaftaran Prospektus	3 Hari	100.00%

Nota : Piagam Pelanggan diambil kira bermula dari dokumen di 'prelodge' dan bayaran dibuat di kaunter sehingga sijil/keputusan dikeluarkan.

Sebanyak 66.5% peningkatan pendaftaran dokumen telah dicatatkan bagi tahun 2014 berbanding dengan tahun 2013. Berikut ialah peningkatan pencapaian pendaftaran dokumen bagi tahun 2014.

## PAKEJ INSENTIF ORANG KELAINAN UPAYA (OKU)

Pakej Insentif Orang Kelainan Upaya (OKU) masih lagi diteruskan pada tahun 2014 semenjak diperkenalkan pada 23 Oktober 2012. Ia bertujuan menggalakkan penglibatan OKU dalam bidang perniagaan untuk menambahkan pendapatan. Pakej ini boleh dinikmati oleh golongan OKU yang memiliki kad pendaftaran OKU daripada Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM). Sepanjang tahun 2014 sebanyak 2,485 transaksi bernilai RM130,200 telah dinikmati oleh masyarakat OKU yang mendaftar dan memperbaharui perniagaan mereka di bawah Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956).

## PENDAFTARAN PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD (PLT)

Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (PLT) mula dikuatkuasakan pada bulan Februari 2013. Sehingga 31 Disember 2014 jumlah PLT yang berdaftar adalah sebanyak 3,744. Daripada jumlah tersebut, 90 PLT ialah pendaftaran baharu hasil daripada pertukaran perniagaan perkongsian di bawah APP 1956 sementara 29 PLT ialah pertukaran daripada syarikat yang berdaftar di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965).

Daripada jumlah 3,744 PLT, 2,304 ialah jumlah PLT yang didaftarkan dalam tahun 2014 iaitu peningkatan 60% berbanding dengan tahun sebelumnya. Bilangan pendaftaran PLT dijangka akan terus meningkat pada masa hadapan berdasarkan ciri pendaftaran PLT yang lebih mudah dan kos efektif berbanding dengan pendaftaran syarikat.



Transaksi	2014	2013
Pendaftaran PLT baharu	2,263	1,362
Penukaran daripada perkongsian konvensional kepada perkongsian liabiliti terhad	35	55
Penukaran daripada syarikat persendirian kepada perkongsian liabiliti terhad	6	23
<b>Jumlah</b>	<b>2,304</b>	<b>1,440</b>
<b>Jumlah Kesejuruhan</b>	<b>3,744</b>	

## PERMOHONAN PENGURUSAN KORPORAT

Permohonan korporat ialah permohonan yang dibuat di SSM menurut peruntukan di bawah AS 1965. Permohonan yang diterima lazimnya merangkumi permohonan seperti Jadual di bawah berserta penerangan tentang permohonan seperti berikut:

### Jenis-jenis Permohonan Pengurusan Korporat

Jenis-Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan		
	2014	2013	2012
1. Permohonan lanjutan masa	592	603	767
2. Permohonan pelantikan proksi	1	1	2
3. Permohonan mendapatkan kelonggaran bagi mengecualikan beberapa keperluan dalam akaun.	179	172	156
4. Permohonan pengecualian bagi menyerah simpan akaun syarikat asing di Malaysia.	66	59	18
5. Serah simpan <i>initial public offerings, abridged prospectus</i> dan dokumen lain yang berkaitan.	603	485	631
6. Serah simpan Laporan Suku Tahunan syarikat yang meminjam oleh pengarah syarikat.	155	145	175
<b>Jumlah</b>	<b>1,596</b>	<b>1,465</b>	<b>1,749</b>

1. Permohonan lanjutan masa ialah permohonan bagi melanjutkan masa untuk mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dan juga melanjutkan masa untuk membentang Penyata Kewangan. Permohonan ini perlu disertakan dengan bayaran RM100 bagi setiap jenis permohonan.


2. Permohonan untuk melantik proksi adalah untuk melantik proksi selain yang dicatit dalam peruntukan AS 1965 mahupun dalam Memorandum dan Artikelnnya. Permohonan ini perlu disertakan dengan bayaran RM120.

3. Permohonan relief atas keperluan memaparkan kandungan Penyata Kewangan seperti senarai skim opsyen, pegangan skim opsyen/saham pengarah yang *substantial*, Penyata Kewangan subsidiari tidak sama dengan syarikat induk dan lain-lain relief. Permohonan ini perlu disertakan dengan bayaran RM120.

4. Permohonan pengecualian menyerah simpan Penyata Kewangan cawangan syarikat asing di Malaysia. Permohonan ini perlu disertakan dengan bayaran RM120.

5. Menyerah simpan Prospektus tawaran awam, Prospektus tawaran hak, kertas terma (*term sheets*) atau waran setelah mendaftarkannya dengan Suruhanjaya Sekuriti. Dokumen ini perlu disertakan dengan bayaran RM500.

6. Menyerah simpan Laporan Suku Tahunan oleh Pengarah syarikat yang meminjam. Dokumen ini perlu disertakan dengan bayaran RM100.



Bagi prosedur memperbadankan SBMJ dengan perkataan “Berhad” dan tanpa perkataan “Berhad” adalah berdasarkan kepada senarai semak SBMJ yang dikeluarkan pada tarikh 7 Januari 2011.

Fi untuk permohonan untuk kelulusan Menteri KPDKKK bagi penggunaan nama yang diwartakan seperti “Yayasan” adalah sebanyak RM450 dan bagi yang tidak menggunakan nama yang diwartakan pula ialah sebanyak RM300.

Setelah permohonan diperakurkan untuk kelulusan, pemohon perlu membayar fi sebanyak RM1000 kepada SSM bagi mendapatkan Sijil Perbadanan (Borang 8) dan Lesen di bawah seksyen 24(1) AS 1965 (Borang 15) serta Syarat-syarat Lesen yang akan dikeluarkan bersama di bawah seksyen 24(3) AS 1965.

Antara terma dan syarat lesen yang perlu mendapat kelulusan Menteri terlebih dahulu ialah pindaan terhadap Memorandum dan Artikel syarikat, pelantikan pengarah, sumbangan dana, cagaran, pajakan dan penjualan tanah atau harta.

## SYARIKAT BERHAD MENURUT JAMINAN (SBMJ)

Pada tahun 2014, sebanyak 1,980 buah syarikat telah diperbadankan sebagai Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ). SBMJ tanpa perkataan “Berhad” telah didaftarkan sebanyak 1,232 buah dan SBMJ dengan perkataan “Berhad” adalah sebanyak 748 buah. Dalam tahun 2014, SSM menerima 470 pelbagai permohonan (2013:430) berkaitan transaksi SBMJ.



**Jadual Menunjukkan Jumlah Permohonan SBMJ Mengikut Kategori**

	Jenis-Jenis Permohonan	Jumlah Permohonan		
		2014	2013	2012
1.	Permohonan bagi memperbadankan SBMJ tanpa perkataan ‘Berhad’	83	73	79
2.	Permohonan bagi memperbadankan SBMJ dengan perkataan ‘Berhad’	50	50	47
3.	Permohonan menggugurkan perkataan ‘Berhad’	3	4	3
4.	Permohonan untuk memiliki dan menjual tanah	55	26	56
5.	Permohonan pelantikan pengarah	211	211	213
6.	Permohonan mendapatkan sumbangan	5	6	3
7.	Permohonan ke atas pindaan Memorandum & Artikel	63	60	52
Jumlah		470	430	453

**MALAYSIA CORPORATE IDENTITY  
(MyCoID)**

Bermula di Ibu Pejabat Kuala Lumpur, Seremban dan Shah Alam pada 16 Mei 2013, SSM telah menguatkuasakan langkah untuk mewajibkan pemerbadanan syarikat dilakukan secara dalam talian (*online*) melalui sistem MyCoID. Langkah ini ternyata memberi kesan yang baik di mana proses carian nama dan pemerbadanan syarikat menjadi lebih cepat dan

imej dokumen permerbadanan syarikat boleh terus dimasukkan ke dalam sistem tanpa perlu melalui proses pengimbasan yang mengambil masa dan memerlukan lebih sumber tenaga.

Dalam tahun 2014, langkah mewajibkan pemerbadanan syarikat menerusi sistem MyCoID telah diperluaskan ke seluruh negara dan dilaksanakan secara berperingkat seperti jadual di bawah:



Selaras dengan pelaksanaan mandatori MyCoID, permohonan carian nama dan pemerbadanan syarikat menerusi perkhidmatan kaunter telah ditutup kecuali bagi perkhidmatan-perkhidmatan berikut:-


- (a) Pendaftaran syarikat asing;
- (b) Pemerbadanan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ);
- (c) Pemerbadanan Syarikat Dengan Badan Korporat sebagai pencarum/Pengasas;
- (d) Pertukaran Taraf Syarikat;
- (e) Pertukaran Nama Syarikat;
- (f) Permulaan Perniagaan Bagi Syarikat Awam;
- (g) Permohonan Kelulusan Menteri;
- (h) Pertanyaan Carian Nama dan Pemerbadanan daripada e-Lodgement; dan
- (i) Permohonan Pemerbadanan Syarikat menggunakan Nombor Tender.

Transaksi	2014	2013
1. Carian Nama	95,393	42,767
2. Penubuhan	33,728	17,458
3. Borang Serahsimpan Pertama	31,493	16,705
<b>Jumlah</b>	<b>160,614</b>	<b>76,930</b>

Langkah ini ialah salah satu tindakan yang diambil oleh SSM bagi memastikan indikator tentang memulakan perniagaan di Malaysia mencapai kedudukan yang lebih baik pada tahun 2014. Langkah ini juga seiring dengan matlamat SSM untuk meningkatkan kadar penggunaan perkhidmatan dalam talian.

**PERKHIDMATAN e-LODGETMENT****Transaksi e-Lodgement Perniagaan**

Bilangan transaksi e-Lodgement bagi perniagaan pada tahun 2014 mencatatkan rekod permohonan sebanyak 67,996 berbanding dengan 67,383 transaksi pada tahun 2013. Ini menunjukkan peningkatan sebanyak 0.9% berbanding dengan tahun sebelumnya. Pendaftaran perniagaan baru masih kekal tertinggi bagi transaksi perkhidmatan pendaftaran perniagaan e-Lodgement walaupun terdapat penurunan berbanding dengan tahun sebelumnya. Secara keseluruhannya kesemua transaksi kecuali pendaftaran baharu dan perubahan maklumat perniagaan bagi perniagaan menunjukkan peningkatan.

**TRANSAKSI MyCoID**

Melalui pelaksanaan ini terdapat peningkatan yang mendadak dalam permohonan carian nama dan pemerbadanan syarikat. Pada tahun 2014, SSM berjaya mendaftarkan sebanyak 33,728 syarikat melalui MyCoID. Ini merupakan peningkatan sebanyak 93.2% berbanding dengan tahun 2013.



Transaksi	2014	2013	2012
1. Carian Nama	40,254	38,182	50,822
2. Pendaftaran Baharu	20,350	22,123	26,929
3. Pembaharuan Perniagaan	1,644	1,420	5,632
4. Perubahan Maklumat Perniagaan	3,925	4,097	5,385
5. Penamatan	1,823	1,561	2,085
<b>Jumlah</b>	<b>67,996</b>	<b>67,383</b>	<b>90,853</b>

### Transaksi e-Lodgement Syarikat

Penambahbaikan yang berterusan terhadap sistem e-Lodgment pada tahun 2014 menyebabkan jumlah transaksi perkhidmatan menurun dengan drastik iaitu kepada 5,999 berbanding dengan 11,230 transaksi pada tahun 2013. Keadaan ini dijangka akan pulih selepas penambahbaikan yang sedang dijalankan pada masa kini untuk meningkat keupayaan sistem e-Lodgement pada tahun 2015.

Transaksi	2014	2013
1. Permohonan carian nama syarikat	2,261	7,454
2. Permohonan pemerbadanan syarikat tempatan	10	284
3. Serah simpan borang 24, 44 dan 49 selepas pemerbadanan	111	312
4. Penyata Tahunan & Sijil Syarikat Persendirian Terkecuali	170	129
5. Penyata Tahunan & Akaun	1,153	1,075
6. Borang 44 (Notice of Situation of Registered Office and of Office Hours and Particulars of Changes)	999	513
7. Borang 53 (Notice of Place Where Register of Members and Index Kept, or of Change in That Place)	15	50
8. Borang 24 (Return of Allotment of Shares)	151	157
9. Borang 11 (Notice of Resolution)	36	122
10. Borang 49 (Return Giving Particulars in Register of Directors, Managers and Secretaries and Changes of Particulars)	1,076	1,053
11. Borang 48B (Application for Company Secretary's License)	4	73
12. Borang 48C (Application for Renewal of Company Secretary's License)	13	8
<b>Jumlah</b>	<b>5,999</b>	<b>11,230</b>

### SKIM KEPENTINGAN

Pada tahun 2014, sebanyak tujuh (7) permohonan telah diterima dan daripada jumlah tersebut sebanyak tiga (3) skim telah diluluskan. Daripada tiga (3) skim yang diluluskan, dua (2) skim iaitu satu (1) skim kongsi

peralatan dan satu (1) skim taman memorial telah didaftarkan manakala bagi baki satu (1) skim lagi iaitu skim golf dan rekreasi, pihak pemohon sedang dalam proses mematuhi syarat kelulusan. Satu (1) permohonan telah diterima pada penghujung tahun 2014 dan masih lagi diproses. Sehingga 31 Disember

2014, jumlah skim kepentingan berdaftar telah meningkat kepada 195 skim.

Baki tiga (3) permohonan lagi telah ditolak iaitu dua (2) skim taman memorial dan satu (1) skim kongsimasa kerana tidak memenuhi syarat untuk didaftarkan dan/ atau atas dasar kepentingan awam.

Secara keseluruhan sebanyak 65.1% daripada jumlah skim berdaftar terdiri daripada kelab golf dan rekreasi diikuti dengan skim kongsi masa sebanyak 13.8%. Pendaftaran skim taman memorial meningkat sebanyak 12.5% kepada sembilan (9) manakala skim peralatan meningkat sebanyak 50% kepada tiga (3). Nilai keseluruhan skim kepentingan berdaftar sehingga tahun 2014 ialah RM17.41 bilion.


### Kategori-kategori Skim Kepentingan

No.	Kategori	2014	2013	2012
1	Kelab Golf & Rekreasi	71	71	71
2	Kelab Golf & Rekreasi (ahli ialah pemegang saham)	19	19	19
3	Kelab Rekreasi	34	34	34
4	Kelab Rekreasi (ahli ialah pemegang saham)	3	3	3
5	Kongsi Masa	27	27	27
6	Marina	9	9	9
7	Taman Peringatan	9	8	5
8	Skim Kongsi Tani	10	10	9
9	Skim Peralatan	3	2	2
10	Skim Hartanah	10	10	8
	<b>Jumlah</b>	<b>195</b>	<b>193</b>	<b>187</b>

### PENAMATAN SKIM KEPENTINGAN BERDAFTAR

SSM telah mengambil pendekatan proaktif dan tersusun untuk mengawal selia penamatan skim yang tidak aktif tetapi masih belum ditamatkan secara rasmi, skim yang bermasalah yang tidak dapat diteruskan atau yang tidak lagi menguntungkan serta menanggung kerugian. SSM memainkan peranan penting untuk memastikan bahawa syarikat pengurusan atau pemegang amanah mengambil langkah-langkah penamatan supaya peruntukan undang-undang dipatuhi dan penutupan skim dilakukan secara teratur. Antara bulan Januari hingga Disember 2014, sebanyak sembilan (9) skim telah ditamatkan dan lapan (8) skim masih dalam proses penamatan.

### Status Skim Kepentingan



Status Skim Kepentingan	Sehingga 2014	2013 dan sebelumnya
• Aktif	148	146
● Tidak Aktif	10	22
● Ditamatkan	29	20
● Dalam proses penamatan	8	5



## PENGGULUNGAN DAN PEMBATALAN NAMA DARI DAFTAR SYARIKAT

Tahun 2014 mencatatkan penurunan jumlah syarikat yang digulungkan sebanyak 32.42% iaitu 1,744 buah syarikat berbanding dengan 2,581 buah syarikat pada tahun 2013. Daripada jumlah itu, 1,560 buah syarikat telah melalui penggulungan sukarela oleh

ahli-ahli dan pemutang, manakala selebihnya adalah penggulungan oleh perintah mahkamah.

Jumlah syarikat yang dibubarkan melalui proses pembatalan nama meningkat daripada 23,849 pada tahun 2013 kepada 29,173 pada 2014 iaitu peningkatan sebanyak 22.32%. Sejumlah 9,522 pembatalan nama yang diproses ialah permohonan dari syarikat manakala selebihnya ialah usaha SSM bagi membatalan nama syarikat yang telah lama dorman dalam daftar SSM.

### Transaksi Penggulungan Syarikat

Kategori Permohonan	2014	2013	2012
1. Syarikat dibubarkan melalui penggulungan	1,744	2,581	2,419
2. Syarikat dibubarkan melalui pembatalan nama	29,173	23,849	14,673

Pada tahun 2015, permohonan pembubaran dan penggulungan syarikat dijangka meningkat. Walaupun terdapat penurunan permohonan pada tahun 2014, kebarangkalian peningkatan ini adalah tinggi disebabkan oleh ketidakstabilan ekonomi global, kejatuhan nilai mata wang ringgit dan bencana alam. Keadaan ini juga akan menjadi lebih ketara apabila SSM menjalankan penyelenggaraan pangkalan datanya.

## PENGURUSAN ASET SYARIKAT BUBAR

Pada tahun 2014, jumlah permohonan Pengurusan Aset Syarikat Bubar yang dikendalikan oleh SSM meningkat daripada 37 permohonan pada tahun

2013 kepada 74 permohonan pada tahun 2014 iaitu kenaikan sebanyak 100%.

Daripada jumlah tersebut, permohonan untuk Pendaftar Syarikat bertindak sebagai wakil syarikat yang telah dibubarkan di bawah seksyen 309 AS 1965 telah merosot sebanyak 5.26% iaitu daripada 19 permohonan pada tahun 2013 kepada 18 permohonan sahaja bagi tahun 2014. Manakala permohonan peletakan hak aset syarikat bubar ke atas nama Pendaftar (seksyen 310 AS 1965) pula telah meningkat sebanyak 223.5% iaitu daripada 17 aset pada tahun 2013 kepada 55 aset pada tahun 2014.

SSM hanya menerima satu (1) permohonan bagi pembelian aset yang terletak hak kepada Pendaftar pada tahun ini.

### Kategori Permohonan Pengurusan Aset Syarikat Bubar

Kategori Permohonan	2014	2013	2012	
1. Permohonan untuk Pendaftar Syarikat bertindak sebagai wakil kepada syarikat yang telah dibubarkan di bawah seksyen 309 AS 1965	18	19	10	
2. Aset yang terletak hak ke atas Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 310 AS 1965	55	17	74	
3. Permohonan untuk membeli aset yang terletak hak di bawah seksyen 311 AS 1965	1	1	3	
<b>Jumlah permohonan</b>		<b>74</b>	<b>37</b>	<b>87</b>

Peningkatan permohonan bagi pengurusan aset syarikat yang dibubarkan pada tahun 2014 menunjukkan terdapat kesedaran di kalangan pihak berkepentingan tentang peruntukan AS 1965 berhubung aset syarikat yang dibubar. Permohonan bagi pengurusan aset syarikat ini dijangka meningkat pada tahun 2015 memandangkan terdapat kesedaran dalam kalangan pihak berkepentingan SSM tentang aset syarikat yang dibubar dan perkara ini ditingkatkan lagi melalui jalinan kerjasama dengan agensi kerajaan terlibat dan penganjuran program kesedaran bagi meningkatkan pengetahuan tentang aset syarikat yang dibubar.

Tahun 2014 mencatatkan penurunan pendaftaran gadaian sebanyak 3.64% iaitu 25,292 pendaftaran gadaian berbanding dengan 26,248 pendaftaran gadaian pada tahun 2013. Jumlah pendaftaran pelepasan gadaian juga mencatatkan peningkatan sebanyak 2.8% iaitu 12,495 berbanding dengan 12,148 pada tahun 2013.

Satu sistem dalam talian (*online*) bagi pendaftaran pelepasan gadaian dijangka akan disiapkan pada pertengahan tahun 2015. Sistem pendaftaran pelepasan gadaian dalam talian akan menunjukkan keputusan yang efektif dan berkesan dan ini adalah selari dengan cadangan oleh Bank Dunia dalam kajian bagi indikator mendapatkan pinjaman (*getting credit*).

## GADAIAN

Pendaftaran Gadaian ialah pendaftaran menurut peruntukan di bawah seksyen 108(1) & 110(1) AS 1965. Apabila suatu gadaian diwujudkan oleh suatu syarikat atau perolehan harta yang tertakluk kepada gadaian dimiliki oleh suatu syarikat, syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar suatu pernyataan butiran yang ditentukan dalam tempoh tiga puluh (30) hari daripada tarikh kewujudan atau tarikh perolehan harta. Sekiranya gadaian berkenaan tidak didaftarkan, maka gadaian itu hendaklah setakat mana apa-apa jaminan atas harta atau akuanji syarikat dengannya diberi adalah terbatas terhadap penyelesaian dan mana-mana pemutang syarikat.


Kepentingan mendaftar gadaian adalah sebagai makluman kepada orang awam bahawa pemegang gadaian mempunyai kepentingan ke atas harta/securiti yang dicagarkan.

### Pendaftaran Pelepasan Gadaian

Pendaftaran pelepasan gadaian menurut peruntukan seksyen 113 AS 1965 berlaku apabila apa-apa gadaian yang telah didaftarkan dan telah dibayar atau diselesaikan. Dalam keadaan ini, syarikat hendaklah menyerah simpan dengan Pendaftar satu borang yang ditetapkan yang memaklumkan bahawa gadaian tersebut telah dibayar atau diselesaikan.


### Transaksi Gadaian

Transaksi	2014	2013	2012
1. Pendaftaran Gadaian	25,292	26,248	27,657
2. Pendaftaran pelepasan gadaian	12,495	12,148	11,913



Pencapaian ini boleh dikaitkan dengan insentif yang masih diteruskan oleh pihak kerajaan di bawah KPDNKK seperti Pembiayaan pinjaman Mikro Kredit tanpa faedah melalui Bank Rakyat dan Pelan Insuran 1Malaysia melalui Syarikat Takaful Ikhlas Sdn. Bhd. kepada golongan penjaja dan peniaga kecil yang diperkenalkan oleh kerajaan bermula pada tahun 2013.

Tahun 2014 merekodkan sebanyak 336,497 pembaharuan pendaftaran diterima berbanding 327,288 pembaharuan pada tahun sebelumnya dengan peningkatan sebanyak 2.8%. Statistik pembaharuan belum dapat menunjukkan prestasi sebenarnya disebabkan pemberian pakej insentif pembaharuan dengan bayaran RM50 bagi lima (5) tahun yang diperkenalkan pada tempoh Jun sehingga Disember 2012 telah memberi faedah kepada 702,365 penjaja dan peniaga kecil.



#### Pendaftaran Perniagaan

Transaksi	2014	2013	Peningkatan
1 Pendaftaran Baharu	312,373	329,895	-5.3%
2 Pembaharuan	336,497	327,288	2.8%

#### PERKHIDMATAN E-INFO

e-Info ialah salah satu saluran perkhidmatan SSM bagi membekalkan maklumat syarikat dan perniagaan berasaskan sesawang (*web based*) yang boleh dicapai secara global, oleh komuniti perniagaan tempatan dan antarabangsa.

Pada tahun 2014, terdapat peningkatan bagi transaksi e-Info berbanding dengan tahun 2013 sebagaimana yang berikut:

- (a) 8% kenaikan dalam jumlah transaksi tahunan pada tahun 2014;
- (b) 8% kenaikan pembelian dalam talian pada tahun 2014; dan
- (c) 53% penambahan jumlah kunjungan pelanggan antarabangsa ke laman sesawang e-Info pada tahun 2014.

#### Perkhidmatan e-Info (Transaksi Tahunan)

2014	2013	2012
Transaksi	Transaksi	Transaksi
1,704,762	1,579,812	1,462,783

#### Perkhidmatan e-Info (Kadar Penggunaan)

Tahun	Dalam Talian	Kadar Penggunaan %	Kios	Kadar Penggunaan %	Jumlah Transaksi
2014	1,363,810	80	340,952	20	1,704,762
2013	1,258,023	80	321,789	20	1,579,812
2012	1,161,662	79	301,121	21	1,462,783

Kunjungan pelanggan pada peringkat antarabangsa ke laman sesawang bagi 2014 telah meningkat sebanyak 53% berbanding dengan tahun 2013. Jadual di bawah menunjukkan peningkatan jumlah pengunjung ke sesawang e-Info pada tahun 2014, 2013 dan 2012.

#### Statistik Kunjungan ke Laman Sesawang e-Info Berdasarkan Negara

Negara	2014	2013	2012
Singapura	26,904	21,821	19,467
Hong Kong	7,601	6,580	7,949
United Kingdom	4,297	3,379	3,985
Amerika Syarikat	13,877	7,532	5,643
Australia	3,410	2,946	3,199
India	17,720	13,067	10,338
Jepun	2,488	1,220	1,094
China	2,249	1,750	1,765
Filipina	2,363	2,236	2,230
Lain-lain	41,508	19,612	21,525
<b>Jumlah</b>	<b>122,417</b>	<b>80,143</b>	<b>77,195</b>

**Corporate and Business Information Data (CBID)**

Tahun	Permohonan
2014	619
2013	552

Langkah menyediakan maklumat korporat yang berdaya saing dan memenuhi kehendak pelanggan sebagai salah satu usaha SSM untuk menghargai pelanggan ialah satu tindakan yang tepat dan memberikan impak yang baik. Melalui perkhidmatan pembekalan data maklumat korporat dan perniagaan atau lebih dikenali sebagai CBID (*Corporate and Business Information Data*), pelanggan boleh mendapatkan senarai syarikat dan perniagaan berdasarkan spesifikasi data yang diperlukan seperti lokasi perniagaan, jenis perniagaan dijalankan serta maklumat kewangan syarikat. Terdapat peningkatan permohonan sebanyak 12% yang direkodkan bagi tahun 2014 iaitu sebanyak 67 permohonan berbanding dengan tahun 2013.

kerjasama agensi seperti Majlis Daerah, pejabat cawangan KPDNKK dan agensi-agensi lain.

Aktiviti ini dijalankan di tempat-tempat yang strategik seperti di pejabat daerah, pejabat cawangan KPDNKK, di balai raya dan pasar raya. Kebanyakan aktiviti KBPP dijalankan di kawasan ramai peniaga gerai berada. KBPP menjalankan proses pendaftaran di lokasi penganjuran aktiviti. Kaunter bergerak ini disambungkan terus pada sistem CBSROB SSM melalui sambungan tanpa wayar 3G.

Selain memberikan perkhidmatan dalam suasana yang fleksibel, KBPP juga menyebarkan maklumat terkini mengenai perkhidmatan SSM dan memberikan kesedaran mengenai dunia perniagaan kepada peniaga-peniaga. Pegawai-pegawai SSM yang bertugas di KBPP akan membantu untuk memberikan penjelasan dan taklimat kepada mereka bagi membolehkan operasi perniagaan mereka berjalan lancar tanpa melanggar akta yang ditadbir SSM.

Maklumat aktiviti KBPP bagi setiap negeri sepanjang tahun 2014 adalah seperti di sebelah:

#### KAUNTER BERGERAK PENDAFTARAN PERNIAGAAN (KBPP)

Kaunter Bergerak Pendaftaran Perniagaan (KBPP) ialah salah satu inisiatif SSM untuk mendekati komuniti perniagaan bagi menyebarkan maklumat dan memberikan kemudahan kepada peniaga-peniaga untuk berurusan dengan SSM tanpa perlu datang ke pejabat SSM. Program ini dijalankan dengan



**Aktiviti KBPP di Negeri-Negeri Pada Tahun 2014**

Negeri	Kekerapan	Pendaftaran Perniagaan Baharu	Perubahan Maklumat	Pembaharuan Perniagaan
Kuala Lumpur	45	543	58	109
Labuan	3	4	0	4
Perlis	7	45	2	31
Terengganu	58	1,042	377	1,461
Melaka	49	487	377	511
Pahang	98	1,402	780	1,616
Negeri Sembilan	128	959	544	1,277
Kedah	202	4,825	2,245	5,001
Kelantan	88	1,345	483	1,681
Perak	93	2,693	1,718	2,939
Pulau Pinang	75	2,303	1,730	2,427
Selangor	32	393	134	157
Johor	178	4,520	2,263	5,130
<b>Jumlah</b>	<b>1,056</b>	<b>20,561</b>	<b>10,711</b>	<b>22,344</b>

**Kaunter Perkhidmatan SSM di KPDKKK**

memudahkan proses memulakan perniagaan di Malaysia.

2014	2013
Transaksi	Transaksi
60,880	44,776

**PUSAT TRANSFORMASI BANDAR (UTC) – Kuala Lumpur, Melaka, Pahang dan Kedah**

Sejak pembukaan KPS di KPDKKK, komuniti perniagaan telah mula bertumpu di kaunter KPS untuk mendapatkan perkhidmatan pendaftaran perniagaan. Jumlah transaksi bagi tahun 2013 dan 2014 menunjukkan peningkatan sebanyak 36% iaitu dari 44,776 kepada 60,880 transaksi. Ini menunjukkan komuniti perniagaan menghargai inisiatif SSM untuk

Pusat Transformasi Bandar telah mendapat sambutan yang menggalakkan daripada rakyat Malaysia apabila menunjukkan peningkatan kehadiran pengunjung setiap hari. Pada tahun 2014, seramai 84,562 orang pengunjung hadir di SSM, UTC, Kuala Lumpur berbanding 34,057 orang pada tahun 2013. Pengalaman berurusan di UTC yang cekap serta ciri

agensi berpusat di satu kawasan ini menjadikan Pusat Transformasi Bandar sebagai pilihan utama rakyat Malaysia. Situasi ini bukan sahaja dialami oleh SSM malah semua agensi yang beroperasi di UTC, Kuala Lumpur. Oleh itu, semua agensi ini sentiasa bersedia dan berusaha untuk memberikan perkhidmatan terbaik kepada semua pelanggan yang hadir.

Peningkatan jumlah pengunjung ini telah menyumbang kepada peningkatan hasil dan transaksi

SSM UTC, Kuala Lumpur. Jadual Jumlah Transaksi dan Hasil UTC, Kuala Lumpur 2014 menunjukkan transaksi pendaftaran perkhidmatan perniagaan yang meningkat sebanyak 94%. Transaksi perkhidmatan pendaftaran syarikat dijangka akan meningkat pada tahun 2015 berikutan sambutan pelanggan yang menggalakkan dan insentif kerajaan yang menggalakkan perkembangan perniagaan di Malaysia.

UTC	2014		2013	
	Syarikat	Perniagaan	Syarikat	Perniagaan
	Dokumen	Dokumen	Dokumen	Dokumen
Kuala Lumpur	7,919	107,509	10,063	55,259
Melaka	342	9,990	509	6,345
Kedah	-	13,880	-	3,116 (bermula 23 Julai 2013)
Pahang	39	31,501	27	9,359

**PRODUK-PRODUK LAIN****(b) Tender Nombor Pemerbadanan Syarikat**

Jualan Tender Nombor Pemerbadanan Syarikat bagi tahun 2014 ialah sebanyak 46 permohonan berbanding 42 pada tahun 2013.

**Tender Nombor Pemerbadanan Syarikat**

Tahun	Transaksi
2014	46
2013	42

**Penjualan Sijil Memperingati**

Penjualan Sijil Memperingati untuk pemerbadanan dan pendaftaran bagi tahun 2014 adalah sebanyak 82 permohonan berbanding 170 pada tahun 2013.

**Penjualan Sijil Memperingati**

Tahun	Perniagaan	Syarikat	Transaksi
2014	73	9	82
2013	155	15	170



## PUSAT PANGGILAN SSM

Sebuah pusat panggilan boleh ditakrifkan sebagai satu sistem yang diselaraskan yang terdiri daripada manusia, proses, teknologi dan strategi untuk menyediakan akses kepada maklumat, sumber dan kepakaran, melalui saluran komunikasi yang sesuai bagi mewujudkan interaksi yang membawa nilai kepada pelanggan dan organisasi. Syarikat atau organisasi yang memberi penekanan dalam memberi pengalaman perkhidmatan yang cemerlang kepada pelanggan akhirnya mendapat manfaat iaitu kesetiaan pelanggan yang lebih dan keuntungan berlipat ganda.

Sebuah pusat panggilan yang berjaya adalah yang telah mencapai perkhidmatan pelanggan yang paling optimum. Misi SSM adalah untuk menyediakan pengalaman perkhidmatan pelanggan yang positif, pragmatik dan profesional dengan nilai penjagaan pelanggan (*customer care*) yang maksimum untuk pendaftaran perniagaan dan syarikat, khidmat nasihat serta maklumat korporat.

Pusat Panggilan SSM mengendali saluran komunikasi melalui saluran suara dan saluran bukan suara. Saluran suara merangkumi panggilan telefon masuk (*inbound calls*) manakala saluran bukan suara meliputi e-mel (*inbound e-mails*) dan faks masuk (*inbound fax*). Bahasa yang digunakan ialah Bahasa Melayu dan Bahasa Inggeris.

Sebelum ini, *Hotline* SSM telah diwujudkan bagi mengendalikan pengurusan khidmat pelanggan dan dikendalikan oleh enam (6) orang pekerja sahaja. Namun, pada tahun 2013, Pusat Panggilan SSM telah mula beroperasi dengan 15 orang pegawai Khidmat Pelanggan Profesional (CSP) yang berdedikasi dan dipantau oleh seorang Ketua Kumpulan. Dalam waktu yang singkat, ia telah mengambil alih peranan utama dan memberi pendekatan yang baharu kepada pengalaman khidmat pelanggan. Hal tersebut membuka peluang kepada pusat panggilan untuk menjadi titik utama yang menghubungkan pelanggan dengan organisasi SSM secara lebih dekat. Struktur pusat ini adalah untuk menjadi barisan hadapan SSM dan bertanggungjawab memberi penyelesaian tahap pertama kepada pelanggan.

Dalam tahun pertama, Pusat Panggilan SSM telah mampu memantau lebih 50% daripada SSM *Hotline* berbanding tahun-tahun sebelumnya. Jumlah panggilan masuk bagi tahun 2014 ialah sebanyak

98,142 iaitu peningkatan kira-kira 21% berbanding dengan tahun 2013 yang berjumlah 81,051. Namun jumlah e-mel yang diterima hanya mencatatkan sedikit peningkatan iaitu daripada 25,346 pada tahun 2013 kepada 25,751 pada tahun 2014.

Perbandingan statistik bagi tahun 2013 dan 2014 menunjukkan peningkatan dalam ketiga-tiga saluran (panggilan, e-mel dan faks). Ini bukan sahaja menunjukkan bahawa pusat panggilan mampu bertindak balas terhadap hampir 98% dalam semua panggilan daripada pelanggan untuk kedua-dua tahun tetapi juga meningkatkan saluran penerima secara keseluruhannya. Umumnya, ini menandakan wujudnya permintaan daripada orang ramai untuk menghubungi pekerja SSM.

Amalan tahap perkhidmatan antarabangsa “80/20” yang digunakan bermaksud 80% daripada panggilan pelanggan dijawab dalam masa 20 saat telah dicapai bagi tahun 2013 dan 2014. Berdasarkan statistik di Jadual Pusat Panggilan, kesimpulan boleh dibuat bahawa terdapat peningkatan panggilan dan e-mel pada waktu puncak dengan pelaksanaan mandatori pemerbadanan syarikat dalam talian melalui sistem MyCoID pada bulan Mei 2013. Selepas itu, peningkatan mendadak pula dapat dilihat pada bulan November dan Disember 2014 untuk sembilan (9) negeri lain termasuk, Pahang, Terengganu, Kelantan, Perak, Kedah, Pulau Pinang, Sabah dan Sarawak. Tambahan pula, dengan pengendalian semua panggilan dan pertanyaan mengenai pendaftaran MyCoID oleh Pusat Panggilan SSM yang berkuat kuasa pada bulan November 2014, peningkatan dapat dilihat dalam jumlah bilangan e-mel dan panggilan yang diterima (< 20 saat) masing-masing sebanyak 2% dan 24%. Pelaksanaan MyCoID telah menghasilkan peningkatan penggunaan e-mel sebagai alat komunikasi alternatif untuk pelanggan selain panggilan telefon.

Saluran suara atau panggilan telefon adalah popular dan lebih disukai oleh pelanggan. Oleh itu, Pusat Panggilan SSM perlu dilengkapi dengan pengetahuan dan kemahiran interaksi peribadi untuk mencapai prestasi terbaik. Walau bagaimanapun, saluran bukan suara juga semakin diterima baik oleh industri korporat. Jumlah penerimaan e-mel menunjukkan bahawa mel elektronik berkembang pesat di Malaysia dan digunakan secara meluas sebagai alat komunikasi perniagaan formal. SSM telah melantik tiga (3) *Single Point of Contact* (SPOC) yang terdiri daripada pekerja SSM dari Unit Khidmat Pelanggan untuk membantu

menangani kes-kes yang rumit dan teknikal yang dikemukakan oleh pelanggan melalui e-mel.

Keperluan pelanggan yang semakin kompleks memerlukan kerjasama antara bahagian-bahagian di SSM dengan wakil perkhidmatan pelanggan yang lebih baik di peringkat eksekutif untuk menyampaikan strategi perkhidmatan yang berpusatkan pelanggan. Pusat Panggilan kini mengambil peranan yang lebih penting dalam strategi pengurusan pelanggan

organisasi. Customer Contact Association (CCA) mencadangkan supaya syarikat dan organisasi korporat menyelaraskan arah tuju dan keputusan yang dibuat mengenai pengalaman perkhidmatan pelanggan dalam kalangan eksekutif tertinggi, pasukan pemasaran dan perkhidmatan pelanggan. Inilah yang cuba dicapai di SSM iaitu mengubah Pusat Panggilan SSM menjadi dutajenama selain memelihara kehendak pelanggan sebagai keutamaan.

### Jadual Pusat Panggilan

		STATISTIK PANGGILAN	2014	2013
MASUK	Panggilan Masuk	98,142	81,051	
	Panggilan Dijawab	97,455	79,924	
	Panggilan Dijawab < 20 saat	95,344	77,062	
	Kadar Putus Panggilan (%)	0.43%	1.00%	
	Tahap Perkhidmatan (%)	97.41%	95.45%	
STATISTIK E-MEL				
E-MEL	E-mel Diterima	25,751	25,346	
	Respons Dalam Masa Ditetapkan (< 4 jam) %	98.83%	99.60%	
STATISTIK FAKS				
FAKS	Faks Diterima	501	285	
	Respons Dalam Masa Ditetapkan (< 4 jam) %	96.21%	96.31%	

## INISIATIF-INISIATIF BAHARU

Selaras dengan komitmen SSM bagi kualiti dan perkhidmatan yang efisyen, SSM telah mengambil langkah terhadap pelaksanaan dan pensijilan ISO 9001:2008. SSM telah bekerjasama dengan SIRIM Berhad dalam menyediakan pengurusan dokumen yang terdiri daripada Manual Kualiti, Kualiti Prosedur dan dokumen-dokumen sokongan berkaitan seperti *circulars*, *orders*, dan peraturan bagi borang pendaftaran dan lain-lain dokumen. Pada 26 September 2014, SSM telah dianugerahkan pensijilan MS ISO 9001: 2008 daripada SIRIM Berhad bagi proses pendaftaran perniagaan di Ibu Pejabat SSM.

Pada 1 April 2014, SSM telah memperkenalkan borang pendaftaran baru yang memudahkan pelanggan dengan maksima dua (2) muka surat berbanding dengan borang terdahulu yang terdiri daripada empat (4) muka surat bagi pendaftaran baru dan minima lapan (8) muka surat bagi perubahan maklumat perniagaan. Borang Pendaftaran baru berupaya untuk mempercepat dan membantu menjimatkan masa pelanggan apabila berhubung dengan SSM. Tambahan pula, borang pendaftaran yang baru boleh diperolehi daripada laman web SSM yang membolehkan pelanggan untuk memperolehinya dan mengisinya sebelum datang ke SSM.



# INISIATIF PENGUATKUASAAN



## INISIATIF ▶ PENGUATKUASAAN

Keyakinan komuniti perniagaan antarabangsa dalam menjalankan perniagaan di Malaysia dicerminkan melalui kedudukan negara Malaysia yang terus meningkat dalam laporan *International Finance Corporation World Bank Doing Business 2015 Report* (DB2015). Kedudukan negara meningkat kepada kedudukan ke-18 berbanding dengan kedudukan ke-20 terdahulu. Peningkatan ini mencerminkan sokongan berterusan dan usaha pihak Kerajaan dalam memudahkan proses pelaburan asing di Malaysia dan memastikan integriti korporat dan ketelusan diamalkan oleh komuniti perniagaan di negara ini.

SSM melaksanakan penguatkuasaan sebagai wahana untuk melindungi persekitaran korporat dan komuniti perniagaan daripada isu-isu utama ekonomi yang boleh mencalar imej Malaysia. Bagi merealisasi penguatkuasaan seimbang, SSM menggunakan tindakan penguatkuasaan sebagai strategi menyeluruh. Antara pendekatan yang digunakan termasuklah pemeriksaan fizikal dan semakan pangkalan data SSM, bantuan kerajaan dan perniagaan untuk perusahaan kecil dan sederhana (SME), pembelajaran am, bengkel kawal selia, penerbitan

dan nota amalan, talian utama (*hotline*) SSM dan peluasan laman web. Kesemua aktiviti-aktiviti penguatkuasaan ini adalah termasuk tindakan siasatan dan penguatkuasaan yang rutin.

### PENGURUSAN ADUAN

Pada tahun 2014, aduan yang diterima berkurangan sebanyak 15% berbanding pada tahun 2013. Pengurangan jumlah aduan yang diterima berlaku kerana Seksyen Aduan memastikan aduan yang diterima berasas dan berkaitan dengan undang-undang ditadbir SSM dan disertakan dengan dokumentasi sokongan dan penerangan. Bagi aduan yang di luar bidang kuasa, SSM akan menyarankan supaya pengadu berhubung terus dengan agensi yang berkaitan.


Sejumlah 1,301 (97.9%) aduan telah berjaya diselesaikan bagi tahun 2014. Walau bagaimanapun, hanya 2.6% aduan yang tidak diselesaikan dalam tempoh masa sasaran manakala 97.4% aduan telah berjaya diselesaikan dalam tempoh masa sasaran.

Aduan 2014					
Jumlah aduan diterima	Jumlah aduan yang berjaya diselesaikan		Jumlah aduan yang berjaya diselesaikan mengikut tempoh masa sasaran		Peratusan yang tidak mengikut tempoh masa sasaran
1,328	1,301	97.9%	1,294	97.4%	2.6%

Aduan Diterima			
Tahun	2014	2013	2012
Syarikat	949	1,165	1,480
Perniagaan	379	399	435
Jumlah	1,328	1,564	1,915

Aduan Diselesaikan			
Tahun	2014	2013	2012
Syarikat	927	1,110	1,393
Perniagaan	374	377	408
Jumlah	1,301	1,487	1,801

Tempoh Masa Aduan Diselesaikan	
Kategori	Bilangan
Dalam tempoh masa tiga (3) hari bekerja	1,003
Dalam tempoh masa 14 hari bekerja	228
Dalam tempoh masa 21 hari bekerja	63
<b>Jumlah</b>	<b>1,294</b>



#### Klasifikasi Penerimaan Aduan

Isu	Jumlah Terima
1 Kesalahan daftar dan kesamaan nama syarikat dan perniagaan	59
2 Salah laku pengarah syarikat	84
3 Salah laku setiausaha syarikat	39
4 Fraud dan kesalahan serius seperti tadbir urus korporat	342
5 Salah laku semasa penggulungan syarikat	7
6 Ketidakteraturan perakaunan	12
7 Kesalahan melibatkan skim pelaburan haram atau skim kepentingan tidak berdaftar	51
8 Kesalahan melibatkan skim kepentingan yang berdaftar	4
9 Kesalahan lazim	356
10 Isu yang tidak melibatkan kesalahan yang ditadbir seperti tuntutan, masalah dalam dan aturan mesyuarat	129
11 Isu yang melibatkan bidang kuasa agensi lain seperti isu pekerjaan, pelancongan, jualan langsung, fraud dan gores dan menang	163
12 Aduan/pertanyaan	82
<b>Jumlah</b>	<b>1,328</b>

Tiga (3) kategori aduan tertinggi yang diterima dalam tahun 2014 berkaitan dengan isu kesalahan lazim iaitu sebanyak 26.81% daripada keseluruhan jumlah aduan. Antara kesalahan di bawah kategori ini ialah tidak mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT), tidak menyerah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan serta menjalankan perniagaan yang tidak didaftarkan.

Aduan kedua tertinggi sebanyak 25.75% daripada jumlah aduan yang diterima adalah berhubung fraud dan kesalahan serius. Antara kesalahannya seperti menyerah simpan maklumat palsu dan mengelirukan, isu kewajipan dan liabiliti pengarah dan pengambilan deposit atau tawaran pembelian saham kepada orang awam. Aduan yang melibatkan agensi-agensi kerajaan dan di luar bidang kuasa SSM ialah aduan ketiga tertinggi iaitu sebanyak 12.27% daripada jumlah aduan yang diterima pada tahun ini.

## PEMATUHAN

SSM komited dalam mewujudkan satu persekitaran perniagaan yang kondusif dan meningkatkan ketelusan korporat (*corporate transparency*) dalam kalangan komuniti perniagaan. Dalam konteks ini, falsafah penguatkuasaan SSM iaitu penguatkuasaan seimbang (*balanced enforcement*) terus memainkan peranan penting dalam strategi dan inisiatif penguatkuasaan SSM.

Dalam menguatkuasakan strategi dan inisiatif penguatkuasaan pada tahun 2014, SSM mengambil kira aspek pendidikan yang memperlihatkan pengenalan langkah pencegahan awal melalui program kesedaran dan kerjasama strategik dengan pihak berkepentingan bagi mencapai objektif berikut:

- (a) memastikan pematuhan pada akta-akta yang dikawal selia oleh SSM;
- (b) memastikan tindakan sewajarnya diambil terhadap kesalahan yang dilakukan oleh entiti-entiti yang dikawal selia oleh SSM;
- (c) memastikan kompetensi pegawai-pegawai syarikat serta intermediari korporat mempunyai kelayakan dan kompetensi yang mencukupi dalam pentadbiran syarikat bagi menjamin ketelusan dan kebolehpercayaan; dan
- (d) meminimumkan risiko penyalahgunaan syarikat bagi menjalankan aktiviti tidak sah dan bercanggah dengan kepentingan awam dan negara.

Aktiviti pemantauan SSM sepanjang tahun 2014 memberi tumpuan pada tiga (3) strategi utama seperti berikut:



## AKTIVITI PEMERIKSAAN DAN PEMANTAUAN

Pada tahun 2014, SSM telah menjalankan pemeriksaan secara fizikal dan melalui pangkalan data terhadap 1,099,876 syarikat, perniagaan dan perkongsian liabiliti terhad (PLT) iaitu peningkatan sebanyak 27% berbanding dengan pemeriksaan yang dijalankan pada tahun 2013. Skop pemeriksaan yang dijalankan adalah seperti berikut:

### Statistik Pemeriksaan Bagi Tahun 2013 dan 2014

Aktiviti	Skop Pemantauan	Jumlah Pemeriksaan	
		2014	2013
Semakan ke atas maklumat syarikat dan perniagaan yang disimpan dalam pangkalan data SSM (pemantauan data)	(a) Status serah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 165(4) Akta Syarikat 1965 (AS 1965).  (b) Menganalisa penyata kewangan yang diserah simpan di SSM.  (c) Memantau kelayakan pengarah-pengarah syarikat berdasarkan peruntukan seksyen 130(1) dan 125(1) AS 1965.  (d) Memantau pematuhan syarikat yang sedang dalam proses penggulungan dan penerimaan ( <i>receivership</i> ) di bawah seksyen 234(3) dan 188(1)(b) AS 1965.  (e) Memantau tarikh luput pendaftaran perniagaan di bawah seksyen 12(1)(b) Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956).  (f) Memantau serah simpan Perakuan Tahunan PLT berdasarkan peruntukan seksyen 68(2) PLT 2012.  (g) Kerjasama dengan pihak berkuasa tempatan dan agensi perlesenan [antaranya: Majlis Perbandaran dan Suruhanjaya Pengangkutan Awam dan Darat (SPAD)] bagi pemeriksaan berhubung kepatuhan syarikat dan perniagaan yang mempunyai lesen atau permit daripada agensi tersebut.	1,067,056	828,134
Pemeriksaan fizikal premis perniagaan dan pejabat berdaftar	(a) Pematuhan di bawah seksyen 121(3) AS 1965 dan Kaedah 13A(2) Kaedah Pendaftaran Perniagaan 1957 (KPP 1957) berkaitan paparan nama dan nombor pendaftaran di premis perniagaan serta seksyen 12(2) APP 1956 berkaitan pameran sijil pendaftaran di premis perniagaan.  (b) Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956 tentang pendaftaran dan pembaharuan perniagaan.  (c) Rekod dan penyelenggaraan Buku Berkutan syarikat oleh setiausaha syarikat dan rekod-rekod perakaunan oleh pegawai syarikat berdasarkan peruntukan AS 1965 dan kehendak bawah Kaedah-kaedah Syarikat 1966.  (d) Pematuhan PLT terhadap penyimpanan rekod-rekod perakaunan dan lain-lain rekod yang diperuntukkan di bawah seksyen 69 PLT 2012.	23,932	27,033
Pemantauan perniagaan berasaskan Internet dan iklan-iklan media	(a) Pematuhan di bawah seksyen 121(1)(b) AS 1965 berhubung paparan nama dan nombor syarikat pada semua dokumen dan penerbitan syarikat.  (b) Pematuhan di bawah peruntukan seksyen 12(1)(a) dan 12(1)(b) APP 1956 berhubung pendaftaran dan pembaharuan perniagaan.  (c) Isu-isu melibatkan kepentingan awam seperti penawaran pelaburan tidak sah, skim kepentingan dan penipuan oleh syarikat dan perniagaan.	4,112 laman sesawang syarikat dan perniagaan DAN 3,063 iklan syarikat dan perniagaan di media	4,803 laman sesawang syarikat dan perniagaan DAN 2,195 iklan syarikat dan perniagaan di media
Pemantauan ke atas Intermediari Korporat	(a) Pemantauan terhadap kewajipan dan kebebasan juruaudit dan pelikuidasi :- - Kelayakan dan kebebasan juruaudit di bawah seksyen 9 AS 1965 dan Syarat Kelulusan/Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. - Pemantauan terhadap kewajipan juruaudit dalam memberikan pendapat berhubung dengan penyimpanan dan pengemasinan buku-buku berkanun syarikat di bawah seksyen 174(3)(b) AS 1965. - Kelayakan dan kebebasan pelikuidasi di bawah seksyen 10 AS 1965.  (a) Pemantauan terhadap kelayakan dan kompetensi setiausaha syarikat :- - Pemantauan terhadap kelayakan setiausaha syarikat di bawah seksyen 139A(b) AS 1965. - Pemantauan di bawah seksyen 139(1)(d) AS 1965 terhadap syarikat bagi memastikan setiap syarikat yang diperbadankan mesti mempunyai sekurang-kurangnya seorang setiausaha. - Penilaian tahap kompetensi setiausaha melalui pemantauan ke atas pematuhan setiausaha syarikat terhadap peruntukan dan kehendak AS 1965.  (Melibatkan pemantauan data dan pemeriksaan fizikal)	121 firma audit, 233 juruaudit, 605 laporan juruaudit dan 4 pelikuidasi	106 juruaudit, 81 pasangan juruaudit, 3,185 Kakitangan Firma Audit dan 16 Pelikuidasi
Jumlah		1,099,876	865,605

Peningkatan jumlah pemeriksaan yang dilakukan disebabkan oleh perubahan fokus aktiviti pemantauan pada tahun 2014 iaitu dengan memberi penekanan pada jalinan kerjasama antara SSM dan pihak berkepentingan bagi meningkatkan pematuhan. Program-program jalinan kerjasama yang telah diadakan sepanjang tahun 2014 ialah seperti berikut:



## HASIL PEMANTAUAN DAN PEMERIKSAAN

### Kadar Pematuhan

Berdasarkan hasil pemeriksaan dan pemantauan, SSM telah mengambil tindakan-tindakan berikut bagi meningkatkan kadar pematuhan berhubung serah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan :

(a) Notis peringatan dihantar kepada 276,261 syarikat dan 811,537 pengarah (2013 : 436,873 syarikat dan 835,996 pengarah) sebelum tamat tempoh mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT) dan membentangkan Akaun Beraudit berdasarkan peruntukan seksyen 143(1) dan 169(1) AS 1965;

(b) Mengeluarkan 116,098 notis kompaun (2013: 136,301 notis) dan 56,628 notis inkiri di bawah seksyen 7(11)(a) AS 1965 (2013: 33,007 notis) ke atas syarikat yang gagal menyerah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan berdasarkan peruntukan seksyen 165(4) AS 1965;


(c) 12,224 syarikat dirujuk untuk tindakan pendakwaan bagi kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan (MAT), membentangkan Akaun Beraudit dalam MAT dan menyerah simpan Penyata Tahunan bersama Penyata Kewangan kepada SSM; dan

(d) Menghantar 6,369 notis di bawah seksyen 308(1) AS 1965 kepada syarikat bagi memaklumkan tindakan Pendaftar untuk pembatalan nama syarikat.

Inisiatif-inisiatif tersebut telah menyumbang kepada kadar pematuhan sebanyak 92% bagi tahun 2014 [2013 : 93%].


Secara keseluruhan, mengambil kira bilangan serah simpan penyata tahunan dan penyata kewangan yang sepatutnya diterima pada tahun 2014 dan juga bilangan dokumen yang telah diserah simpan di luar tempoh masa yang ditetapkan oleh undang-undang, terdapat peningkatan jumlah serah simpan sebanyak 4% berbanding tahun 2013.



**Pemantauan Penyata Kewangan**

Bagi memastikan kualiti dan integriti Penyata Kewangan, SSM telah memantau sejumlah 12,460 Penyata Kewangan sepanjang tahun 2014 dan sebanyak 1,270 kesalahan dikenal pasti iaitu yang berkaitan dengan penggunaan piawaian perakaunan yang diluluskan (54%), penyimpanan rekod perakaunan yang tidak lengkap (27%), maklumat keliru dalam sijil Syarikat Persendirian Berkecuali (EPC) (15%), isu kawalan dalaman syarikat (3%) serta penyimpanan rekod perakaunan yang tidak lengkap oleh PLT (1%).

Statistik lengkap berserta tindakan yang telah diambil ialah seperti berikut:



Pemantauan berterusan terhadap penyata kewangan dan rekod-rekod perakaunan telah meningkatkan pematuhan terhadap peruntukan seksyen 166A AS 1965 mengenai penggunaan piawaian perakaunan yang diluluskan, seksyen 167 AS 1965 bagi penyimpanan rekod-rekod perakaunan syarikat dan seksyen 169 AS 1965 bagi penyediaan penyata kewangan yang memberi gambaran kedudukan kewangan yang benar dan adil.

**Pemantauan Syarikat Berhad Menurut Jaminan (SBMJ)**


SSM memandang serius terhadap tahap tadbir urus korporat SBMJ sebagai organisasi tidak berdasarkan keuntungan. Aktiviti-aktiviti SBMJ sentiasa dipantau memandangkan ia mempunyai risiko tinggi untuk

disalah guna sebagai platform aktiviti yang menyala-undi undang-undang khususnya yang berkaitan dengan pengubahan wang haram dan pembentahan keganasan.

SSM memantau SBMJ bagi memastikan sumber pendapatannya dan penggunaan dana tidak menjurus kepada aktiviti tidak sah dari segi undang-undang yang boleh menjaskan kepentingan awam dan keselamatan negara. Pemantauan yang dijalankan oleh SSM selaras dengan salah satu aspek penting dalam *Financial Action Task Force (FATF) Nine Special Recommendations on Terrorist Financing in 2001*, yang memerlukan semua negara untuk mengambil tindakan sewajarnya dalam memastikan organisasi pengganas tidak berselindung di sebalik organisasi tidak berdasarkan keuntungan (NPO) yang sah.




Sehingga 31 Disember 2014, sebanyak 1,972 buah SBMJ didaftarkan dengan SSM berbanding dengan 1,889 buah SBMJ pada penghujung tahun 2013.



Berikut merupakan inisiatif yang diambil oleh SSM untuk memantau SBMJ:

- Kesemua SBMJ diwajibkan mendedahkan maklumat kewangan kritikal secara tahunan kepada SSM melalui Borang Maklumat Kewangan (BMK); dan
- Maklumat tentang penderma dan penerima sumbangan yang dikemukakan oleh SBMJ melalui BMK dipantau.

Selain itu, pemantauan pematuhan turut dilakukan terhadap keperluan menggunakan piawai perakaunan yang diluluskan dalam merekod dan melapor transaksi serta pematuhan serah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan SBMJ. Pada tahun 2014, sebanyak 452 Penyata Kewangan telah disemak dan hasilnya seperti berikut:



Selain aktiviti penguatkuasaan, SBMJ dan pegawai-pegawainya turut diberi pendidikan berterusan melalui program kesedaran SSM.

Bagi membantu program tersebut, pada bulan September 2014 SSM telah menerbitkan sebuah buku kecil (*booklet*) bertajuk “*Best Practice Guides on Managing Company Limited by Guarantee*”. SSM juga bekerjasama dengan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (Labuan FSA) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang (BHEUU), Jabatan Perdana Menteri bagi menerbitkan “*Panduan Amalan Terbaik Menguruskan NPO*” untuk mewujudkan kesedaran tentang isu pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan dalam sektor NPO di Malaysia. Buku kecil ini telah dilancarkan pada 30 November 2014 dan boleh didapati di laman web SSM serta turut diedarkan kepada NPO yang terlibat.

#### Pelesenan dan Pemantauan Setiausaha Syarikat

Berdasarkan rekod sehingga 31 Disember 2014, seramai 3,207 (2013: 3,191) daripada 13,996 (2013: 11,797) individu yang menjalankan amalan setiausaha syarikat merupakan setiausaha berlesen yang berdaftar dengan SSM.

Sebanyak 186 permohonan baharu bagi mendapatkan lesen setiausaha syarikat diterima oleh SSM sepanjang 2014 berbanding dengan 167 permohonan yang sama pada tahun 2013. Melalui 26 sesi temu duga yang telah dijalankan, sebanyak 47% telah lulus dan layak diberi lesen berbanding dengan 53% dalam tahun 2013.

Bagi pembaharuan lesen setiausaha, daripada 1,053 permohonan pembaharuan lesen yang diterima, sebanyak 249 permohonan telah diberi teguran kerana gagal memenuhi keperluan mata *Continuing Professional Education* (CPE) SSM yang mula diperkenalkan sejak bulan Januari 2010.

Berhubung dengan aktiviti pemantauan, hasil daripada pemeriksaan yang dijalankan terhadap 750 setiausaha berlesen, 566 setiausaha syarikat didapati hilang kelayakan di bawah seksyen 139A(b) AS 1965 kerana gagal memperbaharui lesen yang telah tamat. Melalui pemantauan tahap kompetensi 184 setiausaha aktif, SSM mendapati 60% setiausaha adalah kompeten dan mencapai tahap profesionalisme yang sewajarnya dalam melaksanakan tugas dan tanggungjawab sebagai setiausaha syarikat.

Ringkasan aktiviti pelesenan dan pemantauan setiausaha bagi tahun 2014 ialah seperti berikut:



## Pemantauan Juruaudit


Sepanjang tahun 2014, SSM meneruskan pemantauan secara komprehensif terhadap kelakuan juruaudit yang diluluskan bagi memastikan pelaksanaan tugas-tugasnya mematuhi semua syarat yang dikenakan terhadapnya oleh AS 1965 dan Syarat Kelulusan/Pembaharuan Kelulusan Juruaudit yang dikeluarkan oleh Perbendaharaan Malaysia. Pada masa yang sama, SSM turut menjalankan pemantauan bagi menilai sejauh mana pasukan audit dan rakan kongsi firma audit dapat memperkenan kebebasan mereka dalam amalan pengaudit.

Seramai 223 orang juruaudit telah dipantau dan notis-notis kompaun telah dikeluarkan kepada 40 orang juruaudit di bawah seksyen 9(1)(c)(ii) AS 1965 kerana berikut:

didapati bertindak sebagai juruaudit syarikat dan pada masa yang sama merupakan majikan kepada pengarah syarikat dan/atau setiausaha syarikat berkenaan. 14 orang juruaudit diberi amaran di bawah seksyen 174(3) (b) AS 1965 kerana mengeluarkan pendapat juruaudit tanpa mengaudit rekod-rekod berkanun, manakala 52 orang juruaudit diberi amaran kerana gagal melaporkan dan menasihati pengarah-pengarah SBMJ berhubung dengan penggunaan piawaian perakaunan yang betul dalam penyediaan akaun syarikat SBMJ.

Dalam tahun 2014 juga, SSM telah merujuk dua (2) kes kepada Jabatan Akauntan Negara tentang pelanggaran syarat pembaharuan lesen oleh juruaudit.

Ringkasan aktiviti pemantauan juruaudit ialah seperti berikut:



## SIASATAN

Tahun 2014 memperlihatkan aktiviti siasatan SSM yang masih mengekalkan momentum kecemerlangan yang selari dengan agenda transformasi yang disokong oleh Kerajaan. Inisiatif dan tindakan proaktif telah dilaksanakan untuk mengatasi jenayah yang dikenalpasti hasil aduan orang awam dan melalui pemantauan yang berterusan. SSM memfokus aktiviti


siasatan terhadap kesalahan tadbir urus korporat, penipuan kewangan, penganjuran skim pelaburan tidak sah dalam usaha pemeliharaan kepentingan awam. Pada masa yang sama, pegawai Siasatan SSM terus berusaha menerapkan budaya berintegriti dan pemantapan disiplin yang tinggi dan memperkasa amalan profesionalisme sebagai budaya kerja untuk memastikan imej baik SSM. Hal ini adalah penting bagi SSM supaya keyakinan, kebolehpercayaan

dan persepsi pihak-pihak berkepentingan terhadap peranan dan tanggungjawab SSM terus diyakini.


Sepanjang tahun 2014, pelbagai usaha dan strategi yang dirancang telah mencapai sasaran. Agenda utama inisiatif siasatan SSM adalah untuk memastikan setiap kertas siasatan yang dibuka berjaya melalui proses siasatan yang telus dan menyeluruh serta diselesaikan dengan kadar segera. Justeru itu, kepentingan awam dapat dilindungi dan remedii yang sewajarnya dilaksanakan sejajar dengan bidang kuasa dan peruntukan undang-undang.

Dalam memastikan agenda utama tersebut dapat dicapai, jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai jabatan dan agensi kerajaan telah dilaksanakan melalui kaedah perbincangan bersama dalam kes-kes siasatan, perkongsian maklumat siasatan, kerjasama siasatan dan lawatan kerja. Jalinan kerjasama strategik dengan pelbagai agensi, antaranya ialah Suruhanjaya Pencegah Rasuah Malaysia (SPRM), Bahagian Siasatan Jenayah Komersial Polis Diraja Malaysia (PDRM), Bank Negara Malaysia (BNM), Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS). Pendekatan jalinan kerjasama strategik yang lain pula adalah dengan menganjurkan sesi Jaringan dan Perkongsian Maklumat (*Networking and Sharing Information*) bersama badan kawal selia, agensi penguatkuasaan, agensi kerajaan, institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi. Jalinan strategik ini adalah sebagai menyahut seruan YAB Perdana Menteri Malaysia supaya kementerian dan agensi bekerjasama dalam merangka dan melaksanakan inisiatif Strategi Lautan Biru yang kreatif dan bersifat transformasi. Selain itu, SSM masih mengekalkan komitmen terhadap Pasukan Petugas Khas yang diterajui Jabatan Peguam Negara dengan melanjutkan perkhidmatan dua (2) orang pegawai penyiasat dalam pasukan tersebut.

## Pecahan Kes Mengikut Kesalahan Yang Disiasat Dalam Tahun 2014



## Pecahan Kategori Kes Mengikut Kesalahan Yang Disiasat Dalam tahun 2014



### Kertas Siasatan (IP) Berkaitan Tadbir Urus Korporat Yang Selesai

Selaras dengan tumpuan siasatan bagi membendung jenayah ekonomi yang melibatkan kesalahan tadbir urus korporat, SSM telah berjaya melengkapkan kertas siasatan berhubung kesalahan di bawah tadbir urus korporat seperti berikut:

Bil.	Kesalahan	Bilangan IP Selesai
1.	<b>Seksyen 364(2) AS 1965:</b> Membuat pernyataan palsu dan mengelirukan atau membenarkannya dibuat.	136
2.	<b>Seksyen 132 AS 1965:</b> Perlanggaran tugas-tugas fidusiari oleh pengarah.	37
3.	<b>Seksyen 131 AS 1965:</b> Kegagalan pengarah mendedahkan kepentingannya.	10
4.	<b>Seksyen 91 AS 1965:</b> Pengeluaran atau penawaran kepada orang awam untuk langgan atau pembelian pemilikan tanpa kelulusan surat ikatan.	5
5.	<b>Seksyen 300 AS 1965:</b> Kesalahan-kesalahan oleh pegawai syarikat dalam penggulungan.	3
6.	<b>Seksyen 15(1)(d) AS 1965:</b> Melarang pelawaan kepada orang ramai untuk mendepositkan wang dengan syarikat bagi tempoh tetap atau boleh dibayar, sama ada mendatangkan faedah atau tidak.	3
7.	<b>Seksyen 366 AS 1965:</b> Mendorong mana-mana individu untuk melabur secara fraud.	2

### Kertas Siasatan (IP) Kes-Kes Penipuan Yang Selesai

Bahagian Siasatan SSM juga telah berjaya melengkapkan kertas siasatan bagi kes-kes penipuan seperti yang berikut:

Bil.	Kesalahan	Bilangan IP Selesai
1.	<b>Seksyen 67 AS 1965:</b> Urus niaga oleh syarikat dalam sahamnya sendiri.	2
2.	<b>Seksyen 69E AS 1965:</b> Kegagalan untuk memaklumkan kepada syarikat mengenai pemegangan saham yang berjumlah besar.	1
3.	<b>Seksyen 368(a) AS 1965:</b> Penipuan oleh pegawai-pegawai syarikat.	1

Bahagian Siasatan SSM yang berfungsi sebagai Urus Setia Pasukan Petugas Khas Jenayah Kolar Putih dengan Jawatankuasa Khas Bersama yang dipengerusikan oleh YB Menteri KPDNKK dan Jawatankuasa Kerjanya yang diketuai oleh SSM juga telah berjaya menganjurkan mesyuarat Jawatankuasa Kerja dan Jawatankuasa Khas Bersama, masing-masing pada 23 Januari 2014 dan 13 Mac 2014. Kerjasama strategik ini merupakan sebahagian daripada respons SSM yang menyahut seruan Kerajaan agar kementerian dan agensi bekerjasama dalam merangka dan melaksanakan inisiatif Strategi Lautan Biru yang kreatif dan bersifat transformasi.

Seperti tahun sebelumnya, SSM juga telah berjaya menguruskan penganjuran Seminar Tahunan NPO dengan kerjasama Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia (ROS), Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan (Labuan FSA) dan Bahagian Hal Ehwal Undang-undang Jabatan Perdana Menteri (BHEUU) pada 30 September 2014 di Kuala Lumpur. Pada majlis yang sama, SSM turut melancarkan risalah “Panduan Amalan Terbaik Menguruskan NPO” yang merupakan inisiatif bersama agensi-agensi yang terlibat dalam seminar ini sebagai bahan rujukan pengarah/pemegang amanah/pemegang jawatan dalam sebuah organisasi.

Untuk memastikan kertas siasatan yang dibuka melalui proses siasatan yang telus dan menyeluruh serta diselesaikan dengan kadar segera supaya kepentingan awam dan pihak yang ditindas dilindungi serta mendapat pembelaan yang sewajarnya mengikut bidang kuasa dan peruntukan undang-undang, SSM sekali lagi telah menganjurkan seminar pada 27 Ogos 2014 yang bertajuk “Jaringan dan Perkongsian Maklumat (Networking and Sharing Information)” bersama badan kawal selia, agensi penguatkuasaan, agensi kerajaan, institusi kewangan dan syarikat telekomunikasi.

### SEKSYEN PENDAKWAAN

Dalam menangani kesalahan tadbir urus korporat yang serius dan lain-lain kesalahan lazim, SSM menguatkusakan undang-undang yang ditadbir seperti yang termaktub dalam Jadual Pertama Akta SSM 2001.

Pada tahun 2014, SSM telah mendaftarkan sebanyak 30,621 kes di bawah kesalahan tadbir urus korporat serius dan kesalahan lazim yang melanggar peruntukan AS 1965 dan APP 1956.

### Sabitan Dalam Tahun 2014

Bagi tahun 2014, SSM telah memperoleh 19 jumlah sabitan terhadap pengarah, syarikat dan individu bagi kesalahan di bawah AS 1965. Statistik sabitan yang diperolehi adalah seperti jadual di bawah:

#### Jumlah Kes Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang Disabitkan di bawah AS 1965

Bil.	Kategori Kesalahan di bawah AS 1965	Jumlah Kes yang Disabitkan Kesalahan
1.	<b>Seksyen 91(1) AS 1965 :</b> Pengeluaran kepentingan kepada orang awam tanpa surat ikatan yang diluluskan	2
2.	<b>Seksyen 94(1)(b) AS 1965 :</b> Gagal untuk mematuhi waad dalam surat ikatan amanah yang diluluskan	3
3.	<b>Seksyen 132(1) AS 1965 :</b> Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat	1
4.	<b>Seksyen 132(2)(a) AS 1965 :</b> Menggunakan harta syarikat tanpa kebenaran atau pengesahan Mesyuarat Agung	5
5.	<b>Seksyen 363(3) AS 1965 :</b> Menawarkan syer-syer bagi pesanan atau belian kepada orang ramai	1
6.	<b>Seksyen 364(2) AS 1965 :</b> Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan	6
7.	<b>Seksyen 364A (1) (a) AS 1965 :</b> Seorang pegawai dengan disedarinya dan dengan sengaja memberi kuasa membuat apa-apa pernyataan yang palsu atau mengelirukan kepada ahli-ahli syarikat tersebut	1
Jumlah		19

#### Jumlah Kes Kesalahan-kesalahan Lazim yang Disabitkan di bawah AS 1965 dan APP 1956

Bil.	Kategori Kesalahan di bawah AS 1965 Dan APP 1956	Jumlah Kes yang Disabitkan
1.	<b>Seksyen 143(1) AS 1965 :</b> Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat.	115
2.	<b>Seksyen 169(1) AS 1965 :</b> Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan.	78
3.	<b>Seksyen 165(4) AS 1965 :</b> Kegagalan menyerahsimpan Penyata Tahunan.	983
4.	<b>Seksyen 165A AS 1965 :</b> Gagal melampirkan penyata juruaudit.	25
5.	<b>Seksyen 370(1) AS 1965 :</b> Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan.	39
6.	<b>Seksyen 12(1)(a) APP 1956 :</b> Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran.	10
7.	<b>Seksyen 12(1)(b) APP 1956 :</b> Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh.	68
8.	<b>Seksyen 12(2) APP 1956 :</b> Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran Perniagaan.	4
9.	<b>Kaedah 17A(1)(b) APP 1956 :</b> Kegagalan untuk menyerahsimpan butir-butir pendaftaran perniagaan.	3
10.	<b>Kaedah 17A(2) APP 1956 :</b> Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda.	4
Jumlah		1,329
Jumlah Keseluruhan		1,348



## Kes-Kes Penting Dalam Tahun 2014

Tahun 2014 telah mencatatkan sejumlah besar sabitan terhadap pengarah dan pegawai-pegawai syarikat bagi kesalahan tadbir urus korporat, terutamanya yang berkaitan dengan pernyataan palsu dalam dokumen berkanun dan penawaran skim pelaburan tidak sah kepada orang ramai. Hukuman berat yang munasabah telah dijatuhi terhadap mereka yang disabitkan kesalahan.

Berikut ialah ringkasan kes-kes bagi tahun 2014:

Bil.	Jenis Kesalahan	Keselahan	Keterangan
1.	<b>Memberi kuasa atau membuat pernyataan palsu berkaitan dengan peletakan jawatan Pengarah</b>	Seksyen 364(2) AS 1965	Seorang pengarah Venus Polymers Sdn Bhd dijatuhi hukuman lima (5) tahun penjara kerana membenarkan setiausaha syarikat itu membuat kenyataan palsu berhubung dengan peletakan jawatan pengarah lain melalui serahsimpan Borang 49.
2.	<b>Membuat kenyataan palsu pada Borang 49</b>	Seksyen 364(2) AS 1965	Setiausaha syarikat dari Jendela Gemilang Sdn Bhd telah disabitkan oleh Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur kerana membenarkan Premier Corporate Services Sdn Bhd membuat pernyataan palsu kepada Pendaftar Syarikat berhubung dengan peletakan jawatan dua (2) pengarah melalui serahsimpan Borang 49. Tertuduh telah didenda sebanyak RM10,000.
3.	<b>Membuat kenyataan palsu berhubung pemindahan saham dan penyingkiran pengarah syarikat</b>	Seksyen 364(2) AS 1965	Seorang pengarah Transpack Asia Movers (M) Sdn Bhd telah disabitkan di Mahkamah Sesyen Kajang atas dua (2) kesalahan iaitu:  (a) membuat pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung dengan pemindahan 149,500 unit saham biasa kepada seorang pengarah syarikat itu tanpa apa-apa persetujuan daripada pemegang saham yang sah melalui Borang 32A; dan  (b) Membuat pernyataan palsu kepada Pendaftar berhubung dengan penyingkiran pengarah melalui pernyerahan Borang 49. Tertuduh telah didenda sebanyak RM28,000.
4.	<b>Membuat pernyataan palsu berhubung permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 308(1) AS 1965</b>	Seksyen 364 (2) AS 1965	Mahkamah Sesyen Kuala Lumpur telah mensabitkan pengarah Doxport E-Projects Sdn Bhd kerana membuat pernyataan palsu berhubung dengan permohonan pembatalan nama syarikat di bawah seksyen 308 (1) AS 1965. Tertuduh telah didenda sebanyak RM25,000.
5.	<b>Skim pelaburan haram</b>	Seksyen 363(3) dan Seksyen 91(1) AS 1965	Mahkamah Sesyen Shah Alam telah mensabitkan Hidayah Management & Services Sdn Bhd kerana melakukan kesalahan di bawah Seksyen 363(3) AS 1965 dan pengarah urusannya juga disabitkan dengan kesalahan di bawah seksyen 91(1) AS 1965.  Kedua-dua pertuduhan adalah berkaitan dengan penawaran skim pelaburan haram yang dikenali sebagai "Skim Pulangan Balik Ternakan Lintah" yang telah mengumpul wang daripada orang ramai tanpa sebarang perjanjian yang didaftarkan dengan SSM.  Pengarah Urusan yang mewakili syarikat itu, dikenakan hukuman denda sebanyak RM50,000 kerana melanggar seksyen 363(3) AS 1965 dan denda sebanyak RM25,000 kerana melanggar seksyen 91(1) AS 1965.
6.	<b>Skim pelaburan haram</b>	Seksyen 91(1) AS 1965	Mahkamah Sesyen Kulim telah mensabitkan seorang pegawai Worm Agrotech Kulim (M) Sdn Bhd berkaitan penawaran skim penernakn cacing yang tidak sah. Tertuduh dijatuhi hukuman denda sebanyak RM12,000.
7.	<b>Membuat kenyataan palsu kepada pengarah-pengarah berkenaan Penyata Juruaudit yang berkaitan dengan syarikat</b>	Seksyen 364A(1)(a) AS 1965	Setiausaha syarikat telah disabitkan oleh Mahkamah Sesyen Butterworth atas kesalahan dengan sengaja membuat kenyataan palsu kepada pengarah Golden Crossback Arowana Breeding Farm Sdn Bhd dan EL Chong Motor Trading Sdn Bhd berhubung dengan penyediaan Penyata Juruaudit untuk tahun kewangan 2010 dan 2011. Tertuduh telah dijatuhi hukuman denda sebanyak RM30,000 bagi setiap pertuduhan.

## Pendaftaran Kes Mahkamah Tahun 2014

Sejumlah 30,621 kes kesalahan ketidakpatuhan dan tadbir urus korporat telah didaftarkan di mahkamah seluruh negara pada tahun 2014, berbanding dengan jumlah kes sebanyak 12,258 kes yang didaftarkan pada tahun 2013. Ini menunjukkan satu peningkatan sebanyak 149.8%. Jadual di bawah menunjukkan statistik kes yang didaftarkan.

### Jumlah Kes Kesalahan-kesalahan Lazim yang Didaftarkan di bawah AS 1965 dan APP 1956

Bil.	Kategori Kesalahan Di bawah AS 1965 Dan APP 1956	Jumlah Kes yang Didaftarkan
<b>KESALAHAN LAZIM</b>		
1.	Seksyen 165(4) AS 1965 : Kegagalan menyerah simpan Penyata Tahunan	14,372
2.	Seksyen 143(1) AS 1965 : Kegagalan mengadakan Mesyuarat Agung Tahunan syarikat	8,768
3.	Seksyen 169(1) AS 1965 : Kegagalan untuk membentangkan Akaun Untung dan Rugi dalam mesyuarat agung tahunan dalam masa yang ditetapkan	7,073
4.	Seksyen 121(1)(b) AS 1965 : Gagal mencetak nama syarikat dan nombor syarikat di atas semua surat rasmi syarikat	25
5.	Seksyen 121(3) AS 1965 : Kegagalan mempamerkan nama syarikat di semua pejabat	14
6.	Seksyen 12(1)(a) APP 1956 : Menjalankan perniagaan tanpa pendaftaran	12
7.	Seksyen 12(1)(b) APP 1956 : Menjalankan perniagaan selepas pendaftaran tamat tempoh	113
8.	Seksyen 12(2) APP 1956 : Kegagalan mempamerkan Sijil Pendaftaran perniagaan	47
9.	Kaedah 17A(1)(b) APP 1956 : Kegagalan untuk menyerah simpan butir-butir pendaftaran perniagaan	9
10.	Kaedah 17A(2) APP 1956 : Kegagalan untuk mempamerkan papan tanda	118
<b>Jumlah</b>		<b>30,551</b>

### Jumlah Kes Kesalahan Tadbir Urus Korporat yang Didaftarkan di bawah AS 1965 dan APP 1956

Bil.	Kategori Kesalahan Dibawah AS 1965 Dan APP 1956	Jumlah Kes yang Didaftarkan pada Tahun 2014
<b>KESALAHAN TADBIR URUS KORPORAT YANG SERIUS</b>		
1.	Seksyen 12(1)(d) APP 1956 : Membuat atau membekalkan pernyataan palsu kepada Pendaftar	1
2.	Seksyen 132(1) AS 1965 : Kegagalan melaksanakan kewajipan sebagai pengarah syarikat untuk kepentingan syarikat	5
3.	Seksyen 132(2)(c) AS 1965 : Pengarah atau pegawai syarikat menggunakan jawatannya tanpa kebenaran atau pengesahan mesyuarat agung untuk mendapatkan faedah sehingga merugikan syarikat	2
4.	Seksyen 364(2) AS 1965 : Orang yang membuat atau membenarkan buat, pernyataan palsu atau mengelirukan	13
5.	Seksyen 370(1) AS 1965 : Prosiding untuk penalti ingkar bagi kesalahan yang berterusan	49
<b>Jumlah</b>		<b>70</b>
<b>Jumlah Keseluruhan</b>		<b>30,621</b>



## SABITAN PENDAKWAAN DIPEROLEHI PADA TAHUN 2014

Pada tahun 2014, SSM memperolehi sejumlah 1,441 sabitan (2013: 1,121) terhadap individu, pengarah dan syarikat-syarikat kerana melanggar APP 1956 dan AS 1965. Terdapat peningkatan sebanyak 320 kes dengan sabitan dalam perbicaraan yang selesai pada tahun 2013.

Bil.	Kategori	Kesalahan Tadbir Urus Korporat Serius	Kesalahan Lazim	Jumlah Denda yang dikenakan oleh Mahkamah (RM)
1.	Syarikat	0	338	306,250
2.	Pengarah	19	1,014	1,225,000
3.	Pemilik Perniagaan / Individu	0	89	57,850
<b>Jumlah</b>		<b>19</b>	<b>1,441</b>	<b>1,589,100</b>

## LITIGASI

Jumlah kes sivil (kes-kes Mahkamah) yang dikendalikan oleh Seksyen Litigasi meningkat sebanyak 16% setakat 31 Disember 2014 iaitu 427 kes Mahkamah berbanding dengan keseluruhan kes sivil yang dikendalikan sepanjang tahun 2013 iaitu 364 kes. Jenis-jenis fail ialah seperti maklumat berikut:

Bil.	Kategori	Jumlah Fail Yang Dibuka	Jumlah Fail Yang Dibuka
	Tahun	2014	2013
1.	Kes Mahkamah	427	364
2.	Pandangan Perundangan	16	63
3.	Projek/ Mesyuarat	6	12
4.	Pelbagai	32	35
<b>Jumlah</b>		<b>481</b>	<b>474</b>

## Ulasan Kes-Kes Sivil Penting Yang Melibatkan SSM

Peningkatan kes-kes sivil melibatkan isu-isu berikut:

- (a) Permohonan untuk mengembalikan nama syarikat ke dalam Daftar Syarikat (seksyen 308(5) AS 1965);
- (b) Permohonan berkaitan dengan lanjutan masa dan pindaan pada dokumen gadaian (seksyen 114 AS 1965);
- (c) Tindakan menurut seksyen 12 AS 1965; dan
- (d) Kes-kes melibatkan isu insolvensi.

Antara kes-kes sivil yang dikendalikan oleh Seksyen Litigasi SSM ialah seperti maklumat berikut:

### (a) Tindakan SSM untuk membatalkan sepina yang dikeluarkan kepada pegawai penyiasat SSM

(Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Saman Pemula No.: 22NCC-644-11/2013 Md Aris Bin Muhammad Zarif Bin Abdullah Menon & 2 Lg):

Pegawai SSM sering diserahkan dengan sepina untuk hadir sebagai saksi dalam kes-kes jenayah dan sivil. Prinsip asas adalah setiap sepina perlu dipatuhi dan pegawai SSM yang disepina perlu bersedia (dari segi kecukupan keterangan dan persediaan dokumen) untuk hadir di Mahkamah.

Tetapi sepina boleh dibatalkan atas beberapa alasan tertentu, contohnya saksi berkenaan tidak relevan dan kehadiran beliau sebagai saksi mempunyai unsur prejudis. Dalam kes ini, Pegawai Penyiasat Kanan SSM telah diserahkan sepina yang bertarikh pada 17 Mac 2014 untuk hadir sebagai saksi dalam kes sivil.

SSM memohon kepada Mahkamah untuk membatalkan sepina tersebut atas alasan kehadiran Pegawai Penyiasat SSM sebagai saksi bicara akan memprejudiskan siasatan SSM yang masih berjalan berkenaan aduan yang melibatkan kes Plaintiff dan Defendan-Defendant.

Hakim Mahkamah Tinggi bersetuju dengan hujahan Pegawai Undang-undang SSM bahawa sekiranya Pegawai Penyiasat SSM dipanggil sebagai saksi perbicaraan, ia akan memprejudiskan siasatan SSM. Oleh itu, Mahkamah memutuskan untuk membatalkan sepina yang bertarikh pada 17 Mac 2014 tersebut.

### (b) Melalui inisiatif Bahagian Pematuhan dan Pejabat-pejabat negeri, SSM kini semakin aktif menggunakan peruntukan seksyen 12 AS 1965 (*enforcement of duty to make returns*).

Menurut peruntukan ini, SSM akan memohon perintah daripada Mahkamah Tinggi untuk syarikat dan pengarah-pengarahnnya menyerah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan bagi tahun-tahun yang tertunggak. Tindakan ini adalah sebagai alternatif kepada keadaan apabila syarikat dan pengarah telah membayar kompaun/denda di Mahkamah, tetapi masih gagal menyerah simpan Penyata Tahunan dan Penyata Kewangan di SSM.

**Saman Pemula No.: 24NCC-174-05/2014  
SSM v. The Malaysian Futures Research Foundation (381018-V) & 2 Lg**

Ini merupakan permohonan SSM menurut seksyen 12 AS 1965 di Mahkamah Tinggi untuk mengarahkan Defendan (syarikat) menyerah simpan Penyata Tahunan Bagi Tahun Kewangan berakhir 2011, 2012 dan 2013 serta Penyata Kewangan bagi tahun kewangan berakhir 2011, 2012 dan 2013.

Pada 18 Jun 2014, Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur telah memberi Perintah untuk Defendan menyerah simpan semua dokumen-dokumen berkanun dalam tempoh 90 hari dari tarikh Perintah dan kos sebanyak RM1,000 dibayar oleh Defendan kepada SSM. Pada 5 September 2014, Defendan telah menyerah simpan kesemua dokumen berkanun yang dikehendaki di pejabat SSM pada 11 September 2014 dan telah membayar kos kepada SSM.

### (c) Kes melibatkan takrifan Seksyen 354 dan 355 AS 1965 iaitu permohonan kepada Mahkamah bagi pengecualian daripada liabiliti (*excused for the default or breach/relieve from liability*) berkenaan tindakan pengarah-pengarah syarikat yang menyalahi peruntukan AS 1965.

**Mahkamah Tinggi Kuala Lumpur Saman Pemula No.: 24NCC-192-05/2014 Dinesh Kanavaji & 1 lagi v. Virgin Properties Sdn Bhd & 1 Lg**

Pengarah-pengarah dalam syarikat ini sedang berhadapan dengan pelbagai kes jenayah berkaitan penyalahgunaan wang amanah yang dimiliki oleh sekumpulan orang Asli di Johor.

Ketika mereka di ambang pendakwaan oleh SSM di Mahkamah Sesyen menurut seksyen 132(2)(c) AS 1965, pengarah-pengarah berkenaan telah memperolehi perintah injunksi dan memfailkan permohonan ke Mahkamah Tinggi terhadap SSM menurut seksyen 354 dan 355 AS 1965.

Pada 25 Ogos 2014, Mahkamah bersetuju dengan hujahan Pegawai Undang-undang SSM bahawa peruntukan seksyen 354 dan 355 AS 1965 hanya terpakai untuk prosiding undang-undang oleh pihak dalaman syarikat. Ia tidak terpakai bagi prosiding undang-undang yang dimulakan oleh sebarang pihak ketiga, termasuk kes yang melibatkan pendakwaan bagi kesalahan jenayah. Kes ini sedang dirayu di Mahkamah Rayuan.

### (d) Tindakan undang-undang terhadap pembekal yang dilantik oleh SSM

SSM melantik pelbagai pembekal untuk memberi perkhidmatan dan peralatan kepada Ibu Pejabat dan pejabat-pejabat negeri. Pegawai SSM perlu memantau setiap kontrak yang dilaksanakan oleh pembekal dengan sempurna. Tindakan undang-undang akan dimulakan oleh SSM terhadap pembekal yang memungkiri tanggungjawab kontrak dengan SSM.

Kes tindakan undang-undang terhadap pembekal melibatkan WellAd Communications Sdn Bhd yang gagal melaksanakan Penyelenggaraan Sistem Informasi dan Keselamatan Bangunan Berintegrasi (IBSIS) di Menara SSM dalam tempoh masa yang ditetapkan.

SSM telah berjaya memperoleh Penghakiman Terus terhadap syarikat ini untuk jumlah berikut:

- (a) Ganti rugi jumlah tertentu (*liquidated and ascertained damages*) berjumlah RM68,301.35;
- (b) Ganti rugi am berjumlah RM400,000;
- (c) Faedah pada kadar 5% setahun; dan
- (d) Kos sebanyak RM3,000 dibayar kepada SSM oleh syarikat.





## INISIATIF PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG

# INISIATIF ▶ PEMBAHARUAN UNDANG-UNDANG


Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah memperkenalkan beberapa pembaharuan undang-undang dalam usahanya untuk mewujudkan satu kerangka perundangan yang dinamik dan berinovatif selari dengan keperluan komuniti perniagaan di Malaysia. Dua inisiatif besar yang dijalankan ialah pengenalan Rang Undang-undang Syarikat yang baharu bagi menggantikan Akta Syarikat 1965 (AS 1965) serta Rang Undang-undang Skim Kepentingan baharu. Pada masa yang sama, pindaan bagi Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta SSM 2001) juga dicadangkan dengan objektif memperkuuh dan meningkatkan kecekapan operasi SSM. Pindaan turut dilakukan bagi Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956), Akta Syarikat Amanah 1949 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 (PLT 2012).

### PINDAAN AKTA SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA 2001 (Akta SSM 2001), AKTA PENDAFTARAN PERNIAGAAN 1956 (APP 1956) DAN AKTA PERKONGSIAN LIABILITI TERHAD 2012 (PLT 2012)

Bacaan pertama Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan), Rang Undang-undang APP (Pindaan) dan Rang Undang-undang PLT (Pindaan) telah dibacakan pada 13 Oktober 2014. Ketiga-tiga RUU tersebut telah diluluskan di Dewan Rakyat pada 26 November 2014 dan seterusnya telah diluluskan di Dewan Negara pada 1 Disember 2014. Ketiga-tiga RUU tersebut telah menerima Perkenan DiRaja pada 30 Disember 2014 dan diwartakan pada 5 Januari 2015.

Antara pindaan utama dalam Rang Undang-undang Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Pindaan) ialah seperti berikut:

- (a) SSM telah diberikan pelbagai kuasa penguatkuasaan yang baharu bagi membolehkan aktiviti



pengawalseliaan dilaksanakan dengan lebih berkesan di samping bagi mengelakkan percanggahan dan ketidakseragaman tindakan penguatkuasaan di bawah akta yang ditadbirkan oleh SSM.

- (b) pengurangan peratusan sumbangan tahunan SSM kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan bagi membiayai kos pembangunan yang tinggi untuk menaiktaraf sistem penyampaian SSM;
- (c) peruntukan kuasa kepada SSM untuk melesenkan mana-mana orang di bawah mana-mana Akta yang dikawal selia oleh SSM seperti melesenkan setiausaha syarikat; dan
- (d) peningkatan fungsi-fungsi SSM untuk melaksanakan program latihan untuk penggiat industri (*industry player*) termasuk pengarah-pengarah dan pegawai-pegawai syarikat dan mempromosikan amalan tanggungjawab korporat dan kelestarian perniagaan di kalangan entiti perniagaan.

### RANG UNDANG-UNDANG SYARIKAT BAHARU

Rang Undang-undang Syarikat yang baharu ini akan memperkenalkan kerangka perundangan yang lebih

teguh kepada komuniti korporat Malaysia selari dengan piawaian antarabangsa. Secara dasarnya, Rang Undang-undang Syarikat ini akan memodenkan perundungan melalui pemudahan prosedur yang akan membantu perniagaan. Rang Undang-undang Syarikat yang bakal menggantikan AS 1965 dijangka akan dibentang di Parlimen dalam tahun 2015.

## RANG UNDANG-UNDANG SKIM KEPENTINGAN

Inisiatif untuk memperkenalkan Rang Undang-undang Skim Kepentingan yang baharu adalah penting bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang dikawal selia dengan berkesan untuk menyediakan kaedah alternatif penjanaan dana berdasarkan prinsip perusahaan bersama (*common enterprise*). Rang Undang-undang Skim Kepentingan ini bertujuan untuk mengawal selia pendaftaran, pentadbiran dan pembubaran ses sebuah skim kepentingan dan memperketatkan mekanisme perlindungan bagi melindungi kepentingan pemegang kepentingan. Rang Undang-undang Skim Kepentingan ini dijangka akan dibentang di Parlimen dalam tahun 2015.

## PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN

# PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHK BERKEPENTINGAN

Penglibatan dan kerjasama pihak berkepentingan ialah satu proses kritikal yang membantu SSM memahami kesan persekitaran dan ekonomi utama dan mengenal pasti risiko dan peluang. Oleh yang demikian, SSM menyedari pentingnya untuk bekerjasama dengan pihak-pihak berkepentingan kerana ini merupakan kunci kejayaan dalam mencapai matlamatnya. Dengan mengambil kira arah tuju SSM dalam menuju abad ke-21, terdapat kesedaran berhubung keperluan untuk mengintegrasikan proses kerjasama dengan pihak berkepentingan ke dalam fungsi-fungsi SSM – daripada polisi dan undang-undang kepada operasi dan penguatkuasaan dengan menganalisa kunci utama ekonomi, risiko dan peluang. Ini penting bagi memastikan persekitaran perniagaan yang kondusif dapat diwujudkan bagi syarikat yang menyahut cabaran untuk melakukan anjakan strategi ke arah kemampunan dan ketelusan korporat.

## FORUM RUNDINGAN AMALAN KORPORAT

Semenjak tahun 2005, Forum Rundingan Amalan Korporat (CPCF) menyediakan wahana bagi kerjasama yang lebih erat antara ahli badan-badan yang ditentukan SSM dan persatuan-persatuan setiausaha syarikat dengan SSM. Keahlian CPCF terdiri daripada:

- (a) *The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)*;
- (b) Institut Akauntan Malaysia (MIA);
- (c) *The Malaysian Institute of Certified Public Accountants (MICPA)*;
- (d) Majlis Peguam Malaysia;
- (e) *Malaysian Association of Company Secretaries (MACS)*;
- (f) *Institute of Approved Company Secretaries (IACS)*;
- (g) *Malaysia Corporate Counsel Association (MCCA)*;
- (h) *The Advocates Association of Sarawak*;

- (i) *Sabah Law Association*; dan
- (j) Syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLC) [diwakili oleh Khazanah Nasional Berhad dan *Bumiputra Commerce Holdings Berhad*].

Pada tahun 2014, satu (1) forum CPCF yang diadakan pada 5 Mei 2014 membincangkan isu-isu berkenaan polisi dan teknikal. Forum ini juga memberi peluang kepada SSM untuk memaklumkan ahli-ahli Forum tentang produk baharu, nota amalan dan projek baharu.

## DIALOG TAHUNAN SSM

Semenjak tahun 2005, Dialog Tahunan SSM berfungsi sebagai salah satu saluran utama bagi pihak yang berkepentingan untuk melibatkan diri dalam perbincangan terbuka dengan SSM. Objektif-objektif utama Dialog Tahunan ialah:

- (a) untuk menggalakkan persefahaman dan kerjasama rapat antara SSM dengan pihak industri dan badan-badan profesional;
- (b) untuk berkongsi idea-idea dan memperjelaskan isu-isu berkaitan operasi SSM yang akan mempertingkatkan kecekapan perkhidmatan; dan,
- (c) untuk menyebarkan maklumat kepada ahli-ahli dialog ke arah memastikan fungsi-fungsi SSM sebagai penguatkuasa undang-undang korporat yang berkaitan difahami sepenuhnya oleh masyarakat umum.

Dialog Tahunan SSM 2014 yang diadakan pada 19 Jun 2014 di Kuala Lumpur telah dihadiri seramai 178 orang wakil daripada badan-badan profesional, Dewan Perniagaan, Persatuan Perindustrian dan Agensi Kerajaan lain. Dialog tersebut telah dirasmikan oleh Dato' Mohd Naim Daruwish, Ketua Pegawai Eksekutif SSM. Sesi pertama Dialog Tahunan terdiri daripada tiga (3) pembentangan kertas kerja bertajuk "Policy Updates", "Enhancing Compliance" dan "Updates on MyCoID" manakala sesi kedua membincangkan pelbagai isu yang dibangkitkan oleh pihak-pihak berkepentingan. Isu-isu yang dibangkitkan



Pelancaran Set Panduan "Dari Ikrar Kepada Amalan: Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia" pada 22 April 2014.

memperlihatkan perbincangan yang sihat oleh SSM dan pihak-pihak berkepentingan.

## FORUM DAFTAR KORPORAT (CRF) 2014

Pada tahun 2014, SSM telah mengambil bahagian dalam Forum Daftar Korporat (CRF) 2014 yang diadakan di Rio de Janeiro, Brazil. Tema persidangan ini ialah "Business Registration as a Means to Reach a Sustainable Economic and Social Development". Delegasi SSM yang terdiri daripada dua (2) orang pegawai kanan dan diketuai oleh Zahrah Abd Wahab Fenner, Timbalan Ketua Pegawai Eksekutif (Perkhidmatan). SSM telah membentangkan kertas kerja tentang agenda tanggungjawab sosial korporatnya bertajuk "SSM's Corporate Responsibility Initiatives: A Strategic Collaboration between SSM and UNICEF on Encouraging Responsible Business and Child Rights in Malaysia".

## PENYERTAAN DALAM KAJI SELIDIK ORGANISASI ANTARABANGSA

Pada tahun 2014, SSM turut aktif mengambil bahagian dalam kaji selidik yang dijalankan oleh Bank Dunia tentang perkara yang berkaitan dengan Laporan Ease of Doing Business 2015 khususnya tentang penunjuk berikut:

- (a) Memulakan Perniagaan;
  - (b) Mendapatkan Pinjaman;
  - (c) Pelindungan Pelabur; dan
  - (c) Penyelesaian Insolvensi.
- SSM juga memberikan input untuk:
- (a) "Global Forum on Transparency and Exchange of Information for Tax Purposes, Peer Review and Investment Policy Peer Review" oleh Organisation for Economic Co-operation and Development (OECD);
  - (b) "2013 Survey by the European Commerce Registers' Forum (ECRF);"
  - (c) Jawatankuasa Teknikal ISO/IEC JTC 1/SC 27 berkenaan Information Technology Security Techniques dan Kumpulan Kerja Berkaitan; dan
  - (d) "3rd Mutual Evaluation Exercise of Malaysia by Asia Pacific Group on Money Laundering (APG) and Financial Action Task Force (FATF)."

Penglibatan Malaysia dalam kajian dan soal selidik akan meningkatkan daya saing negara diperingkat antarabangsa serta menjadi pilihan destinasi pelaburan.

## SSM DAN TABUNG KANAK-KANAK PERTUBUHAN BANGSA-BANGSA BERSATU (UNICEF)

Usaha sama strategik berkaitan dengan tanggungjawab sosial korporat (CSR) dan hak kanak-kanak di antara SSM dan UNICEF bermula semenjak tahun 2010. Kerjasama strategik antara SSM dengan UNICEF telah mewujudkan keadaan menang-menang bagi SSM dan UNICEF dalam pelaksanaan Agenda Tanggungjawab Korporat. Melalui platform SSM, UNICEF mewujudkan kesedaran terhadap hak kanak-kanak dan prinsip perniagaan (CRBP) dalam kalangan lebih kurang sejuta entiti syarikat dan 5 juta entiti perniagaan.

Bagi perancangan masa hadapan tentang kerjasama strategik dan sebagai sebahagian daripada pelan 2014 *Rolling Work Plan For SSM* dan UNICEF, telah dipersetujui bahawa satu kajian impak akan dijalankan tentang kerjasama, perkembangan dan penyebaran Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik (BBPC) dan Set Panduan dalam mencapai objektif organisasi SSM dan UNICEF. Penerbitan yang terkandung dalam kajian impak ialah seperti yang berikut:

- (a) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 1/2010 bertajuk “Penubuhan Taman Asuhan Kanak-Kanak Di Tempat Kerja oleh Majikan Sektor Korporat dan Perniagaan”;
- (b) Set Panduan bertajuk “Bagaimana untuk Menubuhkan Taman Asuhan Kanak-Kanak di Tempat Kerja”;
- (c) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 2/2011 bertajuk “Mewujudkan Persekuturan Kerja yang Kondusif bagi Wanita: Program Penyusuan Susu Ibu di Tempat Kerja”; dan
- (d) Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik 4/2013 bertajuk “Pendidikan untuk Pembangunan Mampan: Menggalakkan Pendidikan Teknikal dan Latihan Vokasional (TEVT)”.

Objektif utama kajian tersebut ialah seperti yang berikut:

- (a) untuk menilai kesan Pekeliling-Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik dan Set Panduan berhubung hak kanak-kanak di tempat bekerja;

- (b) untuk mengenal pasti wahana yang sesuai untuk memajukan hak kanak-kanak di tempat bekerja; dan
- (c) untuk mengenal pasti amalan pihak swasta berkaitan dengan hak kanak-kanak.

Bagi tujuan kajian ini, pada 2 September 2014, SSM dan UNICEF telah menjalankan pengumpulan data kuantitatif dan kualitatif yang merangkumi kaji selidik, perbincangan kumpulan fokus dan temu bual, termasuk perwakilan pembelajaran pihak-pihak berkepentingan/kumpulan. Melalui kajian tersebut Laporan Akhir telah disiapkan pada 31 Disember 2014. Berdasarkan hasil kajian impak dan cadangan-cadangan dalam Laporan Akhir, SSM dan UNICEF akan memastikan hala tuju bagi aktiviti-aktiviti jalinan kerjasama pada masa hadapan terutama berhubung pelan dan projek-projek bagi tahun 2015.

Antara keputusan yang diperolehi daripada kajian impak ialah seperti yang berikut:

- (a) Penerbitan-penerbitan bagi kajian impak telah diterima dengan baik oleh pihak berkepentingan daripada sektor kerajaan dan sektor bukan kerajaan yang menganggap penerbitan-penerbitan ini sebagai titik permulaan bagi hak kanak-kanak di tempat kerja.
- (b) Pihak-pihak berkepentingan berminat untuk bekerjasama dengan SSM dan UNICEF serta untuk melibatkan diri dengan kumpulan sasaran melalui kempen kecapaian secara menyeluruh.
- (c) Beberapa pihak berkepentingan juga telah menzahirkan minat untuk bertindak sebagai orang tengah bagi jalinan kerjasama antara SSM dengan UNICEF serta pihak swasta pada masa hadapan bagi penganjuran aktiviti-aktiviti seperti bengkel, kajian bersama dan pengedaran bahan penerbitan.
- (d) Syarikat berkaitan kerajaan mengambil maklum akan impak positif kajian ini berkaitan dengan inisiatif sosial korporat mereka terutamanya tentang Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik dan Set Panduan yang dapat memberikan garis panduan berfaedah bagi menubuhkan taman asuhan kanak-kanak di tempat kerja mereka.

## SEMINAR BERSIRI TANGGUNGJAWAB KORPORAT SSM (CRSS) KUALA TERENGGANU

SSM telah berjaya menganjurkan satu (1) Seminar Bersiri Tanggungjawab Korporat (CRSS) pada 24 Jun 2014 yang bertemakan “Achieving Corporate Integrity” di Kuala Terengganu, Terengganu dengan objektif-objektif berikut:

- (a) mempromosi Agenda Tanggungjawab Korporat SSM bagi komuniti korporat dan perniagaan terutamanya perusahaan kecil dan sederhana (PKS).
- (b) menggalakkan PKS untuk mengimbangkan di antara usaha bagi menjana keuntungan dan mewujudkan persekitaran perniagaan yang mampan;
- (c) mendidik PKS tentang amalan tanggungjawab korporat bagi meningkatkan etika dan integriti perniagaan.
- (d) menyebar penerbitan berkaitan tanggungjawab korporat.

Seramai 110 orang peserta telah menghadiri seminar ini dengan pembentangan kertas kerja oleh para penceramah dari Institut Integriti Malaysia (IIM), Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM) dan Transparency International Malaysia (TI-M).

## SET PANDUAN “DARI IKRAR KEPADA AMALAN: PANDUAN PELAKSANAAN SISTEM INTEGRITI KORPORAT MALAYSIA”

Pada 22 April 2014, SSM telah berjaya melancarkan Set Panduan bertajuk “Dari Ikrar kepada Amalan: Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia”. Pelancaran ini telah disempurnakan oleh Y.B. Dato’ Sri Hasan bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDKKK) di Auditorium Tun Dr. Siti Hasmah, Menara SSM@ Sentral, Kuala Lumpur.

SSM telah mengambil inisiatif untuk menerbitkan Set Panduan ini dengan usahasama anggota-anggota Meja Bulat Integriti Korporat yang diketuai oleh Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM),

SSM, Unit Pengurusan Prestasi dan Pelaksanaan (PEMANDU), NKRA Membanteras Rasuah (Unit Pemantauan dan Penyelaras), Institut Integriti Malaysia (IIM); Transparency International Malaysia (TI-M), Bursa Malaysia Berhad (Bursa) dan Suruhanjaya Sekuriti Malaysia (SC).

Set Panduan ini ialah dokumen yang melengkap Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik (BBPC) 3/2012 bertajuk “Mencapai Integriti Korporat” yang telah diterbitkan pada tahun 2012 dengan tujuan untuk menyediakan garis panduan bagi aspek-aspek pelaksanaan Ikrar Integriti Korporat (CIP) dan Sistem Penilaian Integriti Korporat (CISAQ).

Melalui penerangan yang disediakan oleh Set Panduan ini, komuniti korporat di Malaysia akan berupaya untuk menilai keberkesanan ikrar integriti yang telah ditandatangani.

Set Panduan ini mempromosikan etika budaya perniagaan, integriti dan kebertanggungjawaban dan membantu untuk mewujudkan komuniti korporat yang mampan. Set Panduan ini mempunyai objektif-objektif berikut:

- (a) menggalakkan integriti, kebertanggungjawaban dan pengurusan program anti rasuah bersesuaian yang boleh diguna pakai oleh komuniti korporat;
- (b) menyediakan bantuan teknikal kepada syarikat untuk melaksanakan Sistem Integriti Korporat Malaysia (CISM) sebagai langkah pencegahan yang berkesan terhadap amalan rasuah; dan
- (c) memperkuuhkan tadbir urus korporat, integriti, ketelusan dan kebertanggungjawaban dalam proses dan prosedur operasi harian syarikat.

Penerbitan Set Panduan ini mencerminkan aspirasi Kerajaan dan inisiatif membanteras rasuah. Ini boleh dilihat melalui inisiatif-inisiatif berkaitan seperti berikut:

- (a) Pengenalan Pelan Integriti Nasional (PIN) pada tahun 2004;
- (b) Penubuhan Institut Integriti Malaysia (IIM) pada tahun 2004;
- (c) Transformasi daripada Badan Pencegah Rasuah kepada SPM pada tahun 2009;



(d) Pengenalan Pelan Transformasi Kerajaan pada 28 Januari 2010; dan

(e) Pengenalan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) bagi membanteras rasuah pada tahun 2010.

Selaras dengan kejayaan pelancaran tersebut, SSM telah berjaya mengadakan satu (1) bengkel (secara percuma) dengan kerjasama TI-M dan IIM untuk 30 penandatangan CISM pada 28 Ogos 2014 di Menara SSM@Sentral, Kuala Lumpur. Bengkel ini telah memberi peluang kepada peserta untuk mendapatkan maklumat penting yang boleh digunakan bagi membangunkan program integriti perniagaan seperti yang terkandung di dalam lima (5) Peringkat Rantaian Nilai CISM.

## PROGRAM PROMOSI DAN OUTREACH

Sepanjang tahun 2014, SSM telah menganjurkan beberapa program mendekati masyarakat dan pihak-pihak berkepentingan sebagai sebahagian daripada usaha berterusan dalam meningkatkan hubungan produktif dan membina keyakinan pihak-pihak berkepentingan. Antara inisiatif yang dijalankan ialah seperti berikut:

### A. PROGRAM HARI BERTEMU PELANGGAN

Program Hari Bertemu Pelanggan telah direka untuk memenuhi keperluan para usahawan untuk memberikan kesedaran tentang produk dan perkhidmatan SSM. Program ini juga membolehkan SSM untuk menyediakan maklumat tentang perkhidmatan dan produk bernilai tambah yang sedia ada untuk komuniti perniagaan seperti khidmat nasihat perniagaan yang berperanan untuk membimbing dan memberi panduan dan manfaat mendaftarkan perniagaan kepada masyarakat umum.

Objektif penganjuran Hari Bertemu Pelanggan kepada masyarakat umum ialah untuk:

- (a) mengenal pasti isu dan masalah yang dihadapi oleh pihak-pihak berkepentingan;
- (b) meningkatkan tahap penyampaian perkhidmatan SSM melalui maklum balas yang diterima;
- (c) mempromosikan perkhidmatan dan produk SSM;

(d) mendidik masyarakat tentang skim kepentingan untuk mengelak daripada menjadi mangsa penipuan; dan

(e) mengetahui tahap kepuasan pelanggan.

Program ini juga dimanfaatkan sepenuhnya oleh komuniti perniagaan untuk berhubung terus dengan SSM tentang isu-isu spesifik. Program Hari Bertemu Pelanggan telah dianjurkan sebanyak dua (2) kali setahun dan mendapat sambutan yang amat megalakkan.

### B. PROGRAM SSM BERSAMA MASYARAKAT

Sebagai sebahagian daripada inisiatif SSM untuk mendekatkan diri dengan masyarakat perniagaan dan orang awam berkaitan dengan kemudahan dan perkhidmatan SSM serta bagi memastikan orang awam memahami peranan dan fungsi SSM, inisiatif khidmat masyarakat yang berkonsepkan turun padang telah diadakan. Orang awam telah diberi taklimat tentang kepentingan mendaftarkan perniagaan dan pemerbadanan syarikat serta cara menggunakan perkhidmatan dalam talian SSM. Pada masa yang sama, perkhidmatan kaunter bergerak turut disediakan bagi memudahkan orang ramai mendaftarkan terus perniagaan sebaik sahaja selesai taklimat. Di samping itu terdapat kaunter-kaunter pameran dan juga kaunter e-Perkhidmatan untuk mendapatkan penjelasan lanjut tentang fungsi dan cara menggunakan perkhidmatan dalam talian SSM.

Selain SSM, KPDKKK dan agensi-agensi di bawahnya seperti Perbadanan Harta Intelek Malaysia (MyIPO), Bank Rakyat, Perbadanan Nasional Berhad (PNS), Suruhanjaya Koperasi Malaysia (SKM) dan Maktab Kerjasama Malaysia (MKM) turut dijemput untuk mengadakan pameran. Penyertaan agensi-agensi ini memberikan peluang kepada masyarakat yang ingin mendapatkan maklumat daripada agensi-agensi berkenaan.

Program ini juga melibatkan penyertaan aktif agensi-agensi kewangan seperti Majlis Amanah Rakyat (MARA) dan Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN) yang memberikan maklumat tentang pinjaman dan permohonan permit. Selain itu, bagi memeriahkan lagi program, pelbagai aktiviti sampingan diadakan bagi mengerakkan lagi perhubungan antara penduduk kampung dengan pihak SSM seperti penyerahan anak angkat bersama keluarga sekitar kampung di Kuala

Pilah, Negeri Sembilan sukaneka, kuiz dan cabutan bertuah kepada pengunjung yang hadir.

Penganjuran Program SSM Bersama Masyarakat memberikan faedah berikut kepada SSM:

(a) berfungsi sebagai wahana untuk mempromosi fungsi, peranan, perkhidmatan dan produk SSM;

(b) meningkatkan imej positif SSM;

(c) meningkatkan imej SSM sebagai sebuah badan korporat yang prihatin untuk membantu para usahawan dalam urusan pemerbadanan syarikat;

(d) membina kesedaran orang awam tentang penipuan skim pelaburan haram yang semakin berluasa di Malaysia pada masa ini; dan,

(e) meningkatkan kadar pematuhan melalui taklimat yang diberikan berkaitan Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 (APP 1956) dan Akta Syarikat 1965 (AS 1965) serta tentang peranan dan tanggungjawab Pengarah Syarikat.

### Program-program anjuran SSM sepanjang 2014 ialah seperti yang berikut:

Bil.	Nama Program	Tarikh
1.	Majlis Perhimpunan Bulanan SSM 1/2014	7 Januari 2014
2.	Sesi Walkabout YBM Bersama Masyarakat Dan Komuniti Penjaja	20 Mac 2014
3.	Sesi Walkabout YBM Bersama Masyarakat Dan Komuniti Penjaja	21 Mac 2014
4.	Program Jalinan Strategik SSM Bersama Setiausaha-setiausaha Syarikat	23 Mac 2014
5.	Bacaan Tahlil & Yasin Sempena Ulang Tahun SSM Yang Ke-12	16 April 2014
6.	Majlis Pelancaran Set Panduan "Dari Ikrar Kepada Amalan: Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia"	22 April 2014
7.	Kursus Pemantapan Penjaja Dan Peniaga Kecil Peringkat Negeri Pahang	26 April 2014
8.	Majlis Perhimpunan Bulanan Bil. 2/2014	6 Mei 2014
9.	Ramah Mesra SSM-MyIPO Bersama Penjaja	27 Mei 2014
10.	Majlis Perasmian Persidangan Kebangsaan SSM 2014	3 – 4 Jun 2014
11.	Majlis Anugerah Perkhidmatan Cemerlang & Anugerah Bakat SSM 2013	10 Jun 2014
12.	Majlis Pertukaran MOU Antara SSM Dengan Jabatan Imigresen Malaysia	19 Jun 2014
13.	Majlis Dialog Tahunan SSM (Kuala Lumpur) 2014	19 Jun 2014
14.	Seminar Pembangunan Modal Insan Peniaga Kecil 2014	23 Jun 2014
15.	Program Jalinan Kerjasama dan Taklimat Bersama Agensi-agensi yang Mengeluarkan Lesen ke Arah Pematuhan di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965) dan Akta Pendaftaran Perniagaan (APP 1956)	26 Jun 2014
16.	Hari Bertemu Pelanggan	1 Jun 2014
17.	Majlis Berbuka Puasa SSM	11 Julai 2014
18.	Majlis Jalinan Mesra Aidil Fitri SSM	14 Ogos 2014
19.	Hari Bertemu Pelanggan	2 September 2014
20.	Sesi Walkabout YBM Bersama Masyarakat Dan Komuniti Penjaja	21 September 2014
21.	Malam Aspresiasi Media KPDKKK Bersama Agensi	26 September 2014
22.	Seminar NPO dan Majlis Menandatangani Pernyataan Persefahaman antara Agensi-agensi Pengawal Selia Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO) Malaysia	30 September 2014
23.	Program Korban Perdana SSM/MyIPO	5 Oktober 2014
24.	Majlis Malam Jasamu Dikenang Anggota SSM	8 Oktober 2014
25.	Program SSM Bersama Masyarakat Kuala Pilah	12 - 14 Disember 2014



### C. KERJASAMA YANG BAIK DENGAN SEMUA MEDIA

Jalinan kerjasama yang baik dengan semua pengamal media diteruskan lagi pada tahun ini sebagai usaha bagi meningkatkan penyampaian perkhidmatan yang berkualiti kepada orang ramai. Pada masa yang sama, kerjasama strategik antara media dan SSM telah memberikan ruang kepada pihak-pihak berkepentingan untuk mendapatkan perkembangan terkini tentang persekitaran korporat di seluruh dunia.

Pada tahun ini, SSM telah menyasarkan sebanyak 95% liputan media (dalam bentuk elektronik, cetak atau dalam talian) tentang inisiatif dan program-program yang telah dijalankan.

#### Jalinan Hubungan dengan Pihak Media dan Pengiklanan

Pada tahun 2014, sebagai sebahagian daripada Pelan Media, SSM telah mendapat liputan beberapa stesen radio tempatan seperti Nasional FM, Bernama Radio 24, Sinar FM, Traxx FM dan BFM 89.9. Kesemua stesen radio tersebut telah memberikan liputan luas tentang pelbagai inisiatif dan program SSM.

#### KUNJUNGAN HORMAT KE SSM 2014

Bil.	Program	Tarikh
<b>Lawatan Delegasi ke SSM</b>		
1.	Universiti Teknologi MARA (UiTM) Cawangan Chendering, Kuala Terengganu, Terengganu	10 Januari 2014
2.	Lawatan Jabatan Hal Ehwal Kesatuan Sekerja Malaysia	22 Januari 2014
3.	Dubai Department of Economic Development (DED)	17 Februari 2014
4.	Maktab PDRM	7 Mac 2014
5.	Perbadanan Kemajuan Perusahaan Perkayuan Sarawak	7 Mac 2014
6.	Accounting And Corporate Regulatory Authority (ACRA)	11 Mac 2014
7.	Bank Dunia	17 Mac 2014
8.	SRI College	18 Mac 2014
9.	SAITO College	18 Mac 2014
10.	Jabatan Siasatan Jenayah Komersial PDRM	1 April 2014
11.	Pesuruhjaya Tinggi Pakistan	15 April 2014
12.	UiTM Puncak Perdana	8 Mei 2014
13.	Ketua Pengarah Kastam	16 Mei 2014
14.	Sunway University	29 Mei 2014
15.	Kuwait National Fund For SME Development	3 Jun 2014
16.	Bank Dunia (Misi Pengumpulan Data)	27 Jun 2014
17.	Universiti Kobe, Jepun	13 Ogos 2014
18.	Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM)	19 Ogos 2014
19.	Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS)	10 September 2014
20.	Persatuan Setiausaha Syarikat Utara (SUTERA)	15 September 2014
21.	Politeknik Ungku Umar, Perak	17 September 2014
22.	KDU College	17 Oktober 2014
23.	Peserta Kursus Kesetiausahaan Syarikat Anjuran M.A.T.A	5 November 2014
24.	Peserta Leadership Development Programme anjuran INTAN	18 November 2014
25.	The Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)	10 Disember 2014

Sepanjang tahun ini sebanyak 660 (akhbar), 16 (radio) dan 20 (TV) liputan media telah dijalankan bagi mengupas isu-isu semasa seperti Skim Pelaburan dan Perkongsian Liablit Terhad (PLT). SSM turut mendapatkan bantuan media untuk mengesas individu yang diperlukan bagi tujuan siasatan, memaklumkan kerjasama dengan KPDKKK dan mempromosikan inisiatif seperti MyColD dan program-program yang lain. Selain itu, beberapa kenyataan media dan temu ramah juga telah diatur bagi menyebarkan maklumat penting untuk mempromosikan kesedaran umum terhadap peranan, produk dan perkhidmatan SSM.

#### D. KUNJUNGAN HORMAT KE SSM

Pada tahun ini, SSM turut menerima kunjungan hormat daripada delegasi dalam dan luar negara serta lawatan sambil belajar daripada pelajar universiti tempatan. Semasa sesi lawatan, pelawat telah diberi taklimat mengenai latar belakang SSM, produk dan perkhidmatan seperti e-Perkhidmatan seperti penggunaan e-Lodgement dan e-Info dan inisiatif-inisiatif lain yang sedang dijalankan dan dalam perancangan. Berikut ialah lawatan yang diterima oleh SSM sepanjang tahun 2014:

### E. PAMERAN DAN EKSPO DALAM DAN LUAR NEGARA

Sepanjang tahun 2014, SSM telah menyertai beberapa pameran dan ekspo yang diadakan di dalam dan luar negara. Selain ekspo dan pameran, SSM turut dijemput oleh Bahagian Pembangunan Francais, KPDKKK untuk turut serta dalam misi promosi francais antarabangsa di Australia, Indonesia, Vietnam dan Emiriah Arab Bersatu. Misi ekspo ini bukan sahaja menjadi wadah bagi syarikat francais dari seluruh dunia untuk mempromosi produk, sistem dan konsep francais, tetapi juga memberikan peluang kepada pelabur menjadi platform bagi pelabur untuk mengenal pasti prospek peluang perniagaan baharu di Malaysia.

### PROGRAM KHIDMAT MASYARAKAT DI PEJABAT-PEJABAT NEGERI

Peranan yang dimainkan oleh pejabat-pejabat negeri di seluruh Malaysia sama pentingnya dengan peranan Ibu Pejabat. Pejabat-pejabat negeri telah menganjurkan program untuk meningkatkan kesedaran kepada komuniti perniagaan tentang keperluan untuk mendaftarkan perniagaan serta tugas dan tanggungjawab sebagai pengarah, setiausaha dan pemegang saham syarikat termasuk pelbagai inisiatif baharu yang ditawarkan oleh SSM. Hubungan baik yang dijalankan oleh pejabat-pejabat negeri dengan kerajaan-kerajaan tempatan, persatuan-persatuan peniaga dan agensi penguat kuasa lain telah menyediakan ruang kepada SSM untuk menjelaskan kepada orang awam mengenai tugas dan fungsi SSM. Ketika berlangsungnya program-program ini, pihak-pihak berkepentingan dan para peniaga telah dimaklumkan berhubung peruntukan Akta-akta yang ditadbir oleh SSM. Pendekatan ini juga telah membantu SSM dalam menjayakan pendaftaran perniagaan dan meningkatkan kadar pematuhan syarikat.

### PENGLIBATAN DAN KERJASAMA PIHAK BERKEPENTINGAN DALAMAN

#### A. AMALAN PERSEKITARAN BERKUALITI 5S

Pensijilan Amalan 5S di Ibu Pejabat bermula pada 27 November 2012 di Menara SSM@Sentral. Berdasarkan kepada impak positif daripada pelaksanaannya kepada organisasi, program 5S telah dipanjangkan ke semua Pejabat Negeri/Cawangan SSM pada tahun 2014. Pada tahun 2014, pensijilan 5S telah dianugerahkan kepada semua Pejabat Negeri/Cawangan SSM oleh Perbadanan Produktiviti Malaysia (MPC).

Bagi pensijilan semula 5S SSM, sebuah pasukan audit daripada MPC dengan dibantu oleh pegawai audit dalaman 5S SSM telah menjalankan pengauditan pada 2014. Pensijilan ini telah dilakukan serentak di Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri/Cawangan pada bulan November dan Disember 2014. Lima (5) elemen yang dijadikan sebagai pengukur oleh pasukan audit adalah produktiviti kerja, kualiti kerja, kos dan penjimatatan, sistem penyampaian, keselamatan serta semangat pekerja.

SSM telah berjaya menjalankan pengauditan bagi pensijilan semula dan telah dianugerahkan Pensijilan 5S bagi tempoh 2014-2015 oleh MPC pada 3 Disember 2014.

Tarikh pensijilan bagi Ibu Pejabat dan Pejabat Negeri/Cawangan ialah seperti berikut:

Bahagian/Pejabat Negeri/Cawangan	Tarikh Pensijilan
Bahagian Sumber Korporat	3 Disember 2014
Bahagian Polisi dan Pembangunan Korporat	3 Disember 2014
Bahagian Perkhidmatan Perundangan	3 Disember 2014
Bahagian Akademi Latihan	3 Disember 2014
Selangor	3 Disember 2014
Negeri Sembilan	3 Disember 2014
Terengganu	3 Disember 2014
Johor	3 Disember 2014
Pulau Pinang	3 Disember 2014
Kuching	5 Disember 2014
Perak	19 November 2014
Melaka	20 November 2014
Tawau	24 November 2014
Kota Kinabalu	24 November 2014



## B. PELAKSANAAN DAN PENSIJILAN ISO 9001:2008 DI SSM

ISO 9001:2008 ialah sebuah piawaian antarabangsa yang dijadikan sebagai rujukan oleh sebuah organisasi untuk membangunkan sistem pengurusan kualiti. Matlamat ISO 9001:2008 ialah untuk menyediakan produk yang secara konsisten dapat memenuhi kehendak pelanggan dan seterusnya meningkatkan tahap kepuasannya. Selain itu, matlamat kedua SSM dalam memperkenalkan ISO 9001:2008 ialah untuk menggalakkan penambahbaikan berterusan terhadap produk-produknya.

Bagi tujuan ini, SSM telah melantik SIRIM Training Services Sdn Bhd sebagai perunding yang membimbing dan memberi latihan kepada Jawatankuasa ISO 9001:2008. SIRIM QAS International Sdn Bhd (SIRIM QAS) yang merupakan badan pensijilan telah dipertanggungjawabkan bagi menjalankan pengauditans pensijilan ISO 9001:2008 dengan skop pendaftaran perniagaan di Ibu Pejabat SSM. Pada 26 September 2014, anggota Panel Pensijilan SIRIM telah meluluskan secara rasmi pensijilan ISO 9001:2008 bagi skop pendaftaran perniagaan di Ibu Pejabat SSM untuk tempoh selama tiga (3) tahun.

## C. PEMATUHAN TERHADAP AKTA KESELAMATAN DAN KESIHATAN PEKERJAAN 1994 (AKTA KKP) DAN PERATURAN-PERATURAN DI BAWAHNYA

Pada 9 Disember 2014, SSM telah menerima lawatan dari Jabatan Keselamatan dan Kesihatan Pekerjaan cawangan Wilayah Persekutuan (JKKP). Tujuan pemeriksaan dijalankan ialah untuk mengukur tahap pengurusan keselamatan dan kesihatan pekerjaan di tempat kerja di Ibu Pejabat SSM. Ahli-ahli Jawatankuasa Keselamatan dan Kesihatan (JKK) SSM, wakil dari Semasa Sentral iaitu pihak yang dilantik untuk mengawalselia perkhidmatan kawalan keselamatan Menara SSM@ Sentral dan Sinar Jernih Sdn. Bhd., pihak yang mengendalikan perkhidmatan pembersihan di Menara SSM@Sentral turut serta menjayakan pemeriksaan yang telah dijalankan.

Lanjutan semakan dokumentasi serta lawatan yang dijalankan ke Ibu Pejabat SSM, JKKP pegawai JKPPWPK berpuas hati dengan pematuhan Ibu Pejabat SSM terhadap Akta KKP dan seterusnya SSM

layak untuk pencalonan Anugerah Cemerlang KKP dalam kategori sektor awam/badan berkanun bagi tahun 2015.



# AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (COMTRAC)

# AKADEMI LATIHAN SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA (COMTRAC)

Akademi Latihan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (COMTRAC) telah ditubuhkan pada 1 April 2007 dengan objektif untuk menerajui inisiatif latihan pihak berkepentingan luar Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM). Misi COMTRAC adalah untuk melatih dan mendidik pelbagai peranan dalam sektor korporat yang selari dengan fungsi SSM seperti yang ditetapkan di bawah sub-seksyen 17(d) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta SSM 2001) yang menyatakan:


**“...untuk mendorong dan menggalakkan tatalaku yang sepatutnya di kalangan pengarah, setiausaha, pengurus dan pegawai lain di dalam sesuatu perbadanan dan pengawalseliaan diri oleh perbadanan, syarikat, perniagaan, kumpulan industri dan badan-badan profesional dalam sektor korporat demi untuk memastikan bahawa segala kegiatan korporat dan perniagaan dijalankan selaras dengan norma-norma yang telah ditubuhkan melalui tadbir urus korporat yang baik”**

Di bawah Pelan Hala Tuju Strategik SSM yang Kedua 2010 - 2014 (SDP II), COMTRAC telah secara spesifiknya dipertanggungjawabkan memacu Teras Strategik 5 (*Evolving to a knowledge driven organization to develop competitive intelligence*) ke arah pencapaian tiga (3) ‘End-State Descriptions’ (ESD) dalam pelaksanaan projek strategik berstruktur.

## PERSIDANGAN KEBANGSAAN SSM 2014

Persidangan Kebangsaan ke-4 dengan tema “*Modernizing the Companies Act: Impetus for Business*” telah diadakan pada 3 dan 4 Jun 2014 di Kuala Lumpur dan dirasmikan oleh Y.B. Dato’ Sri Hasan Bin Malek, Menteri Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (PDNKK). Persidangan ini dihadiri oleh seramai 351 orang perwakilan yang terdiri daripada pihak berkepentingan dengan pelbagai latar belakang dari kedua-dua sektor awam dan swasta.

**Komposisi Delegasi Persidangan Kebangsaan SSM 2014**



Seramai 31 orang penceramah, ahli panel dan moderator membentangkan kertas semasa Persidangan seperti yang berikut :

- Keynote Address on ‘Taking the Great Leap. Revamping the Companies Act.’
- The New Companies Act. The Pain. The Gain. The Journey.
- Starting Business in Malaysia. Reform and Transform.
- Boardroom Excellence. Reshape and Reinforce.
- Shareholders Activism. Initiatives and Impact.
- Audit and Financial Reporting Framework. Rationalize and Streamline.
- No Par Value Regime and Capital Maintenance Rule. Adapt and Adjust.
- Corporate Insolvency Framework. Effective and Efficient.
- Compliance and Disclosure Requirements. Changes and Challenges.
- Corporate Disputes Resolutions: From Boardroom and Shareholders Contests to Courts and Arbitration Way.

Persidangan ini telah mengupas kandungan perubahan utama di bawah Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan dan kesannya terhadap pihak berkepentingan. Dengan menyertai Persidangan ini, para perwakilan bukan hanya menerima taklimat mutakhir tentang perkembangan Rang Undang-undang Syarikat yang dicadangkan tetapi turut memperoleh pemahaman yang lebih baik tentang pindaan utama.

## PERSIDANGAN SERANTAU SSM SABAH 2014

Persidangan Serantau SSM yang berlangsung di Kota Kinabalu, Sabah pada 27 Ogos 2014 dengan tema, “*Taking the Great Leap. Revamping The Companies Act.*” telah dihadiri oleh seramai 188 orang perwakilan dari Sabah (86.1%), Sarawak (10.7%), Labuan (2.1%) dan Kuala Lumpur (1.1%). Delegasi terdiri daripada pelbagai pihak berkepentingan dari kedua-dua sektor awam dan swasta yang terdiri daripada pengarah syarikat/ ketua pegawai eksekutif/pengarah urusan (37%), setiausaha syarikat (46%) manakala selebihnya 17% merupakan pengurus, eksekutif, juruaudit/akauntan, peguam, pemilik tunggal dan wakil-wakil dari agensi Kerajaan dan Kementerian.

Seramai lapan (8) orang penceramah, ahli panel dan moderator membentangkan kertas semasa Persidangan tentang tajuk-tajuk berikut:

- The New Companies Act. The Pain. The Gain. The Journey.
- Revolutionizing Starting Business in Malaysia.
- Reshaping the Board towards Boardroom Excellence.
- Enhancing Shareholders Activism.
- Rationalizing Audit and Financial Reporting Framework.
- Getting Prepared for No Par Value Regime and Capital Maintenance Rule.
- Transforming Corporate Insolvency Framework.
- Compliance and Disclosure Requirements.


## PROGRAM LATIHAN DAN PENDIDIKAN

### A. PENDIDIKAN DAN KESEDARAN PIHAK BERKEPENTINGAN

Pada tahun 2014, COMTRAC telah menganjurkan sejumlah 161 program (2013: 193) yang menarik penyertaan yang menggalakkan seramai 8,850 orang peserta (2013: 10,454).



**Penyertaan Pihak Berkepentingan dalam Program Pendidikan Dan Kesedaran dari tahun 2012 hingga 2014**



Jumlah keseluruhan program korporat yang dijalankan sepanjang tahun ialah seperti yang berikut:

Program	Jumlah Program	Jumlah Peserta
Corporate Directors Training Programme (CDTP)	16	443
• CDTP Fundamental		
• CDTP Intermediate		
• CDTP Advanced		
• CDTP Human Resource Management		
• CDTP Fundamental Co-Organised		
Company Secretaries Training Programme Essential	21	1,322
Company Secretaries Training Programme Significant	15	799
Continuing Education Programme	29	1,403
Corporate Tea Talk	16	1186
In-House Training Programme	40	1,258
Collaboration Programme	22	1,900
SSM National Conference 2014	1	351
SSM National Regional Conference 2014	1	188
<b>Jumlah</b>	<b>161</b>	<b>8,850</b>

**B. CORPORATE DIRECTORS TRAINING PROGRAMME (CDTP)**

Program Corporate Directors Training Programme secara khususnya menyasarkan pengarah syarikat, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan,

pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, pereka cipta dan usahawan dengan topik khusus berkaitan dengan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat dan pegawai syarikat. Program yang telah distrukturkan sebagai siri program CDTP ialah seperti yang berikut:

- *CDTP Fundamental*
- *CDTP Intermediate*
- *CDTP Advanced*
- *CDTP + Human Resource Management*

Dengan mengambil bahagian dalam mana-mana siri Program CDTP, peserta akan memperoleh manfaat berikut:

1. Meningkatkan pemahaman yang baik tentang konsep, ciri dan watak sesebuah syarikat;
2. Menggariskan peranan dan tanggungjawab pengarah syarikat, setiausaha syarikat dan juruaudit;
3. Mengetahui hak dan batasan pengarah tentang pengendalian mesyuarat lembaga pengarah dan mesyuarat agung yang wajar;
4. Mengenal pasti kesalahan lazim yang dilakukan oleh pengarah di bawah Akta Syarikat 1965 (AS 1965);
5. Memahami keperluan pematuhan AS 1965;
6. Melaksanakan amalan tadbir urus korporat yang baik dalam menguruskan syarikat dan memaparkan komitmen profesional untuk amalan etika;
7. Memahami tanggungjawab pengarah dalam cukai korporat;
8. Membaca dan mentafsir penyata kewangan;
9. Memahami konsep pengurusan risiko dan kawalan dalam serta hubungan tadbir urus korporat; dan,
10. Mewujudkan satu rangka kerja pengurusan sumber manusia yang berkesan dalam syarikat.

Setiap siri CDTP terbahagi kepada modul-modul tertentu. Modul-modul bagi *CDTP Fundamental* ialah seperti yang berikut:

- Modul 1 : *Dynamics of a Company*
- Modul 2 : *Key Role Players in a Company: Functions and Responsibilities*

Modul 3 : *Fundamentals of Corporate Governance*

Modul 4 : *Fundamentals of Corporate Responsibility*

Modul 5 : *Fundamentals of Financial Statements*

Modul 6 : *Introduction to Innovation*

Modul-modul *CDTP Intermediate* ialah seperti yang berikut:

- Modul 1 : *Roles and Responsibilities of Directors, Company Secretaries and Auditors*

Modul 2 : *Law and Practice of Meetings*

Modul 3 : *Implementation of Corporate Governance*

Modul 4 : *Implementation of Corporate Responsibility*

Modul 5 : *Implementation of Innovation*

Modul 6 : *Top Ten Common Offences Committed by Directors under the Companies Act 1965*

Modul 7 : *Introduction to Taxation*

Modul 8 : *Understanding Financial Statements*

Modul-modul *CDTP Advanced* ialah seperti yang berikut:

- Modul 1 : *Roles and Responsibilities of Directors, Company Secretaries and Auditors and Case Study*

Modul 2 : *Top 10 Common Offences under Companies Act 1965 and Case Study*

Modul 3 : *Strategic Innovation and Case Study*

Modul 4 : *Business Sustainability and Case Study*

Modul 5 : *Risk Management, Internal Control and Case Study*

Modul-modul *CDTP Fundamental + Human Resource Management* ialah seperti yang berikut:

Modul 1 : *Dynamics of a Company*

Modul 2 : *Key Role Players in a Company: Functions and Responsibilities*

Modul 3 : *Fundamentals of Corporate Governance*

Modul 4 : *Fundamentals of Corporate Responsibility*

Modul 5 : *Fundamentals of Financial Statements*

Modul 6 : *Introduction to Innovation*

Modul 7.1 : *Principal Malaysian Labour Legislations*

Modul 7.2 : *Introduction to Human Resource Management*

Modul 7.3 : *Managing Relationships between Employer and Employee*

Modul 7.4 : *Effective Human Resource Management and Leadership*



Pada tahun 2014, sebanyak 16 program CDTP telah dianjurkan dan dihadiri oleh seramai 443 orang peserta. Maklumat program ialah seperti yang berikut:

Siri CDTP	Jumlah Program	Jumlah Peserta
CDTP Fundamental	4	112
CDTP Intermediate	3	75
CDTP Advance	3	71
CDTP + Human Resource Management (SSM-PSMB)	2	39
CDTP Fundamental (Co-organised with Partners)	4	146
<b>Jumlah</b>	<b>16</b>	<b>443</b>

#### C. COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME (CSTP) ESSENTIAL

Company Secretaries Training Programme (CSTP) Essential ialah kursus wajib di bawah skim mata Continuing Professional Education (CPE) bagi setiausaha syarikat berlesen yang dilesenkan oleh Pendaftar Syarikat di bawah seksyen 139A(b) AS 1965.

CSTP Essential direka untuk bakal setiausaha syarikat dan yang sedia ada yang bertujuan untuk meningkatkan pengetahuan, kemahiran dan kecekapan setiausaha syarikat dalam memainkan peranan mereka sebagai penasihat lembaga pengarah. Walaupun CSTP Essential disasarkan kepada setiausaha syarikat berlesen, pemain peranan korporat seperti setiausaha syarikat daripada badan yang ditetapkan, pengarah syarikat, kakitangan pengurusan dan sokongan juga dapat memperoleh manfaat daripada program ini sekali gus mampu menggunakan kemahiran yang diperolehi untuk menguruskan syarikat mereka.

Para peserta modul CSTP Essential akan memperoleh manfaat berikut:

- Membangunkan pemahaman yang baik tentang konsep dan ciri sesuatu syarikat;
- Menyatakan peranan dan tanggungjawab setiausaha syarikat;
- Menggariskan peranan dan tanggungjawab pemain peranan utama dalam syarikat;

- Mengamalkan pengetahuan dalam menguruskan buku-buku berkanun dan mesyuarat syarikat; dan,
- Mengenal pasti kesalahan utama di bawah AS 1965.

CSTP Essential terdiri daripada tiga (3) bahagian dan setiap satu bahagian mengandungi dua (2) modul dan peserta dianggap telah melengkapkan program ini apabila menghadiri ketiga-tiga bahagian CSTP Essential. Maklumat ketiga-tiga bahagian CSTP Essential ialah seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN A

Modul 1 : *Anatomy of a Company*

Modul 2 : *Roles and Responsibilities of Company Secretaries*

#### BAHAGIAN B

Modul 3 : *Key Role-Players in a Company - Directors, Officers, Shareholders and Auditors*

Modul 4 : *Managing the Registered Office, Statutory Books, Returns and Other Documents*

#### BAHAGIAN C

Modul 5 : *Managing Company Meetings*

Modul 6 : *Navigating Compliance: Key Offences under Companies Act 1965*

Pada tahun 2014, sebanyak 21 program CSTP Essential yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Pulau Pinang dan Kuching dihadiri oleh seramai 1,322 orang peserta. Walau bagaimanapun, penyertaan pada tahun 2014 telah berkurangan sebanyak 31.6% berbanding dengan yang sama pada tahun 2013 (1,934 orang peserta) kerana sebahagian besar setiausaha berlesen telah menghadiri program ini sejak tahun 2010. Mereka telah memilih untuk menghadiri program susulan iaitu program Company Secretaries Training Programme (CSTP) Significant.

#### D. COMPANY SECRETARIES TRAINING PROGRAMME (CSTP) SIGNIFICANT

Program CSTP Significant direka sebagai program susulan kepada Company Secretaries Training Programme Essential dan telah diperkenalkan pada tahun 2013.

Para peserta modul CSTP Significant akan memperoleh manfaat berikut:

- Membina nilai-nilai integriti korporat yang baik dan beretika;
- Mengenal pasti peranan setiausaha syarikat untuk memerangi pengubahan wang haram dan pembiayaan keganasan;
- Menyepakukan tadbir urus korporat dan tanggungjawab korporat dalam kendalian syarikat;
- Mengenal pasti cabaran dan isu utama yang memberi kesan pada fungsi harian setiausaha syarikat; dan
- Membaca dan mentafsir pernyataan kewangan.

Program CSTP Significant terdiri daripada tiga (3) bahagian dan setiap satu bahagian pula mengandungi dua (2) modul. Bagi melengkapkan program ini, peserta perlu menghadiri ketiga-tiga bahagian Program CSTP Significant. Maklumat ketiga-tiga bahagian CSTP Significant ialah seperti yang berikut:

#### BAHAGIAN A

Modul 1 : *Advocating Integrity and Ethics in the Boardroom*

Modul 2 : *Roles and Responsibilities of Company Secretaries in Combating Money Laundering and Terrorism Financing*

#### BAHAGIAN B

Modul 3 : *Company Secretary: Walking the Balance between Professionalism and Performance*

Modul 4 : *Integrating Corporate Governance into Company Operations*

#### BAHAGIAN C

Modul 5 : *Integrating Corporate Responsibility into Company Operations*

Modul 6 : *Understanding Financial Statement for Company Secretaries*

Daripada 15 Program CSTP Significant yang telah dianjurkan, 12 telah diadakan di Kuala Lumpur dan tiga (3) lagi di Miri. Program ini telah dihadiri oleh seramai 799 orang peserta.

#### E. CONTINUING EDUCATION PROGRAMME (CEP)

Program Continuing Education Programme (CEP) direka untuk membincangkan secara terperinci topik strategik terpilih yang berkaitan dengan sektor korporat dan pemain peranan utama sektor ekonomi. Program tersebut telah direka untuk lembaga pengarah, setiausaha syarikat, Ketua Pegawai Eksekutif, Ketua Pegawai Operasi, Ketua Pegawai Kewangan, pengurusan tertinggi syarikat, pekerja korporat, pelabur asing, golongan profesional, pereka cipta dan usahawan.

Sepanjang tahun 2014, sebanyak 29 program (2013: 43) yang telah diadakan di Kuala Lumpur, Kuching, Sibu, Johor Bahru, Bintulu dan Kota Kinabalu telah dihadiri oleh seramai 1,403 orang peserta (2013: 2,362).

#### F. PROGRAM LATIHAN DALAMAN YANG DIATUR KHAS UNTUK PELBAGAI ORGANISASI

COMTRAC turut menjalankan program latihan dalaman untuk lembaga pengarah dan pegawai pelbagai organisasi dan sambutan pula amat memberangsangkan. Oleh itu, sebanyak 40 (2013: 32) program latihan dalaman telah diadakan untuk organisasi berikut yang berjaya menarik jumlah peserta seramai 1,258 (2013: 1,015) orang:



Tajuk Program	Organisasi
Corporate Directors Training Programme Fundamental	Terengganu Incorporated Sdn Bhd
Corporate Directors Training Programme Essential	Lembaga Juruukur Bahan Malaysia
Corporate Directors Training Programme Intermediate	IIUM Holdings Sdn Bhd
Business Sustainability, Risk Management and Internal Control	IIUM Holdings Sdn Bhd
The Companies Bill	Axiata Berhad
The Companies Bill	Azmi & Associates
The Companies Bill	Khazanah Berhad
Corporate Directors Training Programme Advanced	Akademi Perbadanan Kemajuan Negeri Selangor
Company Secretaries Training Programme Significant Part A, B and C	Malayan Banking Berhad (MBB)
Roles and Responsibilities of Company Directors / Fundamentals of Corporate Governance/ Common Offences Committed By Company Directors under the "Corporate Directors Leadership and Integrity Programme".	Institut Tadbiran Awam Negara (INTAN) dan Institut Integriti Malaysia (IIM)
Corporate Directors Training Programme Fundamental	Pertubuhan Peladang Negeri Johor
Corporate Directors Training Programme Fundamental	Kolej Poly Tech Mara Melaka
Related Party Transactions – From Governance, Risk and Compliance Aspects	Malaysia Airport Holdings Berhad (MAHB)
Companies Limited By Guarantee under the Companies Act 1965	Prokhas Sdn Bhd
Essential of Companies Act 1965	Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM)
Corporate Governance Essentials	Akademi Audit Negara
Corporate Directors Training Programme Essential	Pihak Berkuastra Kemajuan Pekebun Kecil Perusahaan Getah (RISDA)
Corporate Directors Training Programme Essential	MyAngkasa Amanah Berhad
Company Secretaries Training Programme Significant Part A, B and C	Petroleum Nasional Berhad (PETRONAS)
Corporate Directors Training Programme Fundamental	PJU Holdings Sdn Bhd
Roles and Responsibilities of Company Directors and Common Offences Committed by Directors under the Companies Act 1965	Malaysian Directors Academy (MINDA)

#### G. KERJASAMA DENGAN BADAN PROFESIONAL/ORGANISASI

COMTRAC meneruskan pendekatan kerjasama yang meluas dengan pihak berkepentingan luaran kerana kerjasama erat dan hubungan pengurusan dengan pihak berkepentingan sedemikian amat penting.

Pada tahun 2014, COMTRAC telah bekerjasama dengan sepuluh (10) buah organisasi bagi pelaksanaan 22 (2013: 32) program latihan bersama dengan penyertaan seramai 1,900 (2013: 1,897) orang peserta. Butiran program yang dijalankan disenaraikan seperti dalam jadual di bawah:

Tajuk Program	Rakan Kerjasama
Limited Liability Partnership	Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
Company Limited By Guarantee, Companies Act 1965	Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)
Children Right's Business Principles - Training of Trainers	United Nations Children's Fund (UNICEF)
Competition Act 2010 - Better Business with Competition Compliance	Suruhanjaya Persaingan Malaysia (MyCC)
GST Awareness Programme	Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan (KPDNKK), Kementerian Kewangan dan Jabatan Kastam Diraja Malaysia
Governance, Risk and Control for Company Secretaries	Institute of Approved Company Secretaries (IACS)
Stay Competitive. Strengthen Corporate Responsibility Adopt Corporate Integrity System Malaysia	Institut Integriti Malaysia (IIM)
Pemantapan Mekanisme Kawalan Dalaman Organisasi Bukan Berasaskan Keuntungan (NPO) di Malaysia dalam Pencegahan Pengubahan Wang Haram dan Pembiayaan Keganasan	Jabatan Pendaftaran Pertubuhan Malaysia dan Lembaga Perkhidmatan Kewangan Labuan
New Companies Bill	Malaysian Institute of Chartered Secretaries and Administrators (MAICSA)

#### H. CORPORATE TEA TALKS

Program Corporate Tea Talk Series merupakan inisiatif untuk menyediakan latihan percuma terutamanya untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan profesional korporat dan usahawan tentang perkembangan pembaharuan undang-undang. Sebanyak 16 (2013: 18) program telah diadakan pada tahun 2014 dan telah dihadiri oleh seramai 1,186 (2013: 1,623) orang peserta. Sepanjang tahun 2014, sebanyak lapan (8) sesi telah dijalankan di Kuala Lumpur, dua (2) sesi di Pulau Pinang, satu (1) sesi di Ipoh, satu (1) sesi di Kuantan, dua (2) sesi di Johor Bahru, satu (1) sesi di Kota Kinabalu dan satu (1) sesi di Kuching.

Topik-topik pengisian pada tahun 2014 ialah seperti jadual di bawah:

Tajuk Program	Jumlah Program	Bilangan Peserta
Getting To Know SSM e-Services	4	139
Updates on Anti Money Laundering and Counter Financing Terrorism Related to the Non-Profit Organisation	1	230
Updates on Anti Money Laundering and Counter Financing of Terrorism Related to Non-Profit Organisations and Interest Scheme	3	261
Malaysia's Competitiveness Performance: Issues and Challenges	1	115
Getting To Know Corporate and Business Information Data (CBID) and the Expansion of PSMB Pembangunan Sumber Manusia Berhad Act 2001	7	441
<b>Jumlah Peserta</b>	<b>16</b>	<b>1,186</b>



## I. PROGRAM LATIHAN SSM UNTUK 'STARTING A BUSINESS'

Sebagai sebahagian daripada tanggungjawab korporat SSM, COMTRAC berterusan menyediakan latihan percuma untuk mendidik dan mewujudkan kesedaran dalam kalangan graduan baharu, graduan menganggur, pelajar institusi pengajian tinggi serta bakal usahawan untuk menggalakkan mereka mencebur入 bidang perniagaan. Pada tahun 2014, COMTRAC telah dijemput untuk mengadakan latihan 'Start Your Own Business: Registration of Business and Limited Liability Partnership and Incorporation of Companies' dan topik lain yang berkaitan dalam 44 program yang dianjurkan oleh pelbagai organisasi. Program latihan ini telah menarik penyertaan seramai 2,323 orang peserta.

## J. PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN DAN LATIHAN TENTANG CUKAI BARANGAN DAN PERKHIDMATAN (CBP) KEPADA PENJAJA DAN PENIAGA KECIL

Program ini telah dilaksanakan secara percuma oleh SSM untuk memberi pendedahan dan mewujudkan kesedaran di kalangan kumpulan penjaja dan peniaga kecil berhubung Cukai Barang dan Perkhidmatan (CBP) yang akan dilaksanakan bermula pada 1 April 2015 oleh kerajaan. Pemahaman yang baik tentang kepentingan CBP akan membolehkan mereka bersedia dan memainkan peranan berkesan sebagai penjaja dan peniaga kecil dalam suasana perniagaan yang kompetitif.

Seramai 405 orang penjaja dan peniaga kecil telah menyertai program ini yang diadakan di Pusat Transformasi Luar Bandar (RTC), Kota Bharu, Kelantan. Penceramah daripada pelbagai agensi telah menyampaikan kertas yang meliputi topik-topik berikut:

Sesi	Tajuk	Penceramah
i.	Penerangan tentang Cukai Perkhidmatan dan Barang (CPB) dan Kesannya kepada Pengguna/Peniaga.	Jabatan Kastam Diraja Malaysia
ii.	Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan 2011	KPDNKK
iii.	Rasionalisasi Subsidi	Kementerian Kewangan

## K. PELAKSANAAN PROGRAM KURSUS PEMANTAPAN PENJAJA DAN PENIAGA KECIL (KPPPK) FASA II

Pelaksanaan program kursus pemantapan penjaja dan peniaga kecil Fasa II bagi tahun 2014 telah dikendalikan oleh SSM dengan kerjasama agensi-agensi seperti KPDNKK, Majlis Amanah Rakyat (MARA), Amanah Ikhtiar Malaysia (AIM), Tabung Ekonomi Kumpulan Usaha Niaga (TEKUN), Perbadanan Hal Ehwal Bekas Angkatan Tentera (PERHEBAT), Bank Rakyat, SME Corp, Dewan-Dewan Perniagaan dan Perindustrian Melayu, Cina dan India,

Persatuan-Persatuan Penjaja dan Peniaga Kecil Melayu, Cina dan India dan agensi lain yang mempunyai hubung kait dengan peniaga kecil.

Kursus ini telah direka bagi golongan penjaja dan peniaga kecil dengan objektif untuk meluaskan pengetahuan, meningkatkan kemahiran dan mempromosi tadbir urus perniagaan. Sebanyak tiga (3) program yang melibatkan golongan penjaja dan peniaga kecil ini telah diadakan di negeri Pahang, Kuala Lumpur dan Perak dengan kehadiran seramai 1,358 orang peserta.

Tarikh	Tajuk Program	Tempat	Bilangan Peserta
26 April 2014	Kursus Pemantapan Penjaja dan Peniaga Kecil (KPPPK)	Dewan Jubli Perak Sultan Hj Ahmad Shah, Jalan Teluk Sisek, Kuantan, Pahang.	539
23 Jun 2014	Seminar Pembangunan Modal Insan Peniaga	Dewan Serbaguna, Pusat Komersial Komuniti Penjaja, Bandar Tun Razak, Kuala Lumpur.	409
13 September 2014	Seminar Pembangunan Modal Insan Peniaga	Dewan Saidina Abu Bakar, Institut Tadbiran Islam Perak, Jalan Raja Musa Mahadi, Ipoh, Perak.	410



## CABARAN DAN HALA TUJU 2015

# CABARAN DAN HALA TUJU 2015

Pada 16 April 2002, Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) telah ditubuhkan sebagai sebuah badan berkanun yang bertanggungjawab bagi pendaftaran entiti korporat dan perniagaan di Malaysia dan sebagai pemilik dan pembekal tunggal maklumat korporat. Peranan utama yang lain adalah untuk memastikan pematuhan pada undang-undang berkaitan di samping menggalakkan amalan tadbir urus korporat yang baik dan perniagaan mampu. Natijahnya, SSM bertanggungjawab menyediakan latihan yang sesuai untuk komuniti korporat.

Meskipun SSM telah dilihat berkembang pesat semenjak penubuhannya hasil peranan pelbagai aspeknya, SSM terus menghadapi cabaran seiring dengan kehendak pihak-pihak berkepentingan yang berasaskan tekanan asas untuk perubahan hasil kemajuan sosial, ekonomi dan teknologi. Di samping itu, SSM perlu mengekalkan kerelevanannya sebagai pemangkin kepada pertumbuhan komuniti korporat domestik dan membolehkannya bersaing dalam persekitaran ekonomi global yang sentiasa berubah-ubah.

Beberapa tahun kebelakangan ini, terdapat jangkaan yang agak tinggi terhadap penyampaian perkhidmatan awam yang cekap. Pembekal utiliti dan infrastruktur perkhidmatan pengangkutan yang menggunakan model tradisional hampir-monopoli (*near-monopoly*) merupakan penyumbang terbesar dalam pembangunan negara. Namun begitu, keupayaan model ini untuk menyesuaikan diri dengan perubahan ekonomi politik, sosial dan global telah dipersoalkan. Sejak zaman ROC dan ROB, orang ramai semakin sedar dengan kualiti perkhidmatan yang mereka terima dan pilihan sedia ada. Keperluan untuk bertindak balas terhadap perubahan teknologi, terutamanya dalam penyampaian perkhidmatan awam yang cekap, telah membebankan SSM dengan peningkatan kos operasi.

Peningkatan kos operasi dilihat sebagai satu cabaran besar di samping permintaan pihak berkepentingan untuk perkhidmatan yang lebih efisien, telus dan berorientasikan pelanggan dan penyelesaian kepada isu-isu perniagaan yang lebih kompleks dan tanpa kehilangan mana-mana hak sosial mereka yang sedia

ada. Cabaran utama bagi SSM adalah untuk mencari jalan baharu bagi memenuhi tuntutan-tuntutan ini dengan mengambil kira kekangan had perbelanjaan yang ketat dan jangkaan pihak berkepentingan. Oleh itu, untuk beberapa tahun akan datang, SSM dijangka akan menghadapi beberapa cabaran yang paling sukar sebagai Pendaftar dalam persekitaran ekonomi yang pantas berubah.

## PENYAMPAIAN PERKHIDMATAN

Salah satu inisiatif utama SSM adalah untuk meningkatkan prestasi sektor awam di pasaran global yang semakin kompetitif. Oleh itu, dalam memastikan penyampaian perkhidmatan yang cemerlang melalui kecemerlangan operasi yang boleh membawa kepada penjimatkan kos untuk pengguna akhir, Seksyen Pengurusan Transformasi diwujudkan bagi melaksanakan Program Transformasi Organisasi yang akan menyelaras, membangun dan meningkatkan prestasi operasi serta keupayaan SSM, meningkatkan penjimatkan kos dan meningkatkan penyampaian perkhidmatan SSM kepada pihak-pihak berkepentingan.

Antara inisiatif SSM yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan operasi adalah dengan memperkenalkan perubahan dalam proses pemerbadanan syarikat di Malaysia. Pada 16 Mei 2013, SSM telah melaksanakan pemerbadanan syarikat dalam talian mandatori melalui *Malaysia Corporate Identity Number (MyCoID)* yang menghasilkan penutupan perkhidmatan melalui kaunter secara berperingkat di seluruh Malaysia seperti yang dinyatakan dalam laporan tahun 2014. Inisiatif ini yang membolehkan syarikat-syarikat didaftarkan dalam masa satu (1) hari dan pendaftaran dengan agensi-agensi yang berkaitan secara *single touch point*, telah dilaksanakan untuk menyelaraskan perkhidmatan SSM. Inisiatif ini telah memudahkan dan mengukuhkan proses pemerbadanan melalui portal MyCoID automatik.

SSM juga berusaha secara berterusan untuk memperbaiki kualiti dan kecekapan perkhidmatan serta komited untuk menyediakan perkhidmatan yang cekap melalui penambahbaikan yang berterusan

bagi memenuhi kepuasan pelanggan. SSM, dengan kerjasama SIRIM Berhad, telah mewujudkan satu sistem pengurusan dokumen kualiti yang seterusnya berjaya memperoleh sijil MS ISO 9001: 2008 daripada SIRIM Berhad bagi proses utama pendaftaran perniagaan di Ibu Pejabat SSM. Pada 1 April 2014, SSM memperkenalkan borang pendaftaran baharu yang mudah untuk pendaftaran perniagaan baru dan perubahan dalam maklumat perniagaan untuk memudahkan dan mengurangkan masa yang diambil untuk mendaftar perniagaan.

Selaras dengan trend pelaburan global semasa yang menunjukkan tanda-tanda positif terhadap rangka kerja pelaburan yang mematuhi prinsip Syariah, semakin ramai penggiat industri berminat untuk mengendalikan skim-skim yang berasaskan prinsip-prinsip Islam. Ia juga boleh membuka jalan bagi industri untuk menerokai pasaran baharu seperti negara-negara di Timur Tengah. SSM telah berperanan sebagai pemudahcara kepada inisiatif yang pada awalnya digerakkan oleh pihak industri sehingga membawa kepada pendaftaran dua (2) skim kepentingan patuh Syariah setakat tahun 2014.

Dalam usaha untuk mewujudkan rangka kerja tadbir urus Syariah bagi skim kepentingan, SSM telah bekerjasama dengan sebuah konsultan untuk merumuskan garis panduan bagi membolehkan penawaran skim kepentingan Syariah yang berdasarkan prinsip-prinsip Syariah. Konsultan ini telah ditubuhkan oleh Akademi Penyelidikan Syariah Antarabangsa bagi Kewangan Islam dan agensi berkaitan di Malaysia telah ditubuhkan di bawah Bank Negara Malaysia (BNM). Garis panduan ini berada di peringkat akhir dan dijangka akan dilancarkan pada tahun 2015.

Dalam usaha untuk memperbaiki rangka kerja pendaftaran dan pengurusan skim kepentingan, sebuah bengkel intensif telah diadakan dari 28 hingga 30 Mei 2014 dan telah menghasilkan proses penilaian skim baharu yang merangkumi analisa kuantitatif dan kualitatif. Kaedah penilaian baharu ini merangkumi penggunaan alat penarafan kadar mata berdasarkan analisa 15 petunjuk utama termasuk ulasan prestasi kewangan, rekod pencapaian lampau, skim berdaya maju dan tahap perlindungan pelabur. Kaedah penilaian ini akan menilai keupayaan pengendali, kapasiti dan pengalaman untuk mengendalikan permohonan skim kepentingan baharu ini dan mula dilaksanakan dalam tahun 2014.

Perkembangan ini amat menarik kerana skim kepentingan ialah salah satu kaedah alternatif bagi syarikat yang sedang berkembang untuk mendapatkan dana perluasan perniagaan. Terdapat 195 (2013: 193) skim kepentingan berdaftar dengan SSM pada 31 Disember 2014. Apabila sesebuah syarikat mula bertapak dalam industri dan mengekalkan kadar pertumbuhan yang stabil menerusi pembiayaan daripada skim faedah, ia boleh meningkatkan kedudukannya secara beransur-ansur untuk menerokai pasaran modal terbuka bagi mendapatkan lebih banyak modal daripada pelabur dalam dan luar negara.

Pada tahun 2014, media melaporkan bahawa dua (2) buah syarikat Skim Kepentingan berdaftar SSM telah mengumumkan rancangan mereka untuk menyenaraikan saham di bursa saham rantau Asia iaitu Kumpulan Nirvana di Bursa Hong Kong dan Agro Ekuiti Berhad di Bursa Singapura. Berita ini memberi inspirasi kepada penggiat lain dalam industri skim kepentingan untuk berkembang dan akhirnya menyenaraikan syarikat mereka dalam pasaran modal terbuka pada masa akan datang bagi menarik pelabur pasaran modal.

Pada masa yang sama, untuk meningkatkan lagi kedudukan Malaysia daripada kedudukan sekarang iaitu yang ke-23 bagi bidang "Getting Credit" dalam laporan Doing Business 2015 oleh Bank Dunia, SSM telah memulakan langkah untuk mengenal pasti kelemahan supaya kedudukan yang lebih baik dalam proses penilaian tahun berikutnya berjaya dicapai. SSM akan berusaha untuk membangunkan portal dalam talian untuk pendaftaran dan pelepasan gadaian yang dijangka akan dilaksanakan pada tahun 2015. Proses pendaftaran dan pelepasan gadaian dalam talian akan menyediakan perkhidmatan *end-to-electronic* untuk pihak berkepentingan. Inisiatif ini dijangka menghasilkan peningkatan ketara terhadap kecekapan penyampaian perkhidmatan.

Di samping itu, pelbagai insentif telah diperkenalkan oleh Kerajaan untuk penjaja dan peniaga kecil seperti Pelan Insurans 1Malaysia Penjaja dan Peniaga Kecil Nasional (P1MPIN) dan Program Penjaja 1Malaysia (PP1M) sebagai pemacu pertumbuhan negara. P1MPIN ialah skim perlindungan insuran secara berkelompok yang diperkenalkan oleh Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan melalui Bank Rakyat yang menyediakan perlindungan percuma 24 jam kepada semua peniaga di seluruh



negara. Sementara itu, PP1M adalah sebahagian daripada *Strategi Lautan Biru Kebangsaan 7* dengan objektif untuk memastikan kebersihan kawasan fizikal bagi penyediaan makanan yang sihat dan persekitaran kerja yang lebih selamat. SSM menyokong penuh Inisiatif Strategik Kerajaan untuk Penjaja dan Peniaga Kecil Pembangunan 2015-2020 yang akan memberi manfaat kepada lebih sejuta penjaja dan peniaga kecil di seluruh negara. Pelan yang berdasarkan kepada empat strategi iaitu mengukuhkan ekosistem, mengukuhkan daya saing, membangun modal insan dan kemampuan kewangan akan menjadikan pembangunan ekonomi yang teratur dan tersusun untuk sektor ini.

SSM melalui Akademi Latihan (COMTRAC) menyokong usaha Kerajaan mencapai status sebuah negara maju dan berpendapatan tinggi dengan memperkuatkukuhkan dan meningkatkan pengetahuan mengenai amalan perniagaan yang mampan. Selain menganjurkan Persidangan Kebangsaan SSM 2014 di Kuala Lumpur, Persidangan Serantau 2014 di Sabah dan kursus yang direka khas mengikut keperluan khusus organisasi, COMTRAC akan bekerjasama dengan universiti dan badan-badan profesional dengan matlamat untuk menyediakan maklumat terkini tentang pembangunan di persekitaran korporat bagi pihak berkepentingan.

## INISIATIF PENGUATKUASAAN

Memandangkan persekitaran ekonomi yang semakin tidak menentu, terdapat keperluan untuk rangka perundungan korporat yang dinamik dan moden seperti mana yang telah dicadangkan di bawah Rang Undang-undang Syarikat, untuk menggantikan Akta Syarikat 1965 sedia ada. Rang Undang-undang Syarikat ini berasal daripada inisiatif pembaharuan undang-undang penting yang akan meningkat dan merancakkan persekitaran perniagaan di Malaysia.

Dalam usaha menggalakkan integriti, ketelusan dan amalan perniagaan beretika dalam kalangan komuniti korporat di samping memupuk penghayatan program anti-rasuah, SSM telah menerbitkan sebuah Set Panduan “Daripada Ikrar kepada Amalan: Panduan Pelaksanaan Sistem Integriti Korporat Malaysia” yang memperkenalkan Nilai Rantaian CISM yang merangkumi rangka kerja komprehensif untuk syarikat dan perniagaan mencapai integriti korporat. Pekeliling Amalan Perniagaan Terbaik memperincikan setiap peringkat proses dengan penerangan dan panduan bagi syarikat-syarikat untuk menerima pakai sistem

secara keseluruhan. Lebih penting lagi, CISM bertujuan memupuk dan menggalakkan amalan tanggungjawab dan integriti untuk diterima pakai baik oleh sektor korporat mahupun usahawan kecil dan sederhana.

Usaha gigih SSM dalam memastikan pematuhan pada penyerahan mandatori penyata tahunan dan akaun kewangan yang telah diaudit telah menghasilkan pencapaian kadar pematuhan yang membanggakan sebanyak 92% bagi tahun 2014. Dalam usaha untuk memperkasakan tindakan penguatkuasaan, strategi penguatkuasaan SSM pada tahun 2015 akan memberi tumpuan pada pemantauan aktiviti perniagaan dengan entiti diperbadankan atau didaftarkan dengan SSM bagi memastikan mereka tidak terlibat dalam pengubahan wang haram dan aktiviti pengganas di Malaysia. Ke arah ini, SSM akan mempergiatkan inisiatif ‘penglibatan langsung pemegang kepentingan’ yang akan melibatkan setiausaha-setiausaha syarikat dan pengarah-pengarah syarikat untuk menggalakkan pematuhan pada Akta-Akta yang ditadbir oleh SSM serta menggalakkan tadbir urus korporat dengan tahap yang lebih tinggi dalam kalangan komuniti perniagaan.

SSM akan terus menganjurkan program-program *outreach* untuk membiasakan pihak berkepentingan dengan produk dan perkhidmatan yang ditawarkan oleh SSM. Program-program yang dianjurkan adalah saluran penting bagi SSM untuk memahami dan menangani isu-isu dan kebimbangan pihak-pihak berkepentingan. Program seperti ini akan membolehkan SSM untuk menerima maklum balas dari semasa ke semasa bagi meningkatkan kualiti perkhidmatan. SSM juga menganjurkan dialog tahunan dan Forum Amalan Perundingan Korporat (CPCF) dengan badan-badan yang ditetapkan, pemegang kepentingan dan organisasi profesional dengan tujuan memupuk persefahaman, mengemas kini ahli-ahlinya dengan produk baru SSM dan perkhidmatan, polisi, teknikal dan memupuk hubungan yang lebih dekat. Dialog-dialog dan program *outreach* juga akan menyediakan ruang untuk bertukar-tukar pemahaman serta pendapat dan menyebarkan maklumat untuk meningkatkan kecekapan keseluruhan SSM.

SSM akan melangkah ke hadapan dengan program transformasinya untuk membawa perubahan besar dalam keseluruhan sistem penyampaian, khususnya dalam tadbir urus korporat dan ketelusan ke arah mencapai visinya untuk menjadi pendaftar bertaraf dunia. Peranan dan fungsi SSM telah berkembang

daripada sebuah pendaftar syarikat dan perniagaan kepada sebuah badan kawal selia dan penguatkuasaan selaras dengan keperluan dan aspirasi pihak berkepentingan, komuniti perniagaan dan persekitaran korporat yang sentiasa berubah. SSM juga akan meningkatkan usaha untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif yang menjadikan Malaysia sebagai destinasi pilihan untuk perniagaan. SSM akan meneruskan inisiatif proaktif untuk memantapkan lagi matlamat rangka kerja korporat yang kondusif dan telus bagi membolehkan komuniti perniagaan untuk mewujudkan persekitaran perniagaan yang berdaya saing dan dinamik sejajar dengan pembangunan negara ke arah Wawasan 2020.



# PENYATA KAWALAN DALAMAN



# PENYATA ▶ KAWALAN DALAMAN

## PENGENALAN

Tadbir Urus Korporat telah menjadi satu fenomena utama dalam Sektor Korporat Global. Dalam ekonomi global, tiada negara yang mampu mengekalkan dan mengendalikan perniagaan dan pengurusan korporat secara berasingan. Desakan dari kebangkitan media sosial dan kuasa yang dibekalkan daripada pemerhati pelabur telah mendesak badan korporat dan pelabur dalam memastikan amalan terbaik dan prinsip tadbir urus dilaksanakan sepenuhnya dimana ketidakpatuhan ditekankan dan pelaburan akan disekat.

Fenomena ini memberi kesan kepada badan kawal selia seperti petikan dari bahasa Latin "*quis custodiet ipsos custodes?*" iaitu secara literal diterjemahkan kepada siapa yang memerhati pemerhati atau siapa yang mengawal pengawal. Penyelesaian ini sebahagiannya ditujukan kepada para pengawal selia untuk memelihara diri mereka dengan baik, dimana badan kawal selia yang mempunyai kawalan dan pematuhan yang teguh yang dibina didalam budaya sesebuah organisasi dengan garis laporan yang berbeza bagi memastikan pembahagian dan tanggungjawab yang betul.

Kegawatan kewangan di pasaran dunia baru-baru ini telah menunjukkan bahawa prinsip ini mengambil masa yang agak lama bagi membina kepercayaan tetapi sebaliknya ia mengambil masa yang amat singkat untuk hilang. Sebagai Pengawal selia, hilang kepercayaan terhadap keupayaannya boleh mengakibatkan kemasuhan kepada organisasi dan negara secara keseluruhannya. Penyelesaian yang dinyatakan di atas adalah sebahagian daripada kaedah untuk menyelesaikan persamaan pemantauan yang telus dan bersemangat oleh pihak berkepentingan bagi memastikan tadbir urus, kawalan dan akauntabiliti diamalkan oleh semua.

Di zaman berteknologi ini, pihak berkepentingan dan orang awam mudah memperolehi maklumat melalui laman sesawang dan media sosial, oleh yang demikian Pendaftar perlu berwaspada kerana segala tindakan dan amalan mereka sentiasa diperhatikan.

Keadaan ini sangat bersesuaian untuk perkembangan tadbir urus seperti yang dinyatakan sebelum ini, di mana ianya akan menggalakkan nilai teras seperti ketelusan, akauntabiliti, pengawasan dan integriti. Keadaan ini akan memastikan bahawa mekanisme kawalan dan rangka kerja yang kukuh telah sedia ada bagi nilai teras untuk bertapak.

Objektif utama kawalan dalam organisasi adalah seperti berikut:

- Bagi memasikan integriti yang berterusan dalam fungsi pendaftaran perniagaan dan pemerbadanan syarikat serta lain-lain aktiviti berkaitan yang dilaksanakan dan akan memberi jaminan kepada pihak yang berkepentingan dalam kesinambungan daya saing ekonomi Negara;
- Aktiviti-aktiviti penguatkuasaan dijalankan dengan mengambil kira undang-undang dan proses di mana organisasi menjalankan tugasnya untuk meyakinkan pihak-pihak berkepentingan bahawa bidang kuasa dan kuasa penguatkuasaan yang diamanahkan kepadanya oleh undang-undang diuruskan, dikawal dan dijalankan dengan teliti;
- Integriti maklumat korporat dan perniagaan sentiasa terpelihara di mana ianya boleh dipercayai oleh semua pihak yang berkepentingan tanpa sebarang persoalan;
- Sebagai pihak berkuasa yang bebas dan mempunyai sumber kewangan yang tersendiri, pengurusan dalaman dan operasinya diuruskan dengan cara menggabungkan prinsip-prinsip tadbir urus yang diharapkan oleh mereka yang dikawal selianya.

## TANGGUNG JAWAB BAGI PENGURUSAN RISIKO DAN KAWALAN DALAMAN

Anggota Suruhanjaya SSM bertanggungjawab dalam memastikan persekitaran terbaik dan kondusif di dalam organisasi bagi memastikan misi, matlamat dan

objektif SSM tercapai. Sistem kawalan pengurusan risiko dalaman telah dibangunkan oleh pihak pengurusan dengan kerjasama pemilik proses dari pelbagai bahagian di dalam organisasi. Setiap bahagian tersebut telah membangunkan pelbagai polisi dan prosedur berserta kawalan dalaman yang relevan dengan proses bagi kerja bagi menangani risiko-risiko yang berkaitan.

Pihak pengurusan bertangungjawab kepada Anggota Suruhanjaya dengan mewujudkan sistem kawalan dalaman yang efektif dan seterusnya menjadi asas serta mekanisme kawalan dan semakan yang kukuh di dalam organisasi untuk melindungi kepentingan SSM dan pihak-pihak berkepentingan. Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko (JAPR) bertangungjawab untuk menyemak penyata kewangan tahunan Suruhanjaya serta menyatakan pendapat ke atas kawalan dalaman sedia ada melalui aktiviti-aktiviti pengauditan yang dijalankan di mana iaanya telah dinyatakan dengan jelas di dalam piagam JAPR.

JAPR telah ditubuhkan oleh Anggota Suruhanjaya sebagai jawatankuasa utama yang berfungsi untuk mengkaji dan menilai semula kemampuan dan integriti kawalan dalaman serta fungsi pengurusan risiko di SSM secara berterusan. Perkara ini adalah selaras dengan peranan Anggota Suruhanjaya sebagai pengawal selia Suruhanjaya bagi pihak Negara. Anggota Suruhanjaya telah memilih di kalangan ahli-ahlinya sebagai anggota JAPR dan melantik salah seorang daripada kalangan mereka sebagai Pengurus. Tugas JAPR adalah untuk memantau aktiviti-aktiviti Audit Dalam dan fungsi pengurusan risiko di dalam SSM.

## PENGURUSAN RISIKO

Pengurusan risiko adalah satu proses pencegahan melalui pemerhatian dan laporan di mana kaedah ini dapat mencegah sesuatu peristiwa yang tidak diingini daripada berlaku atau kesannya dapat dikurangkan ke tahap yang paling minima. Kami berkeyakinan bahawa risiko sememangnya tidak boleh dihapuskan sama sekali tetapi ia boleh diuruskan. Antara pendekatan pengurusan risiko yang dialplikasikan adalah seperti penyeliaan berasaskan risiko, penguatkuasaan strategik, kajian ke atas undang-undang produk serta membangunkan pelan pemulihan bencana teknologi maklumat.

Objektif bagi pengurusan risiko adalah seperti berikut:

- Memberi jaminan bahawa kita sentiasa mengenal pasti dan mengurus risiko SSM dalam semua aspek secara berterusan;
- Kesedaran mengenai kepentingan untuk menguruskan risiko dapat mempertingkatkan proses membuat keputusan oleh Anggota Suruhanjaya dan pihak pengurusan;
- Penglibatan audit dalam setiap proses penilaian dan keputusan tender dapat menggalakkan ketelusan serta tadbir urus korporat yang baik;
- Memudahkan perkongsian maklumat dan penyelaras kerja, serta dapat mempertingkatkan tahap kecekapan penggunaan sumber dan mengelakkan pertindihan kerja; dan
- Menyediakan kaedah penilaian risiko yang bersesuaian serta menilai sama ada isu-isu yang dibangkitkan boleh diterima atau perlu ditolak.

Dengan adanya proses perancangan dan pengurusan risiko, Seksyen Audit Dalam sentiasa memastikan objektif audit, strategi serta program yang dirancang selari dengan risiko-risiko yang berkaitan dengan persekitaran SSM; mengambil kira tanggungjawab SSM terhadap sektor korporat dan perniagaan dan isu-isu berkaitan sumber dan operasi SSM sebagai badan penguatkuasaan dan pendaftaran. Selain itu, kami juga menilai kecekapan proses kerja, manual prosedur kerja, sistem kawalan dalaman organisasi (sistem dan operasi) serta amalan tadbir urus dalam menangani risiko ke tahap paling minimum bagi mencapai matlamat, objektif dan misi SSM.

Pendekatan menangani risiko dilaksanakan dengan mengambil kira keseluruhan aspek berkaitan di mana setiap Bahagian sebagai pemilik proses perlu mengenal pasti dan menilai risiko yang boleh mempengaruhi organisasi selaras dengan peranan SSM selaku badan kawal selia bebas persekutuan yang mempunyai kuasa autonomi mentadbir dan menguatkuasakan undang-undang syarikat dan perniagaan serta sebagai pemegang amanah dokumen berkanun syarikat. Ini dapat dicapai melalui pembangunan profil risiko keseluruhan organisasi yang disediakan oleh Unit Pengurusan Risiko (UPR). Proses ini sentiasa dipantau oleh pihak pengurusan dengan bantuan UPR. Seksyen Audit Dalam juga akan

mengambil kira risiko-risiko tersebut dalam kerja-kerja pengauditan yang dijalankan serta ketika membuat perancangan audit. Sekiranya terdapat penemuan risiko baru semasa pengauditan dijalankan, ia akan dimaklumkan bagi mengemas kini profil risiko sedia ada serta memastikan langkah-langkah pencegahan diambil bagi mengurangkan risiko.

Pada tahun 2014, Unit Pengurusan Risiko (UPR) telah melaksanakan proses berikut:

- Profil Risiko yang lengkap bagi proses Pendaftaran Perniagaan SSM.
- Proses Penilaian Risiko Penguatkuasaan merangkumi Bahagian Pematuhan dan Bahagian Siasatan telah dilakukan sebagai maklum balas penemuan-penemuan di dalam Laporan Audit Negara pada tahun 2011 dan profil lengkap risiko bermula pada tahun 2014.
- Profil risiko bagi proses Pemerbadanan Syarikat dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan sedang dijalankan.

## AUDIT DALAM

Bagi memastikan sistem kawalan dalaman beroperasi sebagaimana yang disasarkan, proses pengauditan yang dilaksanakan oleh Seksyen Audit Dalam adalah bebas daripada pengaruh dan kawalan pihak pengurusan serta operasi, seterusnya memastikan tahap dan integriti sistem kawalan dalaman terjamin. Bagi memelihara kebebasan dan objektif pengauditan, Ketua Seksyen Audit Dalam melaporkan secara pentadbiran kepada Ketua Pegawai Eksekutif manakala fungsinya kepada JAPR. Penempatan dan pertukaran pegawai dan staf di Seksyen Audit Dalam hanya dilakukan setelah mendapat kelulusan JAPR.

Proses pengauditan yang akan dilaksanakan oleh Seksyen Audit Dalam adalah berdasarkan kepada perancangan tahunan yang telah disemak dan diluluskan oleh JAPR.

Setelah selesai proses pengauditan, mesyuarat dengan pihak yang diaudit akan diadakan untuk memastikan kefahaman yang jelas tentang tindakan yang seharusnya diambil. Seterusnya laporan-laporan audit yang mengandungi maklum balas daripada bahagian yang diaudit, akan dibentangkan kepada pihak pengurusan untuk diulas dan dibincangkan. Sebelum mesyuarat JAPR, satu perbincangan awal

diadakan dengan pihak pengurusan kanan untuk membincangkan tindakan-tindakan pembetulan yang telah diambil berhubung penemuan audit kepada ahli-ahli JAPR.

Melalui mesyuarat yang diadakan secara berkala oleh JAPR, penemuan-penemuan audit akan dibentangkan dan sekiranya perlu, ia juga akan dibentangkan kepada Anggota Suruhanjaya untuk perbincangan lanjut dan pihak pengurusan pula perlu mengemukakan pelan rektifikasi.

Pada tahun 2014, Seksyen Audit Dalam telah melaksanakan pemeriksaan dalam bidang-bidang berikut:

- Kesemua pejabat-pejabat Negeri dan Cawangan SSM yang meliputi aspek operasi, penguatkuasaan dan pentadbiran.
- Semakan ke atas proses maklumat korporat (dengan mengambil kira fungsi SSM sebagai pengawal selia korporat) yang berkaitan dengan maklumat korporat dan perniagaan bersama-sama dengan imej yang menyokong maklumat korporat dan proses kerja serta kawalan dalaman yang berkaitan.
- Semakan ke atas fungsi beberapa Bahagian di Pejabat Penguatkuasaan.
- Semakan ke atas fungsi dan operasi di Bahagian Teknologi Maklumat dan Komunikasi dan aktiviti-aktiviti yang berkaitan.
- Semakan ke atas aspek-aspek pentadbiran, kewangan dan fungsi pengurusan sumber manusia di dalam organisasi.

## FUNGSI KAWALAN DALAMAN

Elemen-elemen utama fungsi kawalan SSM adalah seperti berikut:

- Mewujudkan satu struktur pelaporan organisasi yang jelas dengan penetapan garis panduan oleh pihak pengurusan atasan.
- Satu dasar latihan yang konsisten dan mewujudkan perancangan penggantian bagi memastikan kesinambungan peranan dalam membuat keputusan kritis.



- Mengemas kini Penilaian Penunjuk Prestasi Tahunan (KPI) dan Sasaran Prestasi Utama (KPT) secara berterusan dan menyemak semula polisi dan prosedur bagi mencapai objektif, visi dan misi organisasi.
  - Menilai semula sistem kawalan dan prosedur secara efektif dan berterusan.
  - Perubahan paradigma dalam proses dan prosedur bekerja, di mana bengkel telah dianjurkan di tahap fungsi kerja bertujuan untuk memikirkan semula kaedah dan proses kerja semasa, dan menerima pakai pendekatan proses yang berbeza tetapi dengan matlamat akhir yang sama iaitu sebagai persediaan kepada Program Transformasi SSM (OTP) dan pindaan menyeluruh kepada Akta Syarikat 1965 yang dijadualkan untuk pembentangan pada tahun 2015.
  - Seksyen Integriti berperanan memantau kelakuan, salah laku dan integriti staf SSM.
  - Proses pengambilan cuti, tuntutan dan pembayaran pendahuluan melalui sistem berkomputer dilihat sebagai berisiko tinggi dan terdedah kepada penyalahgunaan. Pegawai yang meluluskan akan diberi akses meluluskan tuntutan berdasarkan rekod dan dokumen sokongan yang dimuat turun melalui sistem.
  - Setiap pekerja diminta mengisyiharkan semua kepentingan atau hubungan yang boleh mengaitkan atau meletakkan mereka dalam kedudukan mempengaruhi sebarang keputusan yang dibuat.
  - Polisi dan prosedur dalam proses perolehan telah menetapkan dua jawatankuasa berbeza iaitu komersil dan teknikal di mana kedua-dua jawatankuasa ini memainkan peranan berbeza dalam menilai sesuatu tender. Setiap penilaian yang dibuat oleh kedua-dua jawatankuasa ini akan dinilai dan dipertimbangkan oleh Jawatankuasa Perolehan.
  - Penglibatan juruaudit dalam sebagai pemerhati bebas di semua peringkat proses perolehan melalui kaedah tender adalah bertujuan menggalakkan ketelusan dan akauntabiliti.
  - Dasar Keselamatan ICT SSM telah diperkenalkan untuk memastikan perlindungan yang berkesan dan penggunaan komputer SSM secara betul. Polisi ini merupakan garis panduan yang lengkap dan membantu meningkatkan disiplin serta memberi rujukan jelas bagi staf Bahagian Pengurusan IT dalam menjalankan tugasannya mereka.
  - Polisi Kawalan Capaian membenarkan pegawai yang berkuasa melihat tahap akses setiap staf bagi tujuan memantau tahap capaian yang dibenarkan mengikut skop kerja bagi setiap staf tersebut.
  - Pihak berkuasa berkaitan klasifikasi dokumen dibolehkan untuk memilih individu untuk mengklasifikasikan dokumen-dokumen tertentu dan seterusnya mengendalikan prosedur berkaitan pengurusan dan pengendalian dokumen.
  - Pekeling, memo, manual dan prosedur yang disediakan secara dalam talian membolehkan staf mendapatkannya secara mudah dan ini merupakan usaha untuk menggalakkan kesedaran dan pematuhan di kalangan staf SSM.
  - Penguatkuasaan rasmi Dasar Pemberi Maklumat Dalaman berdasarkan peruntukan Akta Pemberi Maklumat 2010 bersama-sama dengan garis panduan jawatankuasa bagi pelaksanaannya bertujuan untuk memastikan kewujudan mekanisme kawal selia dalam organisasi yang bebas dan berkecuali daripada sebarang gangguan di mana pemberi maklumat mempunyai kebebasan untuk melaporkan kepada mana-mana agensi yang mempunyai kuasa penguatkuasaan ke atas sebarang salah laku di dalam SSM yang dilakukan oleh mana-mana pekerja tanpa mengira pangkat.
- Penyataan ini telah dibentangkan di dalam mesyuarat Jawatankuasa Audit dan Pengurusan Risiko yang telah diadakan pada 1 April 2015, dan telah diluluskan untuk dibentangkan di dalam Mesyuarat Anggota Suruhanjaya pada 8 April 2015. Semasa mesyuarat tersebut, penyataan ini telah dibentang dan diluluskan dengan sewajarnya tanpa apa-apa pindaan.



## PENYATA KEWANGAN



**LAPORAN KETUA AUDIT NEGARA  
MENGENAI PENYATA KEWANGAN  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA  
BAGI TAHUN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014**

**Laporan Mengenai Penyata Kewangan**

Penyata Kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia telah diaudit oleh wakil saya yang merangkumi Lembaran Imbangan pada 31 Disember 2014 dan Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Dalam Ekuiti serta Penyata Aliran Tunai bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut, ringkasan polisi perakaunan yang signifikan dan nota penjelasan lain.

*Tanggungjawab Anggota Suruhanjaya Terhadap Penyata Kewangan*

Anggota Suruhanjaya bertanggungjawab terhadap penyediaan dan persembahan penyata kewangan tersebut yang saksama selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia dan Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Anggota Suruhanjaya juga bertanggungjawab terhadap kawalan dalaman yang ditetapkan perlu oleh pengurusan bagi membolehkan penyediaan penyata kewangan yang bebas daripada salah nyata yang ketara sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan.

*Tanggungjawab Juruaudit*

Tanggungjawab saya adalah memberi pendapat terhadap penyata kewangan tersebut berdasarkan pengauditan yang dijalankan. Pengauditan telah dilaksanakan mengikut Akta Audit 1957 dan piawaian pengauditan yang diluluskan di Malaysia. Piawaian tersebut menghendaki saya mematuhi keperluan etika serta merancang dan melaksanakan pengauditan untuk memperoleh jaminan yang munasabah sama ada penyata kewangan tersebut bebas daripada salah nyata yang ketara.

Pengauditan meliputi pelaksanaan prosedur untuk memperoleh bukti audit mengenai amaun dan pendedahan dalam penyata kewangan. Prosedur yang dipilih bergantung kepada pertimbangan juruaudit, termasuk penilaian risiko salah nyata yang ketara pada penyata kewangan sama ada disebabkan oleh fraud atau kesilapan. Dalam membuat penilaian risiko tersebut, juruaudit mempertimbangkan kawalan dalaman yang bersesuaian dengan entiti dalam penyediaan dan persembahan penyata kewangan yang memberi gambaran yang benar dan saksama bagi tujuan merangka prosedur pengauditan yang bersesuaian tetapi bukan untuk menyatakan pendapat mengenai keberkesanan kawalan dalaman entiti tersebut. Pengauditan juga termasuk menilai kesesuaian polisi perakaunan yang diguna pakai dan kemunasabahan anggaran perakaunan yang dibuat oleh pengurusan serta persembahan penyata kewangan secara menyeluruh.

Saya percaya bahawa bukti audit yang saya peroleh adalah mencukupi dan bersesuaian untuk dijadikan asas bagi pendapat audit saya.

*Pendapat*

Pada pendapat saya, penyata kewangan ini memberikan gambaran yang benar dan saksama mengenai kedudukan kewangan Suruhanjaya Syarikat Malaysia pada 31 Disember 2014 dan prestasi kewangan serta aliran tunainya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut selaras dengan piawaian pelaporan kewangan yang diluluskan di Malaysia.

(SWAIBATUL ASLAMIAH BT HAJI HUSAIN)  
b.p. KETUA AUDIT NEGARA  
MALAYSIA

PUTRAJAYA  
27 OGOS 2015



**PENYATA PENGURUSI DAN SEORANG ANGGOTA  
SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**

Kami, **DATO' SRI ALIAS BIN HJ. AHMAD** dan **PROF. DATO' DR AISHAH BINTI BIDIN**, yang merupakan Pengurus dan salah seorang Anggota **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ini menyatakan bahawa, pada pendapat Anggota, Penyata Kewangan yang mengandungi Lembaran Imbang, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya, adalah disediakan untuk menunjukkan pandangan yang benar dan saksama berkenaan kedudukan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA** pada 31 Disember 2014 dan hasil kendaliannya serta perubahan kedudukan kewangannya bagi tahun berakhir pada tarikh tersebut.

Bagi pihak Suruhanjaya,

Bagi pihak Suruhanjaya,




NAMA:	<b>DATO' SRI ALIAS BIN HJ. AHMAD</b>	NAMA:	<b>PROF. DATO' DR AISHAH BINTI BIDIN</b>
GELARAN:	<b>PENGURUSI SURUHANJAYA</b>	GELARAN:	<b>ANGGOTA SURUHANJAYA</b>
TARIKH:	<b>24 AUG 2015</b>	TARIKH:	<b>24 AUG 2015</b>
TEMPAT:	<b>KUALA LUMPUR</b>	TEMPAT:	<b>KUALA LUMPUR</b>

**PERAKUAN OLEH PEGAWAI UTAMA YANG BERTANGGUNGJAWAB  
KE ATAS PENGURUSAN KEWANGAN SURUHANJAYA SYARIKAT  
MALAYSIA**

Saya, **DATO' ZAHRAH BT ABD. WAHAB FENNER**, pegawai utama yang bertanggungjawab ke atas pengurusan kewangan dan rekod-rekod perakaunan **SURUHANJAYA SYARIKAT MALAYSIA**, dengan ikhlasnya mengakui bahawa Lembaran Imbang, Penyata Pendapatan, Penyata Perubahan Ekuiti dan Penyata Aliran Tunai dalam kedudukan kewangan yang berikut ini beserta dengan nota-nota kepada Penyata Kewangan di dalamnya mengikut sebaik-baik pengetahuan dan kepercayaan saya, adalah betul dan saya membuat ikrar ini dengan sebenarnya mempercayai bahawa ia adalah benar dan atas kehendak Akta Akuan Berkanun, 1960.

Sebenarnya dan sesungguhnya )  
diakui oleh penama di atas di )  
Kuala Lumpur pada 20 AUG 2015 )




Di hadapan saya,  
No: W465  
Nama: KAPT. JASNI BIN YUSOFF  
(BERSARA)  
PESURUHJAYA SUMPAH  
Lot 1.08, Tingkat 1,  
Bangunan KWSP, Jln Raja Laut,  
50350 Kuala Lumpur.  
Tel: 019-6680745

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
<b>Aset Bukan Semasa</b>			
Harta, kelengkapan dan peralatan	3	130,836,560	146,866,682
Pelaburan jangka panjang	4	175,255,283	100,979,771
Kerja dalam kemajuan	5	4,837,455	1,981,638
Pembentukan pekerja	6	56,816,418	52,468,835
		<b>367,745,716</b>	<b>302,296,926</b>
<b>Aset Semasa</b>			
Penghutang perdagangan	7	1,736,102	1,114,708
Penghutang lain, deposit dan pra bayar	8	12,753,895	9,687,171
Pembentukan pekerja	6	4,406,510	4,020,117
Pelaburan jangka pendek	9	272,124,690	249,806,526
Inventori	10	289,540	2,255,200
Tunai dan kesetaraan tunai	11	283,043,629	226,696,290
		<b>574,354,366</b>	<b>493,580,012</b>
<b>JUMLAH ASET</b>		<b>942,100,082</b>	<b>795,876,938</b>

Nota-nota di muka surat 121 hingga 141 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## LEMBARAN IMBANGAN PADA 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
<b>EKUITI DAN LIABILITI</b>			
<b>Ekuiti</b>			
Geran Kerajaan	12	6,707,876	11,819,069
Lebihan terkumpul		478,573,917	491,307,518
Dana pembentukan pekerja	13	91,000,000	76,000,000
		<b>576,281,793</b>	<b>579,126,587</b>
<b>Liabiliti Bukan Semasa</b>			
Peruntukan Faedah Pekerja	14	434,879	513,499
		<b>434,879</b>	<b>513,499</b>
<b>Liabiliti Semasa</b>			
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	338,400,226	204,449,317
Pembiayaan projek jangka pendek	16	24,141,215	11,787,535
Pembiayaan pekerja	17	2,841,969	-
		<b>365,383,410</b>	<b>216,236,852</b>
<b>Jumlah Liabiliti</b>		<b>365,818,289</b>	<b>216,750,351</b>
<b>JUMLAH EKUITI DAN LIABILITI</b>		<b>942,100,082</b>	<b>795,876,938</b>

Nota-nota di muka surat 121 hingga 141 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



## PENYATA PENDAPATAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Nota	2014 RM	2013 RM
Pendapatan	18	345,514,451	331,600,964
Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	15	(172,757,226)	(133,453,391)
		<b>172,757,225</b>	<b>198,147,573</b>
<b>Perbelanjaan Operasi</b>			
Kos pekerja	19	96,483,493	93,320,612
Kos pentadbiran	20	59,150,764	59,860,939
Susutnilai	3	18,836,777	21,169,023
Pelunasan ke atas geran yang diterima dan pelaburan jangka panjang		(3,980,208)	(5,627,679)
		<b>170,490,826</b>	<b>168,722,895</b>
Lebihan sebelum cukai	21	2,266,399	29,424,678
Cukai	22	-	(2,796,000)
<b>Lebihan selepas cukai</b>		<b>2,266,399</b>	<b>32,220,678</b>

Nota-nota di muka surat 121 hingga 141 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

## PENYATA PERUBAHAN EKUITI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	Geran Kerajaan RM	Lebihan Terkumpul RM	Dana Pembentukan Pekerja RM	Jumlah RM
<b>Baki pada 1 Januari 2013</b>	17,930,261	459,086,839	76,000,000	<b>553,017,100</b>
Lebihan bersih tidak diambil kira dalam penyata pendapatan				
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(6,111,192)	-	-	(6,111,192)
	(6,111,192)	-	-	(6,111,192)
Geran Kerajaan yang diterima dalam tahun semasa	-	-	-	-
Lebihan selepas cukai	-	32,220,679	-	32,220,679
<b>Baki pada 31 Disember 2013</b>	<b>11,819,069</b>	<b>491,307,518</b>	<b>76,000,000</b>	<b>579,126,587</b>
Lebihan bersih tidak diambil kira dalam penyata pendapatan				
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(5,111,193)	-	-	(5,111,193)
	(5,111,193)	-	-	(5,111,193)
Tambahan dana pembentukan pekerja	-	(15,000,000)	15,000,000	-
Lebihan selepas cukai	-	2,266,399	-	2,266,399
<b>Baki pada 31 Disember 2014</b>	<b>6,707,876</b>	<b>478,573,917</b>	<b>91,000,000</b>	<b>576,281,793</b>

Nota-nota di muka surat 121 hingga 141 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
<b>Aktiviti Kendalian</b>		
Lebihan sebelum cukai	2,266,399	29,424,678
Pelarasan bagi:		
Susutnilai	18,836,777	21,169,023
Pelunasan ke atas geran yang diterima	(5,111,193)	(6,111,192)
Pelunasan ke atas pelaburan jangka panjang	1,130,985	483,513
(Keuntungan)/Kerugian dari pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	16,650	(315,082)
Keuntungan dan dividen daripada pelaburan	(22,875,146)	(21,422,531)
<b>Keuntungan operasi sebelum perubahan modal kerja</b>	<b>(5,735,528)</b>	<b>23,228,409</b>
(Pertambahan)/Pengurangan inventori	1,965,660	(1,058,520)
(Pertambahan)/Pengurangan penghutang perdagangan	(621,394)	19,355
(Pertambahan)/Pengurangan penghutang lain, deposit dan prabayar	(3,066,724)	(3,160,602)
Pertambahan/(Pengurangan) Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan	133,950,909	26,935,024
Pertambahan/(Pengurangan) pembiayaan	12,353,680	(1,743,726)
(Pertambahan)/Pengurangan pembiayaan kerja dalam kemajuan	2,841,969	-
Pertambahan/(Pengurangan) peruntukan faedah pekerja	(78,620)	(20,911)
<b>Tunai bersih dari aktiviti kendalian</b>	<b>141,609,952</b>	<b>44,199,029</b>

## PENYATA ALIRAN TUNAI BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

	2014 RM	2013 RM
<b>Tunai dari aktiviti pelaburan</b>		
Pemerolehan harta kelengkapan dan peralatan	(2,826,603)	(5,357,039)
Terimaan daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan	3,298	315,373
Kerja dalam kemajuan	(2,855,817)	1,008,676
Peletakan dalam pelaburan	(97,724,661)	(151,832,487)
Terimaan keuntungan dan dividen	22,875,146	21,422,531
Pembentangan pekerja	(9,869,278)	(10,474,291)
Bayaran balik pembentangan	5,135,302	4,448,037
<b>Tunai bersih dari/ (untuk) aktiviti pelaburan</b>	<b>(85,262,613)</b>	<b>(140,469,200)</b>
<b>Tunai dari aktiviti kewangan</b>		
<b>Tunai bersih dari/ (untuk) aktiviti kewangan</b>	<b>-</b>	<b>-</b>
<b>(Pengurangan)/Pertambahan tunai dan kesetaraan tunai</b>	<b>56,347,339</b>	<b>(96,270,171)</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada awal tahun</b>	<b>226,696,290</b>	<b>322,966,461</b>
<b>Tunai dan kesetaraan tunai pada akhir tahun</b>	<b>283,043,629</b>	<b>226,696,290</b>

Nota-nota di muka surat 121 hingga 141 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.

Nota-nota di muka surat 121 hingga 141 merupakan sebahagian daripada penyata kewangan ini.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 1. AKTIVITI UTAMA

Suruhanjaya Syarikat Malaysia (Suruhanjaya) adalah merupakan sebuah badan berkanun yang ditubuhkan di bawah Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614). Aktiviti utama Suruhanjaya adalah pengawal selia perbadanan, syarikat dan perniagaan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956, Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012, Akta Syarikat Amanah 1949, Akta (Larangan) Kumpulan Wang Kootu 1971 dan mana-mana perundangan subsidiari yang dibuat di bawah Akta-Akta yang disebut di atas.

Tiada perubahan yang signifikan terhadap aktiviti utama dalam tahun semasa.

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN

Polisi perakaunan yang dinyatakan di bawah telah diguna pakai secara konsisten oleh Suruhanjaya pada semua tahun terdahulu yang dibentangkan dalam penyata kewangan ini, melainkan jika dinyatakan sebaliknya.

#### (a) Asas Penyediaan

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut piawaian perakaunan yang diluluskan oleh Lembaga Piawaian Perakaunan Malaysia (MASB) untuk entiti persendirian (Piawaian Pelaporan Entiti Persendirian).

Penyata kewangan Suruhanjaya telah disediakan mengikut asas kos sejarah, kecuali yang didedahkan dalam ringkasan polisi perakaunan yang signifikan.

Penyediaan penyata kewangan memerlukan pengurusan untuk membuat pertimbangan, anggaran dan andaian yang mempengaruhi pemakaian polisi perakaunan dan laporan amanu asset, liabiliti, pendapatan dan perbelanjaan. Walaupun pertimbangan, anggaran dan andaian adalah berdasarkan kepada pengetahuan dan tindakan semasa yang terbaik, keputusan sebenar mungkin berbeza.

Anggaran dan andaian disemak atas dasar berterusan. Semakan anggaran perakaunan diiktiraf dalam tempoh di mana anggaran disemak dan dalam mana-mana tempoh hadapan yang berkenaan.

#### (b) Peletakhakan Aset, Hak dan Liabiliti

Ini merupakan aset, hak dan liabiliti Kerajaan Malaysia yang dipindahkan kepada dan dipeletakhakan dalam Suruhanjaya. Ianya dinyatakan selepas mengambilkira semua perbelanjaan terus dan susutnilai aset yang dipeletakhakan.

Peletakhakan aset, hak dan liabiliti dinyatakan pada nilai saksama dan diiktiraf dalam lembaran imbalan berdasarkan kepada tarikh peletakhakan.

Peletakhakan aset bukan tunai dilunaskan berdasarkan kepada anggaran hayat penggunaannya. Manfaat ini dinyatakan sebagai pelunasan ke atas geran yang diterima dalam penyata perubahan ekuiti.

#### (c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan

Harta, kelengkapan dan peralatan dinyatakan pada kos sejarah setelah ditolak susutnilai terkumpul dan kerugian kemerosotan. Kos adalah termasuk perbelanjaan yang berkaitan terus dengan perolehan sesuatu aset berkenaan. Kos berikutnya diambil kira dalam jumlah bawaan aset atau diiktiraf sebagai aset berasingan, yang mana berkenaan, jika manfaat ekonomi masa hadapan berkaitan item berkenaan berkemungkinan akan mengalir kepada Suruhanjaya dan kos berkenaan boleh diukur dengan pasti.

Harta, kelengkapan dan peralatan disusutnilaikan mengikut kaedah garis lurus untuk menghapus kira kos sesuatu aset, atau amanu nilai semula, kepada nilai baki ke atas anggaran tempoh hayat kegunaan. Kadar susutnilai tahunan yang diguna pakai telah diringkaskan seperti berikut:

Bangunan	2%	Peralatan Pejabat, Perabot dan kelengkapan	20%
Peralatan Bangunan	20%	Ubahsuai	20%-33½%
Kenderaan Bermotor	20%		
Perisian dan Perkakasan Komputer	20%-33½%		

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

#### (c) Harta, Kelengkapan dan Peralatan (sambungan)

Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan dalam pembinaan akan bermula apabila harta, kelengkapan dan peralatan berkenaan diserahkan dan sedia untuk kegunaan yang dimaksudkan. Susutnilai ke atas harta, kelengkapan dan peralatan yang tidak diiktiraf akan dihentikan dan diklasifikasi sebagai harta untuk jualan. Nilai baki dan tempoh jangka hayat kegunaan harta, kelengkapan dan peralatan akan dikaji dan diselaraskan, jika perlu, pada tarikh pelaporan.

Pada setiap tarikh pelaporan, Suruhanjaya akan menilai sama ada terdapat sebarang petanda kemerosotan. Sekiranya petanda berkenaan wujud, satu analisa akan dilaksanakan untuk menilai sama ada amanu bawaan aset boleh diperolehi semula sepenuhnya. Penurunan nilai dilakukan jika amanu bawaan melebihi amanu boleh pulih. Sila rujuk Nota 2(d) polisi perakaunan mengenai kemerosotan aset.

Keuntungan atau kerugian daripada pelupusan harta, kelengkapan dan peralatan adalah perbezaan antara hasil pelupusan bersih dan amanu bawaan bagi harta, kelengkapan dan peralatan, dan didekahkan dalam penyata pendapatan.

#### (d) Kemerosotan Aset

Nilai bawaan harta, kelengkapan dan peralatan disemak semula untuk menentukan sama ada terdapatnya sebarang petunjuk kemerosotan. Kemerosotan diukur dengan membandingkan nilai bawaan aset dengan jumlah boleh diperolehi semula. Kerugian kemerosotan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

Peningkatan jumlah boleh diperolehi semula aset yang berikutnya dianggap sebagai penerbalikan kerugian kemerosotan sebelum ini dan diiktiraf sehingga tahap nilai bawaan aset yang akan ditentukan (bersih daripada pelunasan dan susutnilai) sekiranya tiada kerugian kemerosotan diiktiraf. Penerbalikan diiktiraf dalam penyata pendapatan dengan serta merta.

#### (e) Pelaburan Jangka Panjang

Pelaburan jangka panjang dinyatakan pada kos dan dipegang sehingga matang. Peruntukan pengurangan nilai dibuat apabila wujudnya pengurangan yang kekal.

#### (f) Kerja Dalam Kemajuan

Kerja dalam kemajuan dinyatakan pada kos dan dipermodalkan sebagai harta, kelengkapan dan peralatan setelah sijil akuan siap atau sijil akuan penerimaan diterima oleh Suruhanjaya.

#### (g) Pembiayaan Pekerja

Pembiayaan pekerja dinyatakan pada kos ditolak peruntukan hutang lapuk dan hutang ragu.

#### (h) Penghutang Perdagangan

Penghutang perdagangan dinyatakan pada amanu invois ditolak peruntukan hutang ragu. Peruntukan ini dibuat apabila terdapat bukti bahawa Suruhanjaya tidak dapat mengutip amanu berkenaan berdasarkan kepada terma asal penghutang.

#### (i) Inventori

Inventori dinyatakan pada kos berdasarkan kepada nilai yang diinvois oleh pembekal.

#### (j) Tunai dan Kesetaraan Tunai

Untuk tujuan penyata aliran tunai, tunai dan kesetaraan tunai adalah terdiri daripada tunai dalam tangan, deposit panggilan dengan bank, lain-lain jangka pendek dan pelaburan berkecairan tinggi dengan tempoh kematangan asal sehingga setahun.

#### (k) Geran Kerajaan

Geran Kerajaan diiktiraf pada nilai saksama apabila terdapat keyakinan munasabah bahawa geran tersebut akan diterima dan kesemua syarat yang ditetapkan akan dipatuhi oleh Suruhanjaya.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

#### (k) Geran Kerajaan (sambungan)

Geran kerajaan yang dikaitkan dengan perbelanjaan diiktiraf sebagai pendapatan dalam penyata pendapatan berdasarkan kepada pendekatan yang sistematik ke atas tempoh yang diperlukan untuk memadankan geran tersebut dengan perbelanjaan yang dimaksudkan. Geran kerajaan yang dikaitkan dengan pembelian aset dimasukkan sebagai pendapatan tertunda pada nilai saksama dan diiktiraf dalam penyata pendapatan berdasarkan jangka hayat aset berkenaan melalui amaun ansuran yang bersamaan.

#### (l) Faedah Pekerja

##### *Faedah Pekerja Jangka Pendek*

Gaji, cuti tahunan dan cuti sakit berbayar, bonus dan faedah bukan kewangan diiktiraf sebagai perbelanjaan dalam tempoh di mana perkhidmatan berkaitan diberikan oleh pekerja Suruhanjaya.

##### *Pelan Caruman Wajib*

Suruhanjaya mencarum kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) untuk pekerja yang memilih skim KWSP dan Kumpulan Wang Persaraan (Diperbadankan) (KWAP) untuk pekerja yang memilih skim pencen Kerajaan. Caruman ini diambil kira dalam penyata pendapatan dalam tempoh di mana ia berkait. Setelah caruman dibayar, Suruhanjaya tidak mempunyai kewajipan pembayaran selanjutnya.

##### *Faedah Pekerja Jangka Panjang*

Pembayaran faedah pekerja jangka panjang selepas persaraan dan/atau setelah tamat tempoh perkhidmatan kontraknya akan diiktiraf dalam penyata pendapatan tahun semasa sebagai faedah pekerja, manakala dalam lembaran imbangannya, amaun ini diiktiraf sebagai liabiliti yang dikenali sebagai Peruntukan Faedah Pekerja.

Jenis-jenis faedah pekerja jangka panjang yang diiktiraf adalah seperti berikut :

- (i) bayaran gantian cuti rehat dalam bentuk tunai; dan
- (ii) bayaran gratuity kepada pekerja kontrak yang tamat tempoh perkhidmatan.

Kaedah pengiraan tunai boleh bayar untuk gantian cuti rehat kepada pekerja yang bersara dan pengiraan gratuity boleh bayar kepada pekerja kontrak yang tamat tempoh perkhidmatannya adalah berdasarkan kepada maklumat sebenar sedia ada pada tarikh lembaran imbangannya dan kelayakan berdasarkan kepada terma dan syarat perkhidmatan Suruhanjaya. Kadar gaji semasa digunakan untuk pengiraan liabiliti ini.

#### (m) Caruman kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan

Caruman kepada Kumpulan Wang Disatukan Persekutuan mewakili lima puluh peratus (50%) daripada jumlah hasil diterima sebagaimana yang ditetapkan di bawah seksyen 35(1) Akta Suruhanjaya Syarikat Malaysia 2001 (Akta 614).

Pengiraan amaun caruman boleh bayar kepada Kerajaan adalah berdasarkan kepada jumlah kasar hasil yang diterima dalam sesuatu tahun dan ditolak peruntukan hutang rugu. Caruman ini diakrukan dalam tahun di mana pendapatan diiktiraf.

#### (n) Pembiutang Lain

Pembiutang lain dinyatakan pada nilai nominal yang merupakan nilai saksama pertimbangan yang perlu dibayar dalam tempoh hadapan untuk barang dan perkhidmatan yang diterima.

#### (o) Cukai

Cukai pendapatan ke atas lebihan atau defisit bagi tahun kewangan terdiri daripada cukai semasa dan cukai tertunda. Cukai semasa merupakan amaun cukai pendapatan yang dijangka perlu dibayar ke atas lebihan bercukai bagi tahun semasa dan dikira mengikut kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangannya.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

#### (o) Cukai (sambungan)

Cukai tertunda diperuntukkan mengikut kaedah liabiliti, ke atas perbezaan sementara yang timbul antara asas cukai aset dan liabiliti dan nilai bawaannya dalam penyata kewangan. Pada prinsipnya, liabiliti cukai tertunda diiktiraf bagi semua perbezaan sementara bercukai dan aset cukai tertunda diiktiraf bagi semua potongan perbezaan sementara bercukai, setakat mana terdapatnya kemungkinan keuntungan bercukai masa hadapan yang ada boleh digunakan terhadap potongan perbezaan sementara. Cukai tertunda dikira pada kadar cukai yang dikuatkuasakan pada tarikh lembaran imbangannya.

#### (p) Peruntukan

Peruntukan diiktiraf apabila Suruhanjaya mempunyai obligasi perundangan atau konstruktif semasa hasil daripada peristiwa terdahulu yang berkemungkinan akan memerlukan aliran keluar sumber untuk menjelaskan obligasi tersebut, dan apabila anggaran berhubung jumlah tersebut boleh dibuat. Jika Suruhanjaya menjangka sesuatu peruntukan akan dibayar balik (contohnya, di bawah kontrak insurans), pembayaran balik tersebut diiktiraf sebagai aset yang berasingan tetapi hanya apabila pembayaran balik tersebut benar-benar boleh dipastikan. Peruntukan tidak diiktiraf untuk kerugian operasi masa hadapan.

Jika terdapat beberapa obligasi yang serupa, kemungkinan keperluan aliran keluar untuk penyelesaian ditentukan dengan mempertimbangkan obligasi-obligasi tersebut secara keseluruhan mengikut kelas. Peruntukan diiktiraf walaupun kemungkinan aliran keluar berhubung dengan mana-mana perkara yang termasuk dalam sesuatu kelas obligasi yang sama adalah kecil.

Peruntukan diukur sebagai nilai semasa perbelanjaan yang dijangka akan diperlukan untuk menjelaskan obligasi dengan menggunakan kadar sebelum cukai yang menggambarkan taksiran pasaran semasa nilai masa wang dan risiko khusus obligasi. Peningkatan dalam peruntukan yang disebabkan oleh peredaran masa diiktiraf sebagai perbelanjaan faedah.

#### (q) Pengiktirafan Pendapatan

Pendapatan terdiri daripada nilai saksama pertimbangan diterima atau boleh terima bagi perkhidmatan yang diberikan mengikut aktiviti Suruhanjaya yang biasa. Pendapatan dinyatakan sebagai nilai bersih selepas cukai tambah nilai, pengembalian, rebat dan diskua.

Suruhanjaya mengiktiraf hasil apabila amaun tersebut boleh diukur dan dipercayai, kemungkinan aliran manfaat ekonomi masa hadapan kepada Suruhanjaya dan kriteria tertentu telah dapat dipenuhi bagi setiap aktiviti Suruhanjaya seperti berikut:

##### *(i) Pendapatan Perkhidmatan*

Pendapatan perkhidmatan terdiri daripada kutipan fi pendaftaran syarikat dan perniagaan dan bekalan maklumat korporat sebagaimana yang diperuntukkan di bawah Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012 masing-masing. Pendapatan ini diiktiraf apabila sesuatu perkhidmatan telah sempurna dilaksanakan.

##### *(ii) Kompaun*

Kompaun diiktiraf apabila pembayaran diterima kerana memandangkan setiap kompaun yang dikeluarkan hanyalah merupakan satu tawaran dengan tempoh pembayaran yang ditetapkan oleh Pendaftar. Kompaun yang tidak dijelaskan dalam tempoh yang ditetapkan akan disusuli dengan tindakan pendakwaan selaras dengan peruntukan Akta Syarikat 1965, Akta Pendaftaran Perniagaan 1956 dan Akta Perkongsian Liabiliti Terhad 2012.

Walau bagaimanapun, denda yang diperolehi daripada keputusan Mahkamah hasil daripada tindakan pendakwaan adalah merupakan hasil Kerajaan dan bukannya Suruhanjaya.



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 2. POLISI PERAKAUNAN YANG SIGNIFIKAN (sambungan)

- (q) Pengiktirafan Pendapatan (sambungan)  
 (iii) Program Latihan Korporat

Pendapatan daripada Program Latihan Korporat diiktiraf apabila program selesai dilaksanakan.

- (iv) Faedah, Dividen dan Keuntungan

Faedah, dividen dan keuntungan diiktiraf mengikut kaedah perkadaran masa, dengan mengambil kira tunggakan prinsipal dan kadar efektif sehingga tempoh matang, apabila pendapatan berkenaan pasti akan diakrukan kepada Suruhanjaya.

(r) Instrumen Kewangan

Instrumen kewangan adalah sebarang kontrak yang meningkatkan aset kewangan sesebuah perusahaan dan liabiliti kewangan atau instrumen ekuiti kepada perusahaan yang lain.

Aset kewangan adalah sebarang aset yang berupa wang tunai, hak berkontrak untuk menerima wang tunai atau lain-lain aset kewangan daripada perusahaan lain, hak berkontrak untuk menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi menguntungkan, atau instrumen ekuiti perusahaan lain.

Liabiliti kewangan adalah sebarang tanggungan yang merupakan obligasi berkontrak untuk memberi wang tunai atau aset kewangan lain kepada perusahaan lain, atau menukar instrumen kewangan dengan perusahaan lain di bawah syarat yang berpotensi tidak menguntungkan.

Kaedah pengiktirafan yang diterima pakai bagi instrumen kewangan yang diiktiraf dalam lembaran imbalan didedahkan dalam kenyataan polisi perakaunan individu yang berkaitan dengan setiap instrumen kewangan.

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN

Kos	Bangunan RM	Peralatan Bangunan RM	Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan RM	Peralatan dan Perisian Komputer RM	Kenderaan Bermotor RM	Ubahsuai RM	Jumlah RM
Pada 1 Januari 2014	135,307,436	16,650,580	15,021,079	62,170,518	7,627,681	35,922,906	272,700,200
Tambahan	-	-	91,213	2,735,390	-	-	2,826,603
Pelupusan	-	-	(757,078)	(541,747)	-	-	(1,298,825)
<b>Pada 31 Disember 2014</b>	<b>135,307,436</b>	<b>16,650,580</b>	<b>14,355,214</b>	<b>64,364,161</b>	<b>7,627,681</b>	<b>35,922,906</b>	<b>274,227,978</b>
<b>Susutnilai terkumpul dan kemererosotan</b>							
Pada 1 Januari 2014	10,824,596	13,024,464	11,923,449	52,488,288	4,432,705	29,989,035	122,682,537
Susutnilai tahun semasa	2,706,149	3,330,116	2,184,236	4,596,838	1,075,784	4,943,654	18,836,777
Pelupusan	-	-	(737,282)	(541,595)	-	-	(1,278,877)
<b>Pada 31 Disember 2014</b>	<b>13,530,745</b>	<b>16,354,580</b>	<b>13,370,403</b>	<b>59,694,512</b>	<b>5,508,489</b>	<b>34,932,689</b>	<b>143,391,418</b>
<b>Nilai buku bersih</b>							
<b>Pada 31 Disember 2014</b>	<b>121,776,691</b>	<b>296,000</b>	<b>984,811</b>	<b>4,669,649</b>	<b>2,119,192</b>	<b>990,217</b>	<b>130,836,560</b>

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Kos	Bangunan	Peralatan Bangunan	Peralatan Pejabat, Perabot dan Kelengkapan	Peralatan dan Perisian Komputer	Kenderaan Bermotor	Ubahsuai	Jumlah	RM
Pada 1 Januari 2013	135,307,436	16,650,580	14,485,308	58,662,533	7738,228	35,922,906	268,766,991	
Tambahahan	-	-	683,914	3,578,360	1,094,765	-	5,357,039	
Pelupusan	-	-	(148,143)	(70,375)	(1,205,312)	-	(1,423,830)	
<b>Pada 31 Disember 2013</b>	<b>135,307,436</b>	<b>16,650,580</b>	<b>15,021,079</b>	<b>62,170,518</b>	<b>7,627,681</b>	<b>35,922,906</b>	<b>272,700,200</b>	
<b>Susutnilai terkumpul dan kerosotan</b>								
Pada 1 Januari 2013	8,118,447	9,694,348	9,878,687	45,568,966	4,631,223	25,045,381	102,937,052	
Susutnilai tahun semasa	2,706,149	3,330,116	2,192,642	6,989,687	1,006,775	4,943,654	21,169,023	
Pelupusan	-	-	(147,880)	(70,365)	(1,205,293)	-	(1,423,538)	
Kerugian kerosotan	-	-	-	3,150,981	-	-	3,150,981	
<b>Pada 31 Disember 2013</b>	<b>10,824,596</b>	<b>13,024,464</b>	<b>11,923,449</b>	<b>55,639,269</b>	<b>4,432,705</b>	<b>29,989,035</b>	<b>125,833,518</b>	
<b>Nilai buku bersih</b>								
<b>Pada 31 Disember 2013</b>	<b>124,482,840</b>	<b>3,626,116</b>	<b>3,097,630</b>	<b>6,531,249</b>	<b>3,194,976</b>	<b>5,933,871</b>	<b>146,866,682</b>	

127

## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 3. HARTA, KELENGKAPAN DAN PERALATAN (sambungan)

Aset-aset Projek Migrasi telah dipeletakkan kepada Suruhanjaya mengikut Perjanjian Novasi (Novation Agreement) bertarikh 23 April 2004 dan dinyatakan pada nilai saksama pada tarikh peletakan.

Ujian kemerosotan telah dilaksanakan ke atas aset-aset ini dan kerugian kemerosotan berjumlah RM 3,150,981 telah diiktiraf dalam penyata pendapatan.

### 4. PELABURAN JANGKA PANJANG

	2014 RM	2013 RM
Sukuk	150,708,519	45,843,848
Sekuriti Hutang	14,891,253	94,565,165
Akaun Amanah	30,455,563	60,377,284
Unit Amanah	9,324,638	5,000,000
	<b>205,379,973</b>	<b>205,786,297</b>

Pelaburan jangka panjang terdiri daripada pelaburan dalam Keluaran Pelaburan Kerajaan, Cagamas Berhad Sukuk, *Islamic Medium Term Notes* dan Unit Amanah dengan kadar kupon antara 3.55% to 5.05% (2013: 3.65% hingga 3.65%). Tempoh peletakan untuk pelaburan ini adalah sehingga lima (5) tahun.

Suruhanjaya juga telah meletakkan dananya dalam Akaun Amanah Institusi yang diselenggarakan oleh Amanah Raya Berhad, satu syarikat awam berhad dengan saham yang ditubuhkan di Malaysia. Keuntungan kasar boleh terima oleh Suruhanjaya ialah 4.25% setahun (2013: 5% setahun) dan tempoh matang peletakan selama tiga (3) tahun (2013: lima (5) tahun).

Struktur kematangan pelaburan jangka panjang pada akhir tahun kewangan adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
<b>Aset Semasa</b>		
Dalam tempoh satu (1) tahun (lihat Nota 9)	30,124,690	104,806,526
<b>Aset Bukan Semasa</b>		
Sehingga tempoh lima (5) tahun	175,255,283	100,979,771
	<b>205,379,973</b>	<b>205,786,297</b>

128



## NOTA KEPADA PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2014

### 4. PELABURAN JANGKA PANJANG (sambungan)

Dalam tahun semasa, Suruhanjaya telah meluluskan pelaburan dalam Unit Amanah dengan jumlah maksima sebanyak RM 10.0 juta (2013: RM 5.0 juta) untuk tempoh maksima tiga (3) tahun. Nilai pasaran pelaburan pada 31 Disember 2014 adalah seperti berikut:

	2014 RM	2013 RM
<b>Pada Kos</b>		
AIIMAN Growth Fund	2,500,000	2,500,000
AIIMAN Select Income Fund	2,500,000	2,500,000
CIMB - DALI Equity Growth Fund	2,500,000	-
CIMB - DALI Equity Theme Fund	2,500,000	-
Public Mutual PIOF	5,000,000	205,786,297
<b>Rosot Nilai:</b>		
CIMB - DALI Equity Growth Fund	(172,079)	-
CIMB - DALI Equity Theme Fund	(150,821)	-
Public Mutual PIOF	(352,462)	-
<b>Keuntungan Diterima:</b>		
AIIMAN Growth Fund	270,309	-
AIIMAN Select Income Fund	145,374	-
<b>Pada Nilai Pasaran</b>		
AIIMAN Growth Fund	2,770,309	2,600,203
AIIMAN Select Income Fund	2,645,374	2,503,482
CIMB - DALI Equity Growth Fund	2,327,921	-
CIMB - DALI Equity Theme Fund	2,349,179	-
Public Mutual PIOF	4,647,538	-

Pelaburan dalam *AIIMAN Growth Fund* dan *AIIMAN Select Income Fund* telah dilupuskan dalam tahun kewangan semasa.

### 5. KERJA DALAM KEMAJUAN

	2014 RM	2013 RM
Baki pada 1 Januari	1,981,638	2,990,314
Tambahan kerja dalam kemajuan dalam tahun kewangan	5,447,117	1,694,674
Permodalan kepada harta, kelengkapan dan peralatan	(2,591,300)	(2,703,350)
